

EKONOMI PASARAN SOSIAL

Alternatif Untuk Malaysia?

Noor Amin Ahmad



Institut Kajian Dasar

Ekonomi Pasaran Sosial:
Alternatif Untuk Malaysia?

Buku ini merupakan hasil kajian Noor Amin bin Ahmad

diterbitkan oleh
Institut Kajian Dasar (IKD)
1-35, Jalan Orkid 1F,
Seksyen BS 1, Bukit Sentosa,
Rawang, Selangor,
Malaysia.
(ikdbudaya@gmail.com)

dengan kerjasama
Konrad Adenauer Stiftung

Cetakan Pertama, 2011.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan
1. Ekonomi 2. Pasaran 3. Sosial I. Noor Amin bin Ahmad
II. Judul: Ekonomi Pasaran Sosial

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan-ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Institut Kajian Dasar.

ISBN 978 983 884 096 5

font Bookman Old Style

dicetak di
Mj Production
No. 23 Jln. PBS 14/13,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Daftar isi

Pengarang	4
Penghargaan	5
Pendahuluan	6
Bab 1	
Dari Weimar ke Sosialisme Kebangsaan (Nazi)	9
Bab 2	
Wirtschaftswunder – kemakmuran ekonomi zon pendudukan Barat	31
Bab 3	
Ekonomi pasaran sosial	91
Bab 4	
Pengalaman Jerman – pelajaran untuk Malaysia	109
Penutup	142
Rujukan	143

Pengarang

Noor Amin bin Ahmad, 29 ialah mantan Naib Yang Dipertua, Majlis Perwakilan, Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM). Selain itu, beliau turut aktif dalam pelbagai kegiatan kepimpinan yang lain di universiti misalnya sebagai Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Perhutanan dan Pengerusi Kelab Kejurulatihan dan Kepemimpinan Rekreasi Luar.

Sepanjang pengajiannya di universiti, beliau pernah dianugerahkan sijil dekan serta anugerah kepimpinan di peringkat fakulti pengajian dan Anugerah Naib Canselor. Selain itu, beliau dianugerahkan sijil merit selepas menunjukkan daya kepimpinan tinggi semasa mengikuti kursus 25 hari di Outward Bound Malaysia, Lumut (OBML).

Beliau pernah menyelaras Kajian Islam dan Demokrasi di seluruh Malaysia di bawah Merdeka Center. Kemudian, beliau diambil menjadi Pegawai Penyelidik di Malaysia Think Tank, London (kini dikenali sebagai Institute for Democracy and Economic Affairs, IDEAS). Selepas dilantik sebagai Pegawai Komunikasi di Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor, beliau kekal sebagai Felo di IDEAS. Universiti Pennsylvania dalam kajiannya meletakkan IDEAS sebagai badan pemikir baru kedua terbaik di Asia dan e-18 terbaik di dunia.

Amin juga banyak terlibat menyampaikan pandangan dalam pelbagai medium, sama ada bertulis atau lisan.

Tulisan-tulisannya pernah terbit di the Malaysian Insider dan Utusan Malaysia, selain di kolumnya di MStar dan JalanTelawi.com.

Antara organisasi yang pernah menjemputnya ialah Institut Kajian Dasar (IKD), Open Dialogue Centre (ODC), Middle-Eastern Graduates Center (MEGC) dan Youth for Political Education.

Beliau juga pernah tampil ke udara secara langsung melalui pelbagai wacana di Astro Awani dan Rancangan Televisyen Malaysia (RTM).

Penghargaan

Setinggi penghargaan tentunya kepada Encik Khalid Jaafar, Pengarah Eksekutif, Institut Kajian Dasar (IKD) yang memberikan saya peluang untuk membuat kajian ringkas tentang Ekonomi Pasaran Sosial yang dinisbahkan sebagai sumber kekuatan ekonomi Jerman (Barat) pasca Perang Dunia Kedua.

Rasa terima kasih buat Siti Kamariah binti Ahmad Subki, isteri yang sabar dan memahami kegiatan menulis saya. Sokongan yang diberikannya sangat bermakna dan penting untuk membolehkan tumpuan, masa, wang dan tenaga saya disalurkan untuk tujuan ini.

Tidak lupa kepada kakitangan IKD terutama Fakhri dan Farhan yang turut bersabar dalam proses menanti buku ini siap pada waktunya. Dalam kesibukan kerja di Pejabat Dato' Menteri Besar, sudah tentu saya punya kelebihan yang terhad untuk menyiapkan buku ini. Saya juga turut dibantu oleh Naim Ahmad untuk menyiapkan buku ini.

Selain daripada mereka ini, saya sangat menghargai rakan-rakan yang pernah dan masih terlibat dalam membantu saya belajar dan membina pemikiran kritis. Galakan daripada pelbagai pihak agar saya aktif menulis juga penting untuk saya meneruskan proses kematangan pemikiran.

Buku ini sebenarnya tidaklah lengkap tetapi untuk saya ia cukup untuk memberikan konteks dan beberapa panduan kepada persoalan yang dibincangkan. Ketidaktepatan buku ini menjelaskan bahawa banyak lagi yang perlu saya pelajari daripada semua pihak.

Pendahuluan

Saya hanya membentuk minat dalam hal ekonomi kemudian, kerana bidang pengajian di sekolah dan universiti adalah dalam sains tulen. Jika ada pun sedikit hal berkaitan ekonomi yang sering saya perkatakan ialah persoalan rasuah dan kemiskinan. Itupun kerana pengaruh pelbagai isu berbangkit ketika seruan reformasi menggegarkan negara.

Mungkin saya bertuah kerana dalam tempoh itu mula mengenali IKD yang beroperasi di Bangsar dulunya. Kerana kurang terdedah dengan jenis wacana tinggi, saya lebih banyak diam dan mengikuti perbincangan teman-teman. Waktu itu selain IKD saya juga banyak bergaul dengan aktivis UBU, atau Universiti Bangsar Utama (universiti bukan universiti). Mereka adalah aktivis mahasiswa yang terkenal dengan keberanian memilih aksi jalan raya untuk menyatakan sikap.

Di UBU saya banyak didedahkan dengan idea-idea yang dikenali kiri. Sebenarnya pada masa yang sama perbincangan di IKD – meskipun banyak membincangkan soal falsafah dan agama – tidak terlepas membincangkan isu ekonomi. Saya masih ingat pada tahun 2003, Khalid Jaafar pernah bertanya kepada peserta tentang mengapa Malaysia tidak tumbuh seperti Singapura, Korea Selatan dan Taiwan sedangkan negara kita pernah setara dengan semua negara itu satu ketika dulu. Kami tak pernah menjawabnya. Bagi kami soalan itu terlalu sukar. Untuk menjawab secara mudah bahawa negara kita banyak rasuah tidak memadai.

Kemudian para pengasas Malaysia Think Tank, London (MTT) ke IKD bertemu dengan Khalid Jaafar. Memang di Malaysia jarang ditemukan mereka yang mendokong pasaran bebas secara terbuka. Tetapi sebenarnya mereka ini ada dan Khalid Jaafar adalah antaranya. Sebagai sebuah badan pemikir baru bertunjangkan pasaran bebas, MTT sedang mencari seorang kakitangan yang boleh membantu mereka beroperasi di Malaysia kerana pada waktu itu mereka beroperasi di London.

Panggilan masuk dan Khalid Jaafar bertanya sama ada saya sanggup mengambil jawatan itu. Selepas perbincangan, akhirnya persetujuan dicapai dan saya mula bekerja dengan MTT. Saya dihantar ke Amerika Syarikat bagi mengikuti kursus musim panas University Cato. Selepas pulang, saya mula menganjurkan pelbagai program, menulis dan dijemput pelbagai organisasi dan rancangan televisyen berkongsi pandangan.

Saya masih mengekalkan hubungan dengan IKD. Banyak program anjuran IKD yang merupakan rakan kepada Yayasan Konrad Adenauer (KAF) telah saya hadiri sejak kira-kira 10 tahun lalu. Konrad Adenauer ialah Canselor pertama Jerman Barat pasca Perang Dunia Kedua dan KAF adalah yayasan yang sangat berpengaruh di Jerman. Mereka beroperasi di banyak negara untuk mengembangkan idea demokrasi dan ekonomi pasaran sosial yang dinisbahkan sebagai sebab pendorong kebangkitan semula Jerman selepas menghadapi kemusnahan akibat perang.

Program terakhir yang saya hadiri ialah Seminar Ekonomi Pasaran Sosial: Alternatif untuk Malaysia? Ketika mengikuti program itulah Khalid Jaafar meminta saya menulis sebuah buku tentangnya.

Ia adalah cabaran buat saya. Ekonomi bukanlah satu bidang mudah tetapi penuh dinamika. Ketika membaca pelbagai bahan untuk menyiapkan buku ini, saya memutuskan untuk memasukkan elemen sejarah dan juga perkembangan Jerman hingga kini. Ini kerana ekonomi pasaran sosial turut berdepan dengan perkembangan zaman dan ia berubah kemudiannya. Ada yang menyifatkan sistem itu kini lebih cocok dengan negara kebajikan dan tidak lagi mewakili semangat asalnya, pasaran bebas.

Sejauh mana pun kejayaannya, ekonomi pasaran sosial tidak dapat mengelak daripada terbentuk dalam konteks sejarah yang rumit. Sekiranya kita membaca buku dan dokumen sejarah berkaitannya, kompleksiti yang ada cukup banyak. Pelaksanaannya tidak mudah, terutama hubungannya dengan desakan politik.

Dalam bab 1 dan 2, saya memuatkan sejarah Jerman pasca Perang Dunia Pertama dengan mengambil Republik Weimar sebagai contoh kes di mana demokrasi boleh disalahgunakan. Kemudian, Jerman terpisah kepada zon

Timur dan Barat sehinggalah ia kembali bersama sekitar satu dekad sebelum millennium baru. Ini menjelaskan bagaimana sistem demokrasi itu lebih baik daripada komunisme serta pasaran bebas itu lebih baik daripada ekonomi berpusat.

Bab 3 membincangkan ekonomi pasaran sosial secara khusus di mana tujuan dan prinsip-prinsip utama serta prinsip-prinsip sokongannya dijelaskan.

Sebenarnya tidak mudah untuk membandingkan dua buah negara kerana masing-masing mempunyai dinamikanya tersendiri. Perbincangan mengenai situasi Malaysia yang memerlukan alternatif pemulihan ekonomi dibuat dalam bab 4 dengan sedikit perbandingan tentang apa yang boleh dipelajari daripada pengalaman Jerman.

Saya percaya buku ini hanyalah perbincangan asas dan memerlukan penelitian lanjut oleh semua.

**Amin Ahmad,
24 Disember 2011
Shah Alam**

**Dari Weimar kepada
Sosialisme Kebangsaan (Nazi)**
- bab satu -

Pasca Perang Dunia Pertama – konflik dan transisi pemerintahan

Perang Dunia Pertama yang berakhir pada tahun 1918 menyaksikan Jerman tewas dan bersetuju untuk melakukan gencatan senjata pada 11 November tahun tersebut. Pada 28 November, Maharaja (Kaiser) Wilhelm II turun daripada takhtanya. Bagaimanapun, Perjanjian Damai Versailles hanya ditandatangani selepas enam bulan, iaitu pada 28 Jun 1919. Di bawah Artikel 231-248 yang kemudiannya dikenali sebagai klausa Kesalahan Perang.

Sebahagian maklumat berkaitan Perjanjian Versailles

1. Gencatan senjata selepas Perang Dunia Pertama ditandatangani pada 11 November 1918.
2. Persidangan Aman di Paris pada 18 Januari 1919 membincangkan pelbagai isu antara negara, diketuai oleh Tiga Kuasa Besar iaitu Amerika Syarikat, Britain dan Perancis. Antara keputusan yang diambil ialah berkaitan kesalahan perang dan denda berkaitan yang dimasukkan dalam Perjanjian Versailles. Liga Negara-Negara juga diwujudkan.
3. Perjanjian Versailles ditandatangani antara pihak Jerman dan Kuasa Bersekutu pada 28 Jun 1919. Ia didaftar oleh Sekretariat Liga Negara-Negara pada 21 Oktober 1919.
4. Jerman dipertanggungjawabkan (bersama Austria dan Hungary, berdasarkan perjanjian lain – Saint German dan Trianon) dalam Perang Dunia Pertama dan perlu menghadkan bilangan tentera (sehingga 100 ribu orang sahaja) dan kelengkapan ketenteraan, menyerahkan kawasan Rhineland kepada Kuasa Bersekutu selama 15 tahun serta membayar hutang perang sebanyak 269 billion Mark (mata wang Jerman pada waktu itu, yang senilai dengan 785 billion dolar Amerika pada tahun 2011).
5. Maharaja Wilhelm II dan sejumlah yang lain dibicarakan sebagai penjenayah perang.

Sebenarnya Jerman menolak klausa yang memaksa mereka menerima tanpa bantahan atau rundingan ini. Ini kerana Jerman tidak bersetuju bahawa hanya mereka yang bertanggungjawab dalam peperangan tersebut. Ia dilihat sebagai tidak adil dan akhirnya Philipp Scheidemann, Canselor Jerman pada waktu itu telah meletakkan jawatan kerana tidak mahu menandatangani Perjanjian tersebut.

Selepas membincangkan pilihan yang ada – menandatangani perjanjian atau menghadapi kemungkinan perang sekali lagi – Friedrich Ebert, Presiden Jerman pada waktu itu tidak dapat menolak desakan untuk menandatangani perjanjian tersebut. Akhirnya, dua orang Menteriya dihantar untuk mewakili upacara tandatangan bagi pihak Jerman.

Sebagai sebuah kuasa dunia ketika itu, kekalahan tersebut tentulah sukar diterima, lebih-lebih lagi apabila Jerman dipertanggungjawabkan untuk segala kerosakan yang berlaku. Jutaan tentera dan orang awam mati dan ramai yang cedera dalam peperangan. Bekalan makanan seringkali terputus. Situasi ekonomi Jerman tidak menentu ketika itu diparahkan lagi dengan perjanjian tersebut.

Jerman pada ketika itu tidak ubah seperti Rusia pada tahun 1917. Siri tunjuk perasaan dan protes mula mengambil tempat. Jika revolusi komunis di Rusia berhasil menjatuhkan Maharaja (atau Tsar) Nicholas II, gerakan yang sama juga cuba mengambil alih kerajaan di Jerman. Sebahagian pemberontak ialah bekas tentera dan masih menyimpan senjata. Mereka antara kelompok yang mengecam persetujuan menandatangani Perjanjian Versailles. Untuk mengawal situasi ini, Freikorps (tentera sukarela) dipanggil. Mereka berjaya menundukkan gerakan pemberontakan dan menyelamatkan kerajaan.

Pembentukan Republik Weimar – batu asas demokrasi di Jerman

Kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama serta penurunan takhta Maharaja Wilhelm II telah membuka dimensi baru dalam kehidupan kenegaraan Jerman.

Ia bermula dengan pilihan raya pada Januari 1919, sekaligus menjadi tanda bermulanya Republik Weimar – batu asas demokrasi di Jerman. Parti Demokrasi Sosial yang memimpin gabungan parti-parti lain mendapat sekitar 85% sokongan dan membentuk kerajaan. Pada 11 Februari tahun yang sama, Friedrich Ebert dipilih sebagai Presiden pertama Jerman di bawah sistem baru.

Sejarah singkat Republik ini sehingga tahun 1933 penting kerana ia memuatkan sejumlah persoalan berkaitan transisi sistem politik, ekonomi dan sosial serta kesannya.

Dari segi politiknya, Jerman mula mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana Canselor dipilih melalui satu pilihan raya yang bebas dan adil. Ini beerti Weimar dipandu oleh sebuah perlembagaan baru dan berbeza berbanding Jerman sebelumnya. Ini turut menyentuh persoalan perundangan yang berkaitan dengan polis dan kehakiman.

Dari segi ekonominya, Jerman berdepan tuntutan 'hutang perang' yang cukup tinggi sambil situasi ekonomi dalam negara yang tidak menentu. Hal ini memberi kesan kepada aspek sosial dengan berlakunya kesenjangan dalam masyarakat yang ditandai oleh keganasan, kemelaratan, persoalan pendidikan yang terabai dan juga kebebasan institusi sosial seperti gereja. Pemberontakan yang berlaku misalnya hanya mula reda pada tahun 1923.

Republik Weimar muncul sebagai pusat pemerintahan kerana ia jauh lebih stabil dan aman berbanding situasi di Berlin pada ketika itu. Weimar sebenarnya hanyalah sebuah bandar di negeri Thuringia, Jerman. Pada 6 Februari 1919, Perlembagaan Weimar (*Weimar Verfassung*) mula dirangka dan didebatkan bagi menggantikan Perlembagaan Empayar Jerman yang dipakai sejak 1871.

Akhirnya Perlembagaan baru ditandatangani oleh Friedrich Ebert selaku Presiden pada 11 Ogos 1919, mengabsahkan sistem baru dengan peruntukan artikel pertama menjelaskan legitimasi kerajaan datangnya daripada pilihan rakyat. Sistem perwakilan berkadar (*proportional representation*) dipilih dengan hak untuk

mengundi bermula pada usia minimum 20 tahun. Perlembagaan Weimar terbahagi kepada dua bahagian, dengan tujuh seksyen di bahagian pertama dan lima seksyen di bahagian kedua.

Bagaimanapun, kestabilan Jerman masih belum jelas. Ebert yang pada mulanya menyokong keterlibatan Jerman dalam Perang Dunia Pertama telah mendapat kritikan hebat apabila menandatangani Perjanjian Versailles. Bekas tentera, khususnya Eric Ludendorff, salah seorang komandernya menentang pilihan tersebut dan mengisytiharkan bahawa ia merupakan tindakan 'tikam belakang' kepada semua tentera Jerman. Pandangan Ludendorff ini bukanlah terpengaruh tetapi diterima ramai sehingga ia dijadikan lagenda – bahawa sebab sebenar kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama bukanlah disebabkan perang itu sendiri tetapi akibat pengkhianatan sejumlah pihak yang mahu berkuasa di negara Jerman. Kelompok yang berpegang dengan pandangan ini menganggap persetujuan perletakan senjata melalui Perjanjian Versailles itu sebagai Jenayah November oleh para pemimpin kerajaan mereka.

Dalam situasi seperti ini, bagaimana sebuah kerajaan boleh mendorong individu dan masyarakat untuk berkompromi tentang kepentingan diri mereka bagi memenuhi kepentingan bersama yang lebih besar?

Krisis di Weimar – inflasi dan pemberontakan

Jerman gagal memenuhi Perjanjian Versailles dalam hal pembayaran hutang. Ini telah mendorong Perancis dan Belgium untuk menduduki Ruhrgebiet, satu kawasan penempatan kilang senjata di Jerman. Menyedari lemahnya Jerman pada waktu itu, Gustav Stresemann mengambil pendekatan penentangan pasif dengan mengisytiharkan bahawa para pekerja di Ruhr tidak perlu mengambil arahan daripada pihak Perancis dan Belgium. Seruan ini disambut oleh para pekerja dengan mogok. Produktiviti merosot dan Jerman terpaksa mencetak banyak wang untuk menanggung para pekerja tersebut.

Tindakan tersebut telah mendorong inflasi melambung tinggi dan ia mencetuskan satu masalah lain kepada

Jerman apabila mata wangnya merosot dengan teruk secara drastik. Akhirnya Jerman terpaksa memujuk semua pekerjaanya untuk menghentikan mogok.

Tahun	Dolar Amerika	Mark
1919	1	4.2
1921	1	75
Jan 1923	1	7000
Julai 1923	1	160,000
1 Nov 1923	1	1,300,000,000
16 Nov 1923	1	4,200,000,000,000

Inflasi di Republik Weimar 1919-1923

Bagi mengelakkan situasi lebih buruk, Jerman menyertai Pelan Dawes untuk memutuskan kaedah pembayaran hutang perang dan penstabilan ekonomi Jerman. Pelan ini dinamakan sempena sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Charles Gates Dawes, penerima hadiah Nobel Keamanan pada 1925.

Pelan ini dipersetujui oleh semua pihak terlibat. Perancis dan Belgium diarahkan meninggalkan Ruhr, Jerman perlu membayar satu billion mark bagi tahun pertama dan meningkatkan jumlah tersebut kepada dua setengah billion setiap tahun selepas lima tahun, bank negara Jerman juga akan diselia oleh negara bersekutu yang dihutangi Jerman dan sumber pembayaran hutang meliputi pengangkutan, eksais dan cukai.

Gustav Stresemann, Canselor Jerman yang baru ketika itu mengambil langkah memperkenalkan mata wang baru, Rentenmark dan juga mengambil pinjaman daripada Amerika Syarikat.

Selain daripada masalah hutang dan inflasi yang melambung, Jerman juga berdepan dengan pemberontakan di Munich. Ia dilancarkan oleh Adolf Hitler untuk menjatuhkan kerajaan Weimar. Tindakan ini sebenarnya cuba meniru pemberontakan Benito Mussolini di Rome, Itali.

Hitler mengambil kesempatan untuk menyemarakkan rasa tidak puas hati tentera Jerman dalam hal Perjanjian Versailles. Namun, Stresemann tidak memberikan perhatian yang besar untuk menangani pemberontakan ini. Akibatnya, Parti Demokrasi Sosial menarik diri daripada kerajaan dan sekaligus mengakibatkan Stresemann hilang legitimasi sebagai Canselor pada November tahun yang sama, selepas lebih sebulan menjawat kedudukan itu. Bagaimanapun, Stresemann dikekalkan sebagai Menteri Luar di bawah Canselor Wilhelm Marx.

Hitler dan pengikutnya kemudian dibicarakan. Nazi diharamkan. Hitler dipenjarakan dan tidak dibenarkan berucap kepada orang ramai sehingga tahun 1927. Ketika di penjara inilah Hitler menulis *Mein Kampf* (Perjuanganku) dan ia dibaca oleh jutaan rakyat Jerman. Bagi Hitler pemberontakan Munich yang cuba dilancarkan itu merupakan satu kemenangan publisiti kepada Nazi. Daripada sebuah gerakan pemberontakan yang kecil terdiri daripada penganggur dan bekas tentera, Nazi berjaya mendapat perhatian besar oleh media melalui perbicaraan yang dilalui oleh Hitler dan pengikutnya. Daripada jumlah sekitar 40 orang pada 1920, ia berkembang kepada sekitar 55000 orang pada 1923 dan terus bertambah selepas *Mein Kampf* diterbitkan.

Selepas bebas, Hitler mengembangkan doktrinnya melalui kumpulan Pemuda Hitler di samping bekerjasama dengan kumpulan yang tidak bersetuju dengan Republik Weimar. Propagandanya diperluaskan dengan memperbanyak cawangan Nazi dan mendapatkan sokongan individu berpengaruh di kalangan pentadbir dan pemimpin politik senior.

Selepas Pelan Dawes, ekonomi Jerman secara relatifnya bertambah baik. Tempoh antara 1924 hingga 1928 sering dirujuk sebagai zaman emas Republik Weimar. Mereka menerima bantuan kewangan dari Amerika dalam bentuk pelaburan dan pembayaran hutang. Ia mendorong penurunan pengangguran, kawalan inflasi. Pemberontakan dan keganasan juga hampir tidak berlaku. Perkembangan ini dinisbahkan kepada kepimpinan

Stresemann berikutan keputusan diplomatiknya dalam Pelan Dawes dan juga penyertaan semula Jerman dalam Liga Negara-Negara.

Sebahagian maklumat berkaitan Pelan Dawes

1. Perjanjian Versailles menetapkan bayaran hutang perang oleh Jerman sebanyak 269 billion Mark. Namun, Jerman tidak dapat membayarnya kerana terlalu tinggi.
2. Pelan Dawes dikemukakan sebagai ganti dengan empat keputusan utama iaitu kawasan Ruhr akan diduduki oleh tentera Kuasa Berikat, bayaran hutang akan bermula dengan nilai 1 billion Mark pada tahun pertama dan 2.5 billion Mark selepas 5 tahun, bank negara Jerman akan dikendalikan di bawah seliaan Kuasa Berikat dan sumber bayaran semula termasuk pengangkutan, eksais dan cukai.

Pelan Dawes tidak berjaya sepenuhnya kerana Jerman tidak berupaya untuk berterusan membayar dengan jumlah yang besar. Pelan Young, sempena nama jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Owen Young dirangka pada tahun 1928 untuk menggantikan Pelan Dawes.

Pelan baru yang dikemukakan ini mengurangkan lagi jumlah hutang kepada 112 billion Mark Emas (senilai dengan 103 billion dolar Amerika pada tahun 2011). Pembayaran dicadangkan sehingga 59 tahun (berakhir pada tahun 1988). Cadangan ini dibantah oleh United Kingdom tetapi akhirnya diputuskan selepas Persidangan Hague yang pertama sebelum dilaksanakan melalui Persidangan Hague yang kedua pada Januari 1930.

Kemelesetan Agung – jalan pintas untuk Hitler dan Nazi berkuasa

Masalah timbul apabila Kemelesetan Agung berlaku pada tahun 1929. Ia menyebabkan bantuan Amerika Syarikat kepada Jerman terpaksa dihentikan. Pinjaman yang diberikan juga dituntut semula selepas 90 hari kejatuhan pasaran saham di Wall Street. Ini telah mengembalikan masalah pengangguran yang besar dan ketegangan politik

di Jerman. Perlahan-lahan, rasa tidak gembira di Weimar kembali dirasakan oleh orang ramai dan alternatif lain yang menawarkan janji pemulihan mula dicari.

Sebahagian maklumat berkaitan Pelan Young

1. Jerman masih tidak dapat membayar hutang perang yang tinggi.
2. Pelan Young mengurangkan jumlah hutang kepada 112 billion Emas Mark (bersamaan dengan 103 billion dolar Amerika pada tahun 2011) dan ia mesti diselesaikan dalam tempoh 59 tahun (mengikut jadual, ia jatuh pada tahun 1988).
3. Ia hanya dilakukan secara formal pada tahun 1930.

Ekonomi Jerman terus merosot. Herbert Hoover, Presiden Amerika Syarikat ketika itu mengenakan moratorium satu tahun bagi bayaran balik oleh Jerman. Dengan situasi yang cukup buruk ketika itu, permintaan bayaran balik dan hutang perang daripada Jerman adalah sesuatu yang tidak munasabah kerana ia sudah diketahui pasti tidak akan dapat dilakukan.

Satu persetujuan dicapai melalui Persidangan Lausanne (sempena nama tempat di Switzerland) untuk tidak meneruskan tekanan kepada Jerman membayar pada kadar segera, pengurangan jumlah hutang sehingga 90% dengan Jerman perlu mengeluarkan bon di samping keperluan mendapatkan persetujuan Amerika Syarikat bagi membolehkan ia dikuatkuasakan.

Amerika Syarikat menolak cadangan tersebut, sekaligus menjadikan Pelan Young yang dipersetujui sebelumnya berjalan. Namun ia tidak dapat dilaksanakan kerana Jerman tidak berupaya untuk membayar. Sehingga tahun 1933, Jerman hanya mampu membayar satu per lapan daripada jumlah hutang mereka. Tekanan kemelesetan ekonomi terus parah. Ini dapat dilihat melalui statistik pengangguran yang ada. Ia sekaligus telah melemahkan Republik Weimar dan pada masa yang sama meningkatkan populariti Hitler.

**Sebahagian maklumat berkaitan
Persidangan Lausanne**

1. Bertujuan untuk menggantung pembayaran hutang perang oleh negara-negara yang tewas semasa Perang Dunia Pertama.
2. Bermula pada 16 Jun 1932 sehingga 9 Julai 1932.
3. Negara-negara yang membentuk Kuasa Berikat bermasalah kerana mempunyai hutang untuk menampung belanja perang di samping kerosakan yang berlaku semasa perang. Akhirnya mereka menanti persetujuan Amerika Syarikat untuk mengesahkan keputusan persidangan tersebut.
4. Amerika Syarikat menolak cadangan yang dikemukakan, sekaligus menjadikan Pelan Young terus berkuatkuasa.

Tahun	Anggaran
1930	3,000,000
1931	4,350,000
1932	5,100,000
1933	6,100,000

Pengangguran di Republik Weimar (1928-1933)

Hitler gagal dalam percubaan bertanding pilihan raya Presiden pada Julai 1932. Namun, Nazi telah berhasil menguasai sekitar 37% daripada kerusi Reichstag (Parlimen) dan mendapat undi majoriti. Meskipun begitu, Paul von Hindenburg yang diangkat menjadi Presiden selepas kematian Friedrich Ebert tidak berminat untuk melantik Hitler sebagai Canselor. Pendirian Hitler yang menolak sistem demokrasi di Jerman cukup mengkusarkannya. Beliau telah memilih Franz von Papen sebagai Canselor, dengan sokongan daripada Parti Pusat yang memenangi 97 kerusi semasa pilihan raya terakhir pada Julai 1932. Bagaimanapun, von Papen menghadapi undi tidak percaya di Reichstag apabila 513 perwakilan menolak beliau berbanding 32 yang menyokong. Ini telah memaksa beliau untuk memanggil pilihan raya pada November tahun yang sama. Namun keputusannya

menunjukkan dengan jelas bahawa kepimpinannya ditolak dengan Parti Tengah hanya mengekalkan 70 kerusi sahaja.

Keputusan Pilihan Raya Reichstag (1928-1932)				
Parti	1928	1930	Julai 1932	Nov 1932
Demokrasi Sosial	153	143	133	121
Pusat	62	68	75	70
Komunis	54	77	89	100
Nazi	12	107	230	196
Rakyat	45	30	7	11

Keputusan ini digunakan oleh Hitler untuk mendesak dirinya dilantik sebagai Canselor yang baru. Bagaimanapun, von Hindenburg masih berkeras menolak. Jeneral Kurt von Schleicer, seorang pemimpin tentera pada waktu itu mengingatkan bahawa sebarang usaha melantik von Papen sebagai Canselor sekali lagi hanya akan menyebabkan berlaku perang sivil di Jerman. Kerana tidak mempunyai banyak pilihan, von Hindenburg membuat satu keputusan mengejut dengan melantik von Schleicer sebagai Canselor yang baru.

Pada 27 Februari 1933, berlaku kebakaran *Reichstag*. Meskipun tidak jelas bagaimana dan siapa yang terlibat, Hitler berjaya menjadikan peristiwa ini sebagai peluang untuk beliau meningkatkan kuasanya. Bermula dengan meyakinkan von Hindenburg akan peranan komunis dalam peristiwa itu, darurat diisytiharkan untuk menggantung hak asasi rakyat sehingga hal tersebut diselesaikan. Maka bermulalah tindakan menghancurkan institusi demokrasi dan pencabulan hak individu.

Kerajaan persekutuan yang dipimpin Hitler mendapat kuasa penuh di negeri-negeri yang keselamatan awamnya 'dianggap' terganggu. Tahanan tanpa bicara dan hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa sahaja yang dianggap mengganggu keselamatan awam, termasuk mempertikai darurat itu sendiri. Lazimnya semua tahanan akan didera.

Parti komunis diharamkan dan para pengikutnya adalah kelompok terawal yang menjadi mangsa tindakan ini.

Untuk mengukuhkan kuasanya, Hitler menggesa von Hindenburg untuk memanggil pilihan raya pada 5 Mac 1933. Meskipun mengenakan tekanan dan ugutan kepada parti-parti lawan, Nazi hanya berjaya meningkatkan sokongan kepada 44% sahaja. Hitler menekan negeri-negeri di mana parti lawan Nazi bertapak kuat. Undang-undang negeri seperti Bremen, Baden, Hamburg, Wurttemberg dan Bavaria misalnya diabaikan dengan alasan semua negeri tersebut tidak dapat mengawal ketenteraman awam.

Dengan jumlah perwakilan di Reichstag yang kurang dua pertiga, Hitler memerlukan sokongan daripada 31 perwakilan lain untuk meluluskan Akta Pembenaan (*Enabling Act*) yang membolehkan kerajaan menggubal undang-undang tanpa perlu melalui parlimen. Usaha ini dibantah oleh Perwakilan daripada Parti Demokrasi Sosial.

Bagaimanapun, Hitler berjaya memanipulasi Parti Pusat (*Center Party*) untuk menyokongnya, menjadikan 441 undi memihak kepadanya dan 81 menentang, semuanya daripada Parti Demokrasi Sosial.

Dengan kejayaan tersebut, Hitler mengisytiharkan pengharaman Parti Demokrasi Sosial dan kesatuan sekerja, sekaligus meruntuhkan sistem demokrasi di Jerman dengan menggantung pilihan raya dan membolehkan Nazi mengawal penuh pemerintahan negara Jerman sebagai parti tunggal. Ia diisytiharkan pada 14 Julai tahun yang sama, tidak sampai sebulan selepas Akta Pembenaan ditandatangani. Polis rahsia atau Gestapo serta kem tahanan khas juga diwujudkan untuk menangani sebarang kemungkinan penentangan.

Bagi mengukuhkan kuasanya kukuh, Hitler melumpuhkan kekuatan sosial yang mungkin ada dalam pergerakan agama. Wanita yang membentuk lebih separuh daripada jumlah populasi tidak lagi dibenarkan bekerja dan diarahkan berada di rumah. Melihat kegilaan ini, para intelektual dan artis melarikan diri ke tempat di mana mereka boleh menikmati kebebasan. Buku-buku yang dianggap subversif dibakar secara terbuka di Berlin.

Pada 14 Oktober 1933, Hitler mengisytiharkan Jerman keluar daripada Liga Negara-Negara. Kematiah von Hindenburg pada Ogos 1934, ketika usianya 87 tahun dikira sebagai tepat untuk Hitler mengisytiharkan dirinya sebagai *Fuhrer* (pemimpin tertinggi) Jerman, meskipun beliau secara amnya memang telah diberi gelaran itu oleh para pengikut Nazi dan rakyat Jerman.

Sebahagian maklumat berkaitan Akta Pembenaan

1. Kuasa Parlimen dipindahkan kepada Hitler dan kabinetnya untuk tempoh empat tahun.
2. Undang-undang dan perjanjian dengan negara luar juga tidak perlu melalui Parlimen.
3. Undang-undang yang diambil boleh berbeza dengan Perlembagaan.
4. Sebarang keputusan yang diambil tidak boleh dimansuhkan oleh mana-mana badan.

Tindakan tersebut sebenarnya menyalahi Perlembagaan Jerman berhubung pengganti Presiden dan juga Akta Pembolehan yang menghalang Hitler mengubah apa-apa peruntukan berkaitan jawatan Presiden. Namun, tidak ada yang berani membantah ketika Hitler mengisytiharkan penyatuan jawatan Presiden dan Canselor. Sebaik sahaja pengisytiharan dilakukan, ikrar taat setia kepada Hitler diwajibkan, menggantikan ikrar patuh kepada Perlembagaan dan negara Jerman yang diamalkan sebelumnya.

Bagi mengalih perhatian rakyat terhadap tindakan anti-demokrasinya, Hitler membangunkan program ekonominya tersendiri. Perdagangan dengan negara luar tidak digalakkan. Hitler percaya bahawa autarki (kemandirian tanpa bantuan luar) perlu dicapai oleh Jerman dan rakyatnya dalam sistem ekonomi. Bagaimanapun, hubungan dagang hanya dihentikan dengan negara-negara yang dianggap kuat dan mencabar dari segi kekuatan ketenteraan, tetapi tidak kepada negara-negara yang dianggap lemah dan mempunyai sumber penting untuk Jerman.

Selain daripada itu, sistem pengangkutan Jerman juga ditingkatkan. Projek jalan raya (*Autobahn*) yang perlahan akibat situasi ekonomi Jerman yang tidak stabil pasca Perang Dunia Pertama telah didorong oleh Hitler di mana 100,000 pekerja ditugaskan untuk menyiapkannya. Ia berhasil dalam menambahbaik infrastruktur, menyediakan peluang pekerjaan dan memberi imej positif kepada pemerintahan Hitler. Daripada 108 kilometer yang dibina pada 1935, ia meningkat kepada 3300 kilometer pada 1939.

Semasa projek ini dimulakan, kebanyakan rakyat Jerman hanya mampu memiliki motosikal. Maka idea untuk mengadakan sebuah kenderaan yang boleh mengangkut lebih ramai orang pada kadar kelajuan tertentu muncul. Namun Hitler mahu agar ia mampu dimiliki pada kadar yang rendah. Pada tahun 1936, KdF Wagen (*Kraft durch Freude*, bermaksud Kekuatan melalui Kegembiraan) telah dihasilkan sebagai percubaan. Ini sekali lagi telah menjadikan Hitler popular di kalangan rakyat Jerman.

Belanja besar mencecah ratusan bilion dikeluarkan untuk persiapan ketenteraan. Pengangguran jatuh pada kadar minima dan pendekatan Hitler ini diterima ramai kerana ia dianggap memberikan sesuatu berbanding tidak ada langsung atau pemberian terhad.

Kenaikan bahan mentah di dunia dan penurunan eksport memaksa Jerman membuka ruang kepada pengamal industri. Perlindungan diberikan kepada mereka, sekaligus menjadikannya bersifat monopoli. Sebagai balasan, para pengamal industri ini menyokong misi untuk meningkatkan kekuatan ketenteraan Jerman.

Antara tahun 1933 hingga tahun 1939, jumlah pengangguran di Jerman berkurangan secara mendadak. Bagaimanapun, jumlah pengangguran yang didaftarkan tidak termasuk wanita dan kumpulan yang dinafikan pekerjaan oleh Nazi melalui dasarnya.

Tahun	Jumlah pengangguran di Jerman
1934	3,300,000
1935	2,900,000
1936	2,500,000
1937	1,800,000
1938	1,000,000
1939	302,000

Pengangguran di Jerman antara 1933-1939

Sukan Olimpik Berlin turut memberi peluang pekerjaan. Pada tahun 1931, sebelum Hitler berkuasa, Jerman telah dijadualkan menjadi tuan rumah sukan ini pada tahun 1936, sebagai sebahagian usaha membantu ekonomi Jerman.

Joseph Goebbels, Menteri Propaganda kerajaan Hitler pada masa itu melihat itu sebagai peluang untuk memberi gambaran kepada masyarakat luar tentang Jerman yang baru. Perbelanjaan besar dikeluarkan untuk membina kompleks sukan gergasi yang boleh memuatkan lebih 100,000 orang penonton.

Empayar Jerman Ketiga – langkah menuju Perang Dunia Kedua

Selepas itu, Hitler mengatur langkah untuk membentuk Empayar Jerman Ketiga (*Third Reich*). Tindakan awal yang diambil ialah dengan melanggar Perjanjian Versailles yang menghadkan bilangan tentera Jerman kepada hanya 100,000 orang sahaja. Dalam tempoh yang singkat, jumlah ketenteraan Jerman ditingkatkan kepada lebih daripada setengah juta orang. Keputusan ini diambil oleh Hitler dalam keadaan Britain cuba menangani kegawatan ekonomi dan Perancis berdepan dengan konflik dalam negara.

Kemudian, 30,000 tentera dihantar ke Rhineland, Jerman, sebuah kawasan industri yang menurut Perjanjian Versailles ditetapkan tidak boleh dimasuki oleh tentera. Keberanian Hitler mencabar apa yang disifatkan

oleh rakyat Jerman sebagai peremehan terhadap negara dan maruah mereka itu telah berhasil meningkatkan popularitinya. Dalam referendum yang dibuat kemudiannya, 98.8% pengundi di Jerman menyatakan sokongan kepadanya.

Hitler terus dengan retorika mencintai keamanan. Namun pada hari beliau menandatangani perjanjian menghormati wilayah Poland, Hitler telah mendedahkan rancangan untuk mengembalikan maruah Jerman, meskipun perlu berperang dengan negara lain. Bagi merealisasikan hasrat ini, Hitler mula memimpin sendiri tentera Jerman. Ramai pemimpin tentera yang sudah berusia dan dilihat tidak berani mengambil risiko untuk memenuhi agenda beliau ditukar dan digantikan dengan pemimpin tentera yang baru dan lebih bersedia melaksanakan perintah.

Pada 1938, Austria ditakluk oleh Jerman. Dengan kejayaan tersebut, Hitler memasang cita-cita untuk meluaskan jajahannya kepada sebuah lagi negara, Czechoslovakia. Semua pegawai tertinggi tentera Jerman telah diarah untuk bersedia membuat serangan mulai 1 Oktober tahun yang sama. Namun, kekuatan ketenteraan negara Czechoslovakia sebenarnya melebihi Jerman. Ini memaksa pegawai tertinggi tentera Jerman mengatur satu pertemuan untuk mengelak daripada perang yang menurut pandangan mereka hanya bakal memusnahkan Jerman.

Persetujuan asal untuk semua pegawai tertinggi tentera meletakkan jawatan tidak berlaku apabila hanya seorang sahaja, Jeneral Ludwig Beck yang melakukannya. Hitler segera menggantikannya dengan Jeneral Franz Halder yang sebenarnya turut bersetuju untuk mengelakkan perang. Satu rancangan diatur oleh kedua-dua Jeneral ini untuk menjatuhkan Hitler dan menangkap semua Menteri. Bagaimanapun, usaha mereka untuk meyakinkan Britain dan Perancis menemui jalan buntu apabila agenda perang Hitler yang telah disampaikan tidak dipercayai oleh para pemimpin kedua-dua negara itu. Pada mereka, kesan Perang Dunia Pertama masih dirasakan dan tidak mungkin sesiapa mahu terus berperang lagi.

Sangkaan tersebut ternyata meleset. Hitler meneruskan agenda perang terhadap Czechoslovakia dengan mengadakan pakatan dengan Poland dan Hungary untuk berkongsi tanah jajahan yang bakal diperolehi sekiranya kedua negara itu memberikan kerjasama.

Menyedari hal ini, Britain dan Perancis menasihatkan Czechoslovakia untuk melepaskan wilayah Sudetenland yang lebih 50% penduduknya ialah warga Jerman. Kerana terasa kehilangan sokongan kedua-dua negara itu, Czechoslovakia bersetuju dengan cadangan tersebut.

Persetujuan ini mendorong Neville Chamberlain, Perdana Menteri Britain untuk menyampaikan kepada Hitler untuk mendapatkan Sudetenland tanpa perlu berperang. Namun agak mengejutkan apabila Hitler menolak cadangan itu dan mengemukakan permintaan untuk menempatkan tentera di sana. Akibatnya, Czechoslovakia, Perancis dan Britain mempersiapkan tentera masing-masing untuk bersedia menghadapi kemungkinan perang oleh Jerman.

Bagi menyemarakkan semangat peperangan, Hitler telah mengarahkan tentera untuk berkawad di jalan utama di Berlin. Namun apa yang kelihatan cukup berbeza dengan suasana Perang Dunia Pertama. Rakyat Jerman cuba memberi mesej kepada Hitler bahawa mereka tidak mahukan perang lagi dengan tidak keluar menyambut kawad tentera tersebut.

Hitler menangguhkan agenda perluasan kawasan jajahan tersebut dan menghubungi Chamberlain untuk menyatakan kesediaannya menerima apa yang ditawarkan dalam pertemuan sebelumnya – kawasan Stendenland.

Mesej yang disampaikan Hitler disambut baik oleh Chamberlain dan satu pertemuan disusun dengan kehadiran Benito Mussolini, pemimpin fasis dari Itali dan Edouard Daladier, Perdana Menteri Perancis di Munich, Jerman pada akhir September 1938.

Mussolini mengusulkan apa yang telah disampaikan kepadanya terlebih dahulu oleh Hitler – bahawa wilayah Stendenland akan diserahkan kepada Jerman bermula 1 Oktober 1938 dan sepenuhnya pada 10 Oktober 1938.

Ia dipersetujui oleh Chamberlain dan Daladier untuk mengelakkan pertumpahan darah. Czechoslovakia yang tidak dilibatkan dalam perbincangan tersebut tidak mempunyai pilihan selain terpaksa menurut keputusan tersebut.

Keputusan itu dianggap mengejutkan. Kumpulan yang berhasrat untuk menjatuhkan Hitler terpaksa menangguhkan hasrat tersebut.

Perjanjian Munich sebenarnya tidak pernah memuaskan hati Hitler. Beliau tetap mahukan keseluruhan Czechoslovakia sebagai jajahan Jerman yang baru. Tidak sampai satu bulan selepas Perjanjian Munich, Hitler telah memulakan kempenya untuk meluaskan empayar Jerman dengan menakluk Czechoslovakia.

Pencabulan Perjanjian Munich itu akhirnya memanggil penentangan oleh Britain dan Perancis. Kedua-dua negara itu percaya bahawa Poland juga akan menjadi sasaran Jerman seterusnya. Hitler diingatkan bahawa sikap yang diambil olehnya akan mendorong peperangan baru, dan Jerman tentunya tidak akan menjadi rakan Britain dan Perancis ketika itu. Bagi menghadapi kemungkinan peperangan, Hitler telah mengadakan rundingan dengan Mussolini untuk mengadakan kerjasama ketenteraan jika berlaku peperangan.

Sementara itu, Joseph Stalin yang memimpin Kesatuan Soviet Rusia mempunyai gambaran bahawa wujudnya pakatan antara Britain dan Perancis yang menyudutkan Jerman, dan berkemungkinan mencetuskan perselisihan dan peperangan dengan Kesatuan Soviet Rusia.

Sebenarnya, Poland tidak begitu mempercayai Kesatuan Soviet Rusia kerana berpandangan bahawa negara itu juga mempunyai keinginan yang sama seperti Jerman. Pada masa yang sama, Hitler juga tidak suka kepada pengaruh komunisme Kesatuan Soviet Rusia. Bagaimanapun, Hitler tahu bahawa Jerman tidak akan berupaya berperang dengan musuh yang terlalu banyak. Sikap neutral Kesatuan Soviet Rusia penting untuk Hitler.

Akhirnya pada 23 Ogos 1939 Jerman berjaya mendapatkan persetujuan Kesatuan Soviet Rusia untuk

tidak memerangi antara satu sama lain. Persetujuan ini dilihat sebagai tanda paling jelas bahawa peperangan akan meletus sekali lagi pada bila-bila masa sahaja. Sambil Britain berterusan mengingatkan Jerman tentang kemungkinan perang, Eleanor Roosevelt yang merupakan Presiden Amerika Syarikat pada waktu itu juga tidak ketinggalan untuk mendapatkan kepastian bahawa Jerman tidak akan menjajah negara-negara lain yang bebas merdeka. Seperti biasa, Hitler memberi komitmennya terhadap keamanan. Namun kenyataannya tidak lagi mempunyai merit untuk dipercayai. Beliau telah terlalu banyak berbohong dan melanggar perjanjian.

Hitler terlalu yakin bahawa pemimpin-pemimpin negara lain tidak sedia untuk berperang. Ini ditunjukkan dalam pengalaman lalu dan kecenderungan mereka untuk menyelesaikan masalah secara aman. Hitler merasakan Jerman sudah terlalu kuat dan tidak mungkin dapat dikalahkan. Semua para pegawai atasannya juga dilihat sedia menjalankan perintah dan tidak menunjukkan sebarang bantahan. Seluruh sumber di negara Jerman juga ditumpukan untuk menguatkan persediaan ketenteraan. Media turut berperanan 'menyediakan' minda rakyat Jerman untuk menghadapi perang. 26 Ogos 1939 ditetapkan sebagai hari untuk menakluk Poland. Namun Hitler dikejutkan dengan dua perkembangan pada 25 Ogos 1939 – Mussolini menyatakan kepadanya bahawa Itali tidak bersedia untuk menyertai perang bersama Jerman dan persetujuan kerjasama ketenteraan Britain dan Poland untuk menghadapi kemungkinan penaklukan Jerman.

Hitler menangguhkan agendanya dan cuba berunding dengan Britain untuk mendapatkan sebahagian wilayah Poland – Danzig dan Koridor Poland – sebagaimana beliau mendapatkan Sudetenland. Cadangan ini telah ditolak oleh Britain, mengambil kira peristiwa selepas Perjanjian Munich. Rundingan dengan Poland juga cuba diadakan. Tujuan sebenar Hitler adalah melengahkan sebarang perjanjian lain yang cuba diadakan oleh Britain dan Poland. Pada masa yang sama, tentera Jerman

diarahkan untuk mula menyerang Poland dengan pantas bermula 1 September 1939. Hitler sudah menyediakan alasan bahawa rundingan yang cuba diusahakannya bagi mencapai keamanan telah gagal disebabkan oleh sikap Britain dan Poland.

Pada tengah malam 31 Ogos 1939, 1.5 juta tentera Jerman telah pun bersedia di sempadan Poland. Mereka tahu bahawa perang hanya mungkin tercetus sekiranya ada pihak yang memulakannya. Maka, sebahagian tentera Jerman mengenakan pakaian tentera Poland dan membuat 'serangan' pemula. Seperti dirancang, pada pagi Jumaat itu Hitler mengumumkan di Reichstag bahawa tentera Poland telah memulakan serangan ke atas tentera Jerman dan tindak balas akan diambil.

Maka bermulalah Perang Dunia Kedua...

Pemulihan dan Kebangkitan Jerman

- bab dua -

Pasca Perang Dunia Kedua – usaha pemulihan

5 tahun, 8 bulan dan 6 hari. Perang Dunia Kedua berlangsung dan meragut lebih 50 juta nyawa. Hitler didakwa telah menembak dirinya sendiri pada 30 April 1945. Berlin ditakluk oleh tentera Rusia dan Poland pada 8 Mei 1945.

Kuasa Dunia mula berpusat kepada Kesatuan Soviet Rusia dan juga Amerika Syarikat. Masyarakat dunia tidak lagi sanggup menghadapi Perang Dunia Ketiga. Liga Negara-Negara yang gagal menghalang berlakunya Perang Dunia Kedua telah digantikan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dengan tujuan untuk memastikan keamanan di peringkat antarabangsa serta mempromosi kerjasama dalam menyelesaikan masalah ekonomi, sosial dan kemanusiaan. Secara rasminya, ia berkuatkuasa pada 24 Oktober 1945 dengan Perancis, Republik China, Kesatuan Soviet Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan.

Kemusnahan infrastruktur negara-negara yang berperang cukup jelas kelihatan. Di Jerman, proses menyah-Nazi-kan diambil. Segala lambang dan unsur Nazi dimusnahkan.

Sebahagian maklumat berkaitan Persidangan Yalta

1. Selepas Jerman menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua, negara itu dipecahkan kepada empat zon untuk pendudukan oleh Kesatuan Soviet Rusia, Amerika Syarikat, Perancis dan United Kingdom.
2. Jerman melalui proses nyah-Nazi dan juga pembubaran tentera. Tentera Nazi diisytiharkan sebagai penjenayah perang, diburu dan dibawa ke muka pengadilan.
3. Jerman perlu membayar sebahagian hutangnya melalui buruh paksa untuk memulihkan negara-negara yang dirosakkan melalui Perang.

Melalui Persidangan Yalta pada Februari 1945, Jerman dibahagikan kepada empat zon pendudukan – Kesatuan Soviet Rusia, Amerika Syarikat, Perancis dan United Kingdom. Setiap zon menjalankan dasar yang berbeza, mengikut kecenderungan masing-masing. Bagaimanapun, Berlin diletakkan di bawah kuasa bersama meskipun ia terletak di wilayah Timur Jerman yang 'ditadbir' Kesatuan Soviet Rusia.

Berlin sebagai ibu negara dilihat terlalu penting untuk hanya ditadbir oleh sebuah negara sahaja. Dalam situasi pendudukan Jerman ketika itu, apa yang berlaku di Berlin dianggap mempengaruhi apa yang berlaku di Jerman dan secara tidak langsung akan memberi gambaran situasi sebenar di Eropah.

Persetujuan ini tidak lama. Sepanjang 1946-1947, ketegangan berlaku antara Kesatuan Soviet Rusia dengan ketiga-tiga negara yang lain. Kesatuan Soviet Rusia memulakan usaha menjadikan Jerman sebagai sebahagian negara satelit mereka. Parti Komunis Jerman dan Parti Demokrasi Sosial disatukan di bawah Parti Sosialis Bersatu (SED). Ia diisytiharkan sebagai sebuah parti yang berorientasikan fahaman Marx-Lenin dan memperjuangkan republik demokrasi berparlimen.

Pada tahun 1947, Pelan Marshall diperkenalkan untuk memulihkan ekonomi Eropah. Ia merupakan program bantuan kewangan daripada Amerika Syarikat kepada negara-negara Eropah. Bantuan yang sama juga ditawarkan kepada Kesatuan Soviet Rusia dan negara-negara sekutunya tetapi ditolak kerana ia dilihat sebagai usaha melemahkan pengaruh mereka. Negara-negara satelit mereka juga dilarang menghadiri pertemuan berkaitan hal ini di Paris.

Kesatuan Soviet Rusia menggambarkan Pelan Marshall sebagai satu usaha 'memperhambakan' Eropah kepada Amerika Syarikat. Justeru, untuk memastikan pengaruh mereka tidak terjejas, pertemuan parti komunis di Eropah diadakan di Poland kemudian bagi menjelaskan ancaman perluasan pengaruh Amerika Syarikat kepada komunisme. Satu keputusan dicapai untuk mengekang

pengaruh Amerika Syarikat dengan pelbagai tindakan, termasuk melalui cara sabotaj terhadap Pelan Marshall.

Sebahagian maklumat berkaitan Pelan Marshall

1. Dinamakan sempena nama Setiausaha Negara Amerika Syarikat, George Marshall yang menetengahkan pandangan kepentingan untuk membantu pemulihan Eropah dalam satu ucapannya di Universiti Harvard pada tahun 1947.
2. Merupakan satu program bantuan pemulihan ekonomi Eropah dan mengekang pengembangan faham komunisme yang diterajui oleh Kesatuan Soviet Rusia pada waktu itu.
3. Objektifnya untuk memulihkan kerosakan, memodenkan industri, memastikan tiada halangan perdagangan dan menjadikan Eropah makmur semula.
4. Mula beroperasi pada April 1948 selama empat tahun.
5. Menjadi sebahagian elemen integrasi Eropah yang terawal.
6. Diganti oleh Pelan Keselamatan Bersama pada tahun 1951.

Pemisahan wilayah – komunisme zon pendudukan Timur

Pada September 1947, Britain dan Amerika Syarikat mencapai persetujuan untuk mewujudkan penyatuan wilayah zon pendudukan mereka di bawah satu pentadbiran ketenteraan. Wilayah baru ini dikenali sebagai Bizonia (wilayah dua zon). Perancis ikut menyertai persetujuan ini kemudian, menjadikannya Trizonia (wilayah tiga zon).

Pada akhir Jun 1948, sebagai sebahagian usaha mensabotaj Pelan Marshall, Kesatuan Soviet Rusia membuat keputusan untuk mengenakan sekatan laluan ke Berlin. Ini menambah masalah kepada wilayah itu yang berdepan dengan kekurangan bekalan makanan. Bekalan ini kemudian telah dihantar melalui laluan udara. Dua juta tan makanan telah dihantar melalui 270,000 penerbangan sehingga sekatan tersebut dibatalkan pada 12 Mei 1949.

Sekatan yang dilakukan oleh Kesatuan Soviet Rusia di Berlin itu telah dikecam hebat. Akhirnya, zon pendudukan Barat diisytiharkan bebas dengan nama Republik Persekutuan Jerman atau dikenali sebagai Jerman Barat pada Mei 1949. Zon pendudukan Timur pula turut mengumumkan pembentukan Republik Demokrasi Jerman, dikenali sebagai Jerman Timur kemudiannya pada 7 Oktober 1949. Ia menjelaskan lagi Perang Dingin antara blok ekonomi komunisme yang diterajui oleh Kesatuan Soviet Rusia dan blok ekonomi kapitalisme yang diterajui oleh Amerika Syarikat. Pemisahan dua blok ekonomi ini ditandai oleh dasar perdagangan – tertutup atau terbuka.

Di Jerman Timur, Parti Sosialis Bersatu (SED) telah membangunkan Barisan Nasional Republik Demokrasi Jerman (NF). NF merupakan payung kepada semua parti politik yang diarahkan oleh SED, termasuk pertubuhan massa – belia, wanita, kesatuan sekerja dan badan kebudayaan. Pengundian di Jerman Timur tidak bersifat rahsia. Penyertaan dalam pilihan raya adalah sangat tinggi dan hampir keseluruhan undi telah memilih NF.

Ada satu jenaka pernah disuarakan tentang hal ini. Diceritakan bahawa Menteri Dalam Negeri telah menelefon Ulbricht dan memberitahu bahawa Kementeriannya dimasuki pencuri. Apabila ditanya apa yang hilang, jawapan yang diberikan *“ada, semua keputusan pilihan raya akan datang!”*.

Pada 11 Oktober 1949, Wilhelm Pieck telah dipilih sebagai Presiden negara itu, satu-satunya dalam sejarah Jerman Timur kerana kemudiannya jawatan ini dimansuhkan pada tahun 1960 – selepas Pieck meninggal dunia – dan Walter Ulbricht selaku Setiausaha SED mengambil alih dengan menjadi Pengerusi Majlis Negara Republik Demokrasi Jerman, sebuah institusi baru yang diwujudkan.

SED sebenarnya berhasrat menjadikan Jerman Timur sebagai sebuah negara komunis. Ulbricht mengumumkan ‘pendekatan saintifik’ berdasarkan pandangan Marx-Lenin – dengan menjadikan Jerman Timur sebagai

sebuah negara sosialis sebagai permulaan, iaitu dengan memilik-negarakan proses ekonomi. Rancangan Lima Tahun untuk menggandakan pengeluaran industri telah diumumkan oleh Ulbricht.

Para pekerja dikerah bekerja lebih masa pada kadar gaji yang tidak ditingkatkan. Pemilikan-negara pertanian menyebabkan produktiviti makanan merosot. Harga barang dan cukai mula ditingkatkan. Kesan daripada dasar memilik-negarakan ini mendorong ramai rakyat Jerman Timur, khususnya di kalangan belia berpendidikan, berhijrah ke Jerman Barat.

Para pekerja yang masih berada di Jerman Timur mula mengadakan protes. Ia ditekan hebat oleh polis rakyat (*Volkspolizei*) Jerman dan tentera Kesatuan Soviet Rusia yang berada di sana. Namun, itu tidak mematahkan rasa tidak puas hati para pekerja terhadap dasar yang diambil. Protes terus dilakukan, kali ini pada skala yang lebih besar dan mula merebak ke seluruh Jerman Timur. Para pekerja percaya bahawa sosialisme adalah dasar terbaik tetapi SED telah mengambil pendekatan yang salah. Mereka menuntut dasar yang telah diambil diperbaiki dan tidak bertujuan menjatuhkan kerajaan sedia ada.

SED menuduh bantahan ini sebagai sebahagian agenda (Jerman) Barat melalui ejen-ejen mereka. Pertempuran antara tentera serta polis dengan para pekerja menyebabkan ratusan nyawa terkorban, ribuan lagi ditangkap dan selebihnya dipaksa meninggalkan Jerman Timur.

Daripada pertikaian ekonomi, desakan lain ditambah. Para pekerja mula menyuarakan keperluan pilihan raya yang bebas dan adil serta pertukaran pimpinan atau kerajaan.

Pada tahun 1950, dianggarkan sebanyak 1.6 juta rakyat Jerman Timur keluar meninggalkan negara itu. Sejak itu sehingga tahun 1961, dianggarkan antara 100,000 hingga 200,000 orang berhijrah setiap tahun. Pada tahun 1961 sahaja, sehingga bulan Julai, lebih 200,000 orang sempat berhijrah.

Melihat perkembangan ini, kawad berduri dan pos kawalan mula dipasang sepanjang sempadan Jerman Timur pada malam untuk menghalang penghijrahan. Ia dilakukan pada waktu malam 12 Ogos 1961, ketika seluruh rakyat Jerman sedang nyenyak tidur. Sebaik sahaja bangun pada pagi Ahad 13 Ogos 1961, rakyat Jerman Timur mendapati bahawa mereka telah 'terpenjara'. Tidak ada lagi pekerjaan bagi puluhan ribu yang berulang alik ke Jerman Barat. Tidak ada lagi peluang menikmati pelbagai persembahan kebudayaan dan sukan. Terpisahlah keluarga, rakan dan kekasih hati. Sesiapa yang tidur di Jerman Timur pada malam itu secara automatik menjadi warganya dan begitu juga sebaliknya.

Laluan tunggal yang ada untuk keluar masuk ke Jerman Barat pada waktu itu hanyalah kawalan ketat di Berlin. Hal tersebut telah menyebabkan ramai rakyat Jerman Timur mula bergerak memenuhi Berlin. Selepas itu, pada 15 Ogos 1961, halangan pertama mula didirikan dan ia telah dibantah keras oleh Willy Brandt, Datuk Bandar Berlin Barat. Antara tempoh itu, satu perjanjian untuk Persahabatan, Kerjasama dan Bantuan ditandatangani antara semua lapan buah negara komunis di Warsaw. Kerjasama ini dinamakan Pakatan Warsaw.

Kawat duri yang dibina diperkukuh sepanjang tahun 1962 hingga tahun 1965. Dari semasa ke semasa, pagar tinggi digantikan dengan tembok batu berketinggian 3.6 meter. Sebanyak 302 pos kawalan ditempatkan dan dikawal oleh pasukan keselamatan yang dinamakan Grenzers di sepanjang halangan sejauh 155 kilometer itu. Tembok ini ditambah-kukuh pada tahun 1975, generasi keempat dan terakhir.

Fail Stasi, polis rahsia yang bertugas di kementerian keselamatan negara Jerman Timur merekodkan peranan seramai 5,500 orang perisik yang bertugas mengintip dan memberitahu sekiranya ada mereka yang berniat untuk menyeberang, termasuk ahli keluarga, rakan-rakan dan siapa saja. Mereka ini mengangkat sumpah setia menghalang siapa juga rakyat Jerman Timur yang mahu menyeberang. Rakyat Jerman Timur yang didapati cuba

menyeberangi tembok ini akan ditembak, ditangkap atau lazimnya dibuang negara.

Semasa melawat Berlin pada Jun 1963, John F. Kennedy, Presiden Amerika Syarikat ketika itu menyatakan bantahan terhadap simbol kekangan terhadap kebebasan itu dengan kenyataan:

“Semua manusia bebas, di mana saja mereka berada, adalah warga Berlin. Maka, sebagai manusia bebas, saya berasa bangga untuk berkata “saya adalah warga Berlin!” (Ich bin ein Berliner!).”

Sebahagian maklumat berkaitan Pakatan Warsaw

1. Inisiatif Kesatuan Soviet Rusia, ditandatangani di Warsaw pada 14 Mei 1955.
2. Bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara negara-negara blok komunis – Albania, Bulgaria, Czechoslovakia, Hungary, Poland, Jerman Timur, Romania dan Kesatuan Soviet Rusia – khususnya dalam ketenteraan.

Antara tahun 1963 dan 1968, Sistem Ekonomi Baru (SEB) dijadikan dasar oleh Ulbricht. Sistem ini dikemukakan oleh Evsei Liberman, ahli ekonomi Kesatuan Soviet Rusia.

Liberman mencadangkan pendekatan desentralisasi dalam pembuatan keputusan. Menurutnya kawalan pusat melengahkan inovasi. Beliau juga berpandangan bahawa keuntungan perlu dimasukkan sebagai sebahagian petunjuk produktiviti.

Cadangan ini tidak sama dengan kapitalisme. Dalam kes Jerman Timur misalnya, pihak berkuasa di peringkat pusat terlibat dalam menentukan sasaran produktiviti. Kebebasan kepada para peniaga ialah dalam penentuan pengurusan kewangan, penggunaan teknologi dan penempatan tenaga kerja. Keuntungan dimasukkan sebagai indikator produktiviti. Mekanisme penentuan harga diserahkan kepada permintaan dan penawaran (mekanisme pasaran) dan gaji adalah berdasarkan prestasi.

Bagi menjayakan agenda ini, penstrukturan semula dibuat dengan lebih ramai generasi muda yang lebih terpelajar dan berkemahiran mengambil tempat bagi menjalankan kerja-kerja berkemahiran tinggi.

Dasar ini telah berhasil meningkatkan ekonomi Jerman Timur, malah Kesatuan Soviet Rusia sendiri. Namun, ia masih di bawah prestasi ekonomi Jerman Barat pada waktu itu. Akibatnya, pemusatan semula kawalan telah diambil melalui dasar Sistem Ekonomi Sosialisme, bermula pada tahun 1968 hingga 1970. Subsidi diberikan kepada sektor yang dikenal pasti sebagai pemacu kepada pertumbuhan. Meskipun para peniaga diberi kebebasan dalam perancangan tenaga kerja, kewangan dan sasaran produktiviti, mereka dikenakan caj untuk modal dalam bentuk aset dan inventori. Pinjaman kerajaan kepada peniaga juga dikenakan faedah.

Sekali lagi, prestasi ekonomi Jerman Timur gagal menunjukkan hasil yang diharapkan. Ulbricht meletakkan jawatan pada tahun 1971 dan meninggal dunia dua tahun selepas itu. Beliau telah digantikan oleh Erich Honecker, Setiausaha SED dari tahun 1971 hingga tahun 1989.

Honecker adalah orang yang bertanggungjawab, selaku Setiausaha Jawatankuasa Pusat dalam isu keselamatan, menyelaraskan pembinaan halangan di sepanjang sempadan Berlin sejak mula. Di bawah kepimpinannya, dasar Sosialisme Pengguna mula diperkenalkan. Beliau menekankan perjuangan kelas untuk membangkitkan semangat serta menonjolkan kepentingan pekerja. Meskipun kekal sebagai wilayah yang rapat dengan Kesatuan Soviet Rusia, Honecker bersikap terbuka terhadap Barat.

Dasar tersebut telah membuka jalan untuk rundingan lanjut. Perjanjian Berlin berhasil ditandatangani oleh empat kuasa besar yang diberikan zon pendudukan. Lanjutan daripadanya, satu Perjanjian Asas telah ditandatangani untuk mengiktiraf kedaulatan Jerman Timur dan Jerman Barat sebagai wilayah merdeka.

Pada tahun 1973, kedua-dua negara itu diterima sebagai negara anggota PBB. Dengan rasminya penubuhan dua buah negara itu, hubungan dua hala mula terbina apabila

Jerman Timur menerima pelbagai barangan eksport daripada Jerman Barat, selain berita dan juga pergerakan manusia.

Kerapuhan ekonomi Jerman Timur tergambar melalui krisis kopi antara tahun 1976 hingga 1979. Bagi masyarakat Jerman, kopi adalah minuman tradisi. Peningkatan harga kopi bermula pada tahun 1976 telah mendorong import kopi dihadkan. Bagi menggantikannya, sejenis kopi campuran diperkenalkan. Bagaimanapun, kopi baru ini tidak disukai kerana rasanya yang berbeza. Tempoh tiga tahun itu disebut krisis kopi dan ia berakhir apabila harga kopi mulai jatuh dan Jerman Timur mendapat bekalan kopi daripada perjanjian dagangnya dengan Vietnam.

Pada tahun 1980-an, kerajaan Jerman Timur memberikan subsidi yang banyak dalam pelbagai, khususnya berkaitan keperluan asas – makanan, kesihatan dan pendidikan. Kos sara hidup secara relatifnya rendah berbanding dengan negara-negara Barat, begitu juga pendapatannya.

Rancangan Lima Tahun – satu kaedah perancangan ekonomi yang lazim di negara komunis – diumumkan dan berjalan antara tahun 1986 hingga tahun 1990. Seperti selalunya, sasaran yang tinggi diletakkan. Kendatipun Mikhail Gorbachev, pemimpin Kesatuan Soviet Rusia cuba mengambil dasar yang menghitung kepentingan dinamisme pasaran, Honecker mengambil jalan berbeza.

Meskipun Honecker bersikap lebih terbuka dalam konteks ekonomi jika dibandingkan dengan Ulbricht, tekanan politik tidak pernah surut, malah ditambah. Tekanan paling nyata ialah dengan pengukuhan – generasi keempat – Tembok Berlin bermula pada tahun 1975. Selain itu, beliau melayan penentangannya dengan keras. Sesiapa yang meluahkan rasa tidak setuju terhadapnya dihukum buang negara. Sebahagian ditangkap, dipukul atau hilang tanpa dapat dikesan. Tindakan ini diambil terhadap sesiapa sahaja, termasuk ahli akademik dan artis.

Kezaliman Honecker menjadi bahan jenaka rakyat yang membandingkan situasi di Jerman Timur dan

Jerman Barat ketika itu. Diceritakan Honecker pernah bertanya kepada Willy Brandt, Canselor Jerman Barat antara tahun 1969 hingga 1974 *“Apakah hobi kamu?”*

Brandt menjawab: *“Saya suka mengumpulkan jenaka orang berkaitan saya. Kamu?”*

Mendengar jawapan dan pertanyaan balas Brandt, Honecker menjawab: *“Oh, saya suka mengumpulkan orang yang membuat jenaka tentang saya!”*

Ratusan yang menyatakan sikap mereka secara terbuka dan berani menjadi mangsa. Karya-karya mereka diharamkan dan dilupuskan.

Selain itu, kumpulan yang didokong oleh gereja Lutheran juga turut memainkan peranan. Mereka memakai mesej keamanan dan menolak agenda persediaan besar ketenteraan, khususnya dalam perlumbaan senjata nuklear – yang diujahkan oleh Honecker sebagai cara penting memastikan keamanan. Stasi ditambah untuk mengintip penentangan. Kawalan ini mewujudkan satu persekitaran yang penuh rasa tidak percaya di kalangan rakyat.

Pada 8 Jun 1987, malam terakhir Konsert untuk Berlin berlangsung di depan Reichstag, Jerman Barat; ribuan anak muda Jerman Timur bergerak ke Pagar Brandenburg untuk sama menikmatinya. Namun, sebahagian mereka telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap hanya kerana menghampiri sempadan – hal yang menjadi larangan di Jerman Timur sejak berdirinya Tembok Berlin. Mereka yang tidak ditangkap juga menjadi mangsa apabila dipukul dan dihalau balik selepas konsert tamat. Aksi berlebihan ini ternyata membekas di jiwa anak muda. Mereka mula menyuarakan *“Tembok ini mesti diruntuhkan!”*.

Seruan ini dipandang sepi. Tidak banyak liputan dan ia hanya dilihat sebagai sebahagian lagi kempen yang biasa. Honecker percaya bahawa Tembok Berlin akan terus kekal berdiri dan Jerman Timur akan terus wujud sebagai blok komunis, meskipun banyak tanda penolakan terlihat di beberapa negara komunis yang lain seperti di Dataran Tiananmen, China; Poland, Hungary, Czechoslovakia, Bulgaria, Romania dan Yugoslavia.

Pilihan raya tempatan Jerman Timur diadakan pada 17 Mei 1989. Sentimen penolakan Honecker dapat dirasakan. Namun, rakyat Jerman Timur kecewa apabila keputusan pilihan raya diumumkan – SED menang dengan mendapat 'hanya' 98.9% undi.

Rakyat Jerman Timur sedar bahawa pilihan raya itu telah dimanipulasi. Ribuan yang kecewa memilih untuk meninggalkan Jerman melalui Hungary dan Czechoslovakia – dua buah negara blok komunis terdekat yang warga Jerman Timur dibenarkan melawat. Mereka membanjiri kedutaan Jerman Barat untuk mendapatkan perlindungan. Bagi menangani perkembangan ini, kerajaan Jerman Timur telah melarang warganya untuk pergi ke negara-negara tersebut.

Di dalam negara Jerman Timur sendiri, siri tunjuk perasaan mula berlaku. Ia dicetuskan di luar gereja Lutheran di Leipzig dan dijadikan acara mingguan setiap Isnin. Peserta menuntut proses pilihan raya yang bebas dan adil serta kebebasan untuk ke luar negara. Meskipun hanya ratusan orang yang hadir pada permulaannya, jumlah ini bertambah kemudiannya sehingga mencecah ratusan ribu orang.

Tangkapan dibuat pada skala kecil kerana Gorbachev telah menegaskan bahawa tentera Kesatuan Soviet Rusia tidak akan terlibat dalam mana-mana urusan dalaman negara lain. Ia memberikan petunjuk bahawa kedudukan Honecker tidak lagi kukuh.

Semasa hadir dalam sambutan ulang tahun Jerman Timur yang ke-40 pada 9 Oktober 1989, Gorbachev melihat sendiri puluhan ribu rakyat Jerman Timur keluar menyatakan bantahan terbuka dan menyeru beliau membantu pembebasan mereka. Sembilan hari selepas peristiwa itu, Honecker digantikan oleh Egon Krenz, seorang lagi pemimpin SED. Krenz sedar bahawa bantahan rakyat pada waktu itu cukup besar dan perlu diredakan. Maka, satu pengumuman telah dibuat oleh wakilnya tentang dasar bagi lawatan ke luar negara. Sebaik sahaja ia diketahui, rakyat Jerman Timur berpusu-pusu ke seluruh laluan keluar dari negara itu.

Meskipun Tembok Berlin tidak diruntuhkan serta merta, itulah detik mula yang mendorong kepada penyatuan semula Jerman Timur dan Barat sebagai sebuah negara Jerman pada 3 Oktober 1990 – dengan nama Republik Persekutuan Jerman.

Sehingga detik terakhir berdirinya Tembok Berlin, jumlah sebenar yang mati semata-mata untuk keluar dari Jerman Timur tidak dapat dipastikan. Daripada rekod yang ada, dikatakan seramai 172 orang telah mati dan lebih 200 orang cedera kerana ditembak sepanjang percubaan menyeberang Tembok Berlin.

Ada satu jenaka yang merangkumkan seluruh pengalaman hidup di Jerman Timur. Ia dinamakan Tujuh Kejadian Ajaib di Jerman Timur iaitu:

1. *Tidak ada yang mengganggu.*
2. *Meskipun tidak ada sesiapa yang mengganggu, hanya separuh sahaja yang benar-benar bekerja.*
3. *Meskipun hanya separuh sahaja yang benar-benar bekerja, sasaran pengeluaran sentiasa diumumkan dapat dicapai.*
4. *Meskipun sasaran pengeluaran sentiasa diumumkan dapat dicapai, kekurangan bekalan berlaku setiap hari.*
5. *Meskipun kekurangan bekalan berlaku setiap hari, almari makanan sentiasa penuh.*
6. *Meskipun almari makanan sentiasa penuh, majoriti populasi tetap merungut dan tidak berpuas hati.*
7. *Meskipun majoriti populasi tetap merungut dan tidak berpuas hati, Parti Komunis sentiasa mendapat 99% undi!*

Jelas, jenaka ini menunjukkan paradoks di Jerman Timur sepanjang berada di bawah sistem komunisme. Akhirnya, persamaan itu dinikmati oleh dua kelas berbeza – pemerintah dan rakyat, dalam realiti yang lebih buruk.

Seluruh pengalaman Jerman Timur menimbulkan sejumlah persoalan penting yang boleh difikirkan. Krisis bermula sejak awal dan Jerman Barat dilihat sebagai

lebih baik berbanding mereka. Penghijrahan besar-besaran rakyat Jerman Timur, disusuli dengan penutupan sempadannya dengan Jerman Barat dan pelbagai krisis yang akhirnya menimbulkan bantahan meluas sehingga mendorong pembukaan sempadan dan keruntuhan Tembok Berlin (bahkan keruntuhan empayar komunisme!) itu tentulah tidak berlaku tanpa idea pendorongnya.

***Wirtschaftswunder* – kemakmuran ekonomi zon pendudukan Barat**

Jerman berdepan dengan hutang perang yang 'dipaksakan' kepada mereka. Ia menjadi sebahagian punca ketidakstabilan Republik Weimar dalam usaha pemulihan pasca Perang Dunia Pertama. Ini diburukkan lagi dengan peristiwa Kemelesetan Agung yang menjadi pelengkap peluang untuk Hitler berkuasa, sekaligus memangkin Perang Dunia Kedua.

Jerman telah terbahagi kepada dua zon – pendudukan Timur dan Barat. Pemisahan zon ini lebih banyak sebagai pertembungan dasar ekonomi di mana Jerman Timur mewakili blok komunisme dan Jerman Barat cenderung kepada pembukaan pasaran. *Grundgesetz* atau Undang-Undang Asas (*Basic Law*) mula diperkenalkan sebagai Perlembagaan awal untuk pembentukan Jerman Barat. Selepas penyatuan zon pendudukan Barat, Pilihan Raya Persekutuan untuk *Bundestag* (Dewan rendah, atau setaraf dengan Dewan Rakyat di Malaysia) dilaksanakan pada 14 Ogos 1949. Ia merupakan pilihan raya pertama yang diadakan selepas Hitler berkuasa.

Persaingan hebat berlaku antara Parti Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU) pimpinan Konrad Hermann Joseph Adenauer dan Parti Demokrasi Sosial Jerman yang diketuai oleh Kurt Schumacher. Persaingan begitu sengit dan tidak ada parti politik yang mendapat majoriti jelas.

Sokongan Kesatuan Sosial Kristian (CSU), Parti Demokrasi Bebas (FDP) dan Parti Jerman (DP) kepada Parti Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU) akhirnya membolehkan Konrad Adenauer diangkat menjadi Canselor di Jerman Barat pada 15 September 1949.

Theodor Heuss diangkat menjadi Presiden selepas berjaya mengatasi Kurt Schumacher dalam Pemilihan Presiden pada 12 September 1949.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1949

Jumlah pengundi berdaftar	31,207,620		
Jumlah pengundi yang membuang undi	24,495,614	(78.5%)	
Jumlah undi rosak	763,216	(3.1%)	
Jumlah undi yang diterima	23,732,398	(96.9%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	5,978,636	(25.2)	91 + 24
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	1,380,448	(5.8)	24 + 0
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	6,934,975	(29.2)	96 + 35
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	2,829,920	(11.9)	12 + 40
Parti Bavaria (BP)	986,478	(4.2)	11 + 6
Parti Jerman (DP)	939,934	(4.0)	5 + 12
Parti Komunis Jerman (KPD)	1,361,706	(5.7)	0 + 15
Liga Pemulihan Ekonomi (WAV)	681,888	(2.9)	0 + 12
Parti Pusat Jerman (Zentrum)	727,505	(3.1)	0 + 10
Parti Konservatif Jerman (DKP)	429,031	(1.8)	0 + 5
Liga Pengundi Selatan Schleswig (SSW)	75,388	(0.3)	0 + 1
Calon Bebas	1,141,647	(4.8)	0 + 3
Lain-Lain	264,842	(1.1)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Kemusnahan Perang Dunia Kedua terpampang di depan mata. 10 juta orang mati, 81% kawasan perumahan di bandar musnah, 740 daripada 958 jambatan utama dibom dan semua industri terhenti. Hanya 10% hingga

15% pengeluaran industri dapat dikeluarkan pasca Perang Dunia Kedua. Jumlah besar rakyat yang berhijrah dari zon pendudukan Kesatuan Soviet Rusia juga menambah kerumitan kepada usaha menyelesaikan masalah yang ada.

Selain daripada pemulihan ekonomi, situasi politik Jerman yang ketika itu berada di bawah pendudukan negara-negara lain juga perlu diselesaikan. Kesatuan Soviet Rusia yang cenderung kepada pendekatan komunisme tidak bersetuju dengan usaha memperkenalkan mata wang baru di seluruh Jerman. Mereka mahu mengekalkan Soviet Reichmark kerana bimbang penerimaan mata wang baru akan menghakis pengaruh mereka.

Perbezaan yang telah direntis lebih awal antara Kesatuan Soviet Rusia dan negara-negara di zon pendudukan Barat menyedarkan Adenauer bahawa beliau tidak mempunyai pilihan yang banyak pada ketika itu. Peluang untuk menyatukan Jerman di bawah satu nama tergendala kerana dasar Kesatuan Soviet Rusia yang menjadikan zon pendudukan Timur sebagai sebahagian 'bayaran perang' dan dasar komunisme yang diambil di sana.

Adenauer menerima realiti Jerman yang telah terbahagi dua ketika itu. Sasaran awal Adenauer adalah untuk menjadikan Jerman Barat sebagai wilayah merdeka. Baginya, pilihan untuk Jerman Barat berada di bawah Kesatuan Soviet Rusia hanya menyulitkan sasaran tersebut. Resam demokrasi, pandangan Adenauer untuk berintegrasi telah dikecam oleh Parti Demokrasi Sosial. Ia dianggap sebagai membelakangi peluang untuk penyatuan Jerman. Adenauer mengambil kritikan itu sebagai cabaran. Beliau yakin pilihan yang dibuatnya tepat.

Di sekitar tempoh itu juga, Robert Schuman, Menteri Luar Perancis mengemukakan pandangan agar semua negara Eropah disatukan di bawah sebuah organisasi supranasional bagi mengelakkan berulang lagi peperangan. Cadangan ini disambut baik oleh Adenauer. Ia mendorong pembentukan Komuniti Arang Batu dan Keluli Eropah (ECSC), yang kemudiannya diiktiraf sebagai

batu asas kepada pembentukan Kesatuan Eropah (EU) kemudiannya. Perjanjian telah ditandatangani pada 18 April 1951. Dengan kejayaan tersebut, Schuman dianggap sebagai Bapa Pengasas Kesatuan Eropah. Tarikh 5 dan 9 Mei disambut sebagai Hari Eropah.

Robert Schuman (Perancis), Alcide de Gasperi (Itali), Dirk Udo Stikker (Belanda), Paul van Zeeland (Belgium), Konrad Adenauer (Jerman Barat) dan Joseph Bech (Luxemborg)

Kesan positif ECSC dirasakan oleh semua negara anggotanya – Perancis, Jerman Barat, Itali, Belanda, Belgium dan Luxemborg – tidak lama selepas itu. Kejayaan ini cukup menggembirakan Adenauer kerana memang sejak menjadi Datuk Bandar Cologne lagi, beliau telah melontarkan idea penyatuan Eropah.

Lanjutan daripada itu, Komuniti Pertahanan Eropah ditandatangani pada 27 Mei 1952. Pada tahun itu juga Adenauer mengumumkan kesediaan Jerman Barat menanggung kesalahan pembunuhan besar-besaran terhadap orang Yahudi ketika zaman Hitler. Perkembangan ini menggusarkan Kesatuan Soviet Rusia. Perbincangan penyatuan Jerman terus menemui jalan buntu apabila Kesatuan Soviet Rusia menolak permintaan Adenauer agar satu pilihan raya yang bebas dan adil diadakan di Jerman Timur. Permintaan Kesatuan Soviet Rusia agar Jerman Bersatu kekal sebagai sebuah negara yang neutral juga tidak dipersetujui. Ia menjelaskan ketegasan kerjasama Adenauer dengan Kuasa Berikat. Jerman Barat di bawah kepimpinannya sedia untuk menyertai Perjanjian Organisasi Atlantik Utara (NATO) yang ditubuhkan pada April 1949 sebaik sahaja mendapat kemerdekaan penuh.

Perkembangan politik dan ekonomi yang memungkinkan kebebasan penuh Jerman Barat ketika itu membolehkan Adenauer terus dipilih menjadi Canselor sekali lagi selepas Pilihan Raya yang dijalankan pada tahun 1953. Perkembangan di Jerman Timur, khususnya bantahan pada tahun tersebut turut memberikan kelebihan kepada Adenauer. Meskipun menguasai majoriti besar kerusi yang dipertandingkan, Adenauer mengambil pendekatan untuk

membentuk kerajaan campuran dengan melibatkan parti-parti kecil. Ini telah meningkatkan popularitinya dan majalah TIME menamakannya sebagai *Man of the Year* pada tahun 1953.

Adenauer percaya bahawa pembentukan tentera Jerman Barat adalah penting untuk pertahanan dan seterusnya kemerdekaan penuh. Namun, tanpa bantuan tentera luar yang telah sedia ada di zon pendudukan Barat, Perancis sangsi dengan kemungkinan berlaku persaingan ketenteraan bagi menghadapi ancaman Kesatuan Soviet Rusia di zon pendudukan Timur. Pada masa yang sama, Perancis bersikap skeptikal kerana Komuniti Pertahanan Eropah ini dilihat boleh mengancam kedaulatan negara.

Akhirnya, cadangan Adenauer agar integrasi dengan Perancis, United Kingdom dan Amerika Syarikat dibuat diterima. NATO bersetuju memberi kebebasan kepada Jerman Barat untuk membentuk ketenteraan sendiri kerana ia penting bagi mengekang peluasan kuasa oleh Kesatuan Soviet Rusia. Keperihatinan ini kian jelas selepas meletusnya Perang Korea pada tahun 1950 di mana komunisme antarabangsa menunjukkan belang mereka yang sebenar.

Majlis Pertahanan Eropah ini tidak berjalan seperti yang diharapkan. Perancis telah menggunakan kuasa veto untuk membatalkannya pada 30 Ogos 1954. Meskipun agak kecewa dengan perkembangan itu, Adenauer tidak berputus asa untuk terus memastikan hubungan baik antara negara Eropah dapat dicapai melalui pelbagai integrasi. Beliau mengambil satu sikap terbuka untuk membincangkan cadangan Paul Henri Spaak, Menteri Luar Belgium agar pasaran bersama nuklear diadakan.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1953

Jumlah pengundi berdaftar	33,120,940	
Jumlah pengundi yang		
membuang undi	28,479,550	(86.0%)
Jumlah undi rosak	928,278	(3.3%)
Jumlah undi		
yang diterima	27,551,272	(96.7%)

Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi			
Kristian (CDU)	10,016,594	(36.4)	61 + 191
Kesatuan Sosial			
Kristian (CSU)	2,427,387	(8.8)	10 + 52
Parti Demokrasi Sosial			
Jerman (SPD)	7,944,943	(28.8)	106 + 151
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	2,629,163	(9.5)	34 + 48
Himpunan Semua			
Jerman (GB)	1,616,953	(5.9)	27 + 27
Parti Jerman (DP)	896,128	(3.3)	5 + 15
Parti Pusat			
Jerman (Zentrum)	217,078	(0.8)	2 + 3
Parti Komunis Jerman (KPD)	607,860	(2.2)	0 + 0
Parti Bavaria (BP)	465,641	(1.7)	0 + 0
Liga Pengundi Selatan			
Schleswig (SSW)	44,585	(0.2)	0 + 0
Parti Negara			
Jerman (DRP)	295,739	(1.1)	0 + 0
Lain-Lain	389,201	(1.4)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Jerman Barat mencapai kedaulatan penuh pada tanggal 5 Mei 1955. Persidangan London dan Paris pada akhir tahun itu membincangkan status Jerman Barat dan akhirnya keputusan dicapai untuk mengundurkan tentera Negara Bersekutu secara berkala, had ketenteraan kepada Jerman Barat dan persenjataan kepada Jerman Barat dan kedudukan wilayah Saar yang berada di bawah zon pendudukan Perancis dan tidak termasuk dalam pembentukan Trizonia. Ini diambil sebagai pengubahsuaian kepada Perjanjian Brussels (yang telah ditandatangani pada tahun 1948 oleh Perancis, Belgium, Belanda, United Kingdom dan Luxemburg) dengan penyertaan Jerman Barat dan Itali. Negara-negara ini kemudiannya dikenali sebagai Kesatuan Eropah Barat. Jerman Barat diiktiraf dunia sebagai sebuah negara merdeka sepenuhnya dan diterima sebagai anggota NATO.

Seterusnya, Adenauer telah berjaya menunjukkan hubungan terbuka dengan Kesatuan Soviet Rusia sehingga berjaya membebaskan 10,000 tawanan perang Jerman yang berada di negara komunis itu. Kemudian, menerima nasihat Walter Hallstein, penasihat dasar luarnya, Adenauer mengumumkan pemutusan hubungan diplomatik antara Jerman Barat dengan semua negara komunis.

Selain itu, Wilayah Saar juga berjaya dikembalikan kepada Jerman Barat melalui referendum penduduk. Cadangan Perancis agar wilayah tersebut diletakkan bawah Majlis Eropah ditolak. Hubungan baik Adenauer dengan Charles de Gaulle, Presiden baru Perancis pada tahun 1958 juga membolehkan hubungan baik antara kedua-dua buah negara dibentuk.

Adenauer yang sudah melebihi 80 tahun pada ketika itu mula berfikir untuk meletakkan jawatan sebagai Canselor dan mengambil jawatan Presiden Jerman Barat. Selepas mengumumkan hasratnya, beliau telak menarik balik keinginan tersebut selepas menyedari bahawa jawatan Presiden tidak memberi beliau banyak kuasa. Akhirnya beliau memutuskan untuk bertanding jawatan Canselor untuk kali ketiga. Dengan pencapaiannya sepanjang penggal kedua, beliau terus diberi mandat sebagai Canselor.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1957

Jumlah pengundi berdaftar	35,400,923		
Jumlah pengundi yang membuang undi	31,072,894	(87.8%)	
Jumlah undi rosak	1,167,466	(3.8%)	
Jumlah undi yang diterima	30,156,214	(96.2%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	11,975,400	(39.7)	147 + 68
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,186,150	(10.6)	47 + 8
Parti Demokrasi			

Sosial Jerman (SPD)	9,651,669	(32.0)	46 + 123
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	2,276,234	(7.5)	1 + 40
Himpunan Semua			
Jerman (GB)	1,324,636	(4.4)	0 + 0
Parti Jerman (DP)	1,062,293	(3.5)	11 + 17
Lain-Lain	679,832	(2.3)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Meskipun Adenauer terus diberi kepercayaan, perbincangan tentang siapa yang bakal menggantikannya mula diperkatakan. Hubungan Kesatuan Soviet Rusia dan Amerika juga tegang berikutan situasi di Indo-China. Nikita Khrushchev yang memimpin Kesatuan Soviet Rusia mendesak agar tentera Amerika Syarikat berundur segera daripada Jerman Barat. Dwight Eisenhower, Presiden Amerika pada ketika itu menolak desakan tersebut tetapi membuka pintu rundingan. Namun, peristiwa pesawat risikan Amerika Syarikat masuk ke wilayah Kesatuan Soviet Rusia dan ditembak jatuh pada tahun 1960 telah menyulitkan proses rundingan yang berlangsung.

Pemilihan John F. Kennedy sebagai Presiden baru Amerika Syarikat pada tahun 1961 telah membuka lembaran baru proses rundingan. Namun, ia terus buntu. Desakan Kesatuan Soviet Rusia terhadap Amerika terus diberi dan ia dijawab dengan persediaan ketenteraan yang lebih hebat. Mengelak daripada potensi peperangan, tindak balas Kesatuan Soviet Rusia ketika itu ialah memasang pagar berduri yang memisahkan wilayah Berlin Timur dan Berlin Barat, seterusnya pembinaan tembok batu dan pondok kawalan.

Dasar luar Amerika yang berubah ketika itu, dengan persekitaran isu di Indo-China (khususnya Perang Vietnam) dan Berlin menyumbang imej negatif kepada Adenauer yang dilihat mengadakan kerjasama dengan negara itu di wilayah Barat. Kekuatan imej komunisme juga ditambah dengan revolusi di Cuba. Pengukuhan Tembok Berlin memberi gambaran kegagalan kepimpinan

Adenauer dalam menyatukan Jerman. Ini menyebabkan partinya kehilangan majoriti mutlak dalam Pilihan Raya Jerman Barat pada 17 September 1961.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1961

Jumlah pengundi berdaftar	37,440,715		
Jumlah pengundi yang membuang undi	32,849,624	(87.7%)	
Jumlah undi rosak	1,298,723	(4.0%)	
Jumlah undi yang diterima	31,550,901	(96.0%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	11,622,995	(36.4)	114 + 78
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,104,742	(9.7)	42 + 50
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	11,672,057	(36.5)	91 + 99
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	3,866,269	(12.1)	67 + 67
Parti Semua Jerman (GDP)	859,290	(2.7)	0 + 0
Lain-Lain	879,113	(2.7)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Adenauer bersetuju untuk melepaskan jawatan sebelum tamat tempoh penggal keempat sebagai Canselor. Namun, sebelum melepaskan jawatan, beliau terpalit dengan apa yang dikenali sebagai Skandal Spiegel. Skandal ini bermula apabila majalah *Der Spiegel* (bermaksud *The Mirror* dalam bahasa Inggeris) yang terkenal dengan siri pemberitaan berbentuk penyiasatan telah menuduh Franz Josef Strauss, Menteri Pertahanan dalam kabinet Adenauer melakukan rasuah dalam pemberian kontrak ketenteraan dan seterusnya kelemahan persediaan ketenteraan Jerman Barat.

Akibat daripada pendedahan ini, pejabat dan rumah kakitangan *Der Spiegel* telah digeledah dan sebahagian dokumen dirampas. Conrad Ahlers yang menulis artikel

pendedahan tersebut, yang ketika itu sedang bercuti di Sepanyol, turut ditangkap. Seluruh tindakan tersebut dijustifikasikan sebagai satu pengkhianatan kerana mendedahkan kelemahan negara.

Bagaimanapun, tindakan tersebut telah menerima bantahan umum di seluruh Jerman. Jelas tindakan tersebut menggambarkan tindakan terdesak untuk menyembunyikan sesuatu. Sebilangan menteri yang mewakili Parti Demokrasi Bebas (FDP) memilih tindakan drastik dengan meletakkan jawatan sebagai protes kepada pembbohongan di Parlimen selepas Strauss akhirnya mengaku ada membuat panggilan dan meminta pihak tentera menjalankan operasi tersebut. Adenauer yang pada mulanya telah memberi kenyataan yang dilihat sebagai cuba mempertahankan menterinya itu akhirnya memilih untuk memecat Strauss. Namun, tindakan tersebut dianggap sudah terlewat dan desakan untuk beliau meletakkan jawatan sebelum tamat penggal keempat semakin kuat disuarakan. Meskipun hanya mengeluarkan kenyataan yang bertujuan menunjukkan kepercayaan beliau kepada menterinya, ia dilihat sebagai satu sokongan kepada kekangan hak kebebasan bersuara.

Akhirnya, Adenauer melepaskan jawatan Canselor dan digantikan oleh Ludwig Erhard, Menteri Kewangannya yang tidak kurang popular sepanjang beliau memimpin. Erhard telah mendapat sokongan daripada 279 perwakilan berbanding 180 yang menolaknya di Parlimen pada 16 Oktober 1963.

Erhard ialah antara watak penting dalam perkembangan ekonomi di Jerman Barat pasca Perang Dunia Kedua. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi pada tahun 1929, di bawah seliaan Franz Oppenheimer, ahli sosiologi dan ekonomi Jerman yang bertugas di Universiti Goether, Frankfurt. Karya Oppenheimer yang popular pada waktu itu ialah *The State* yang menunjukkan perbezaan antara kaedah politik dalam percubaan menjana pertumbuhan (iaitu melalui cukai dan paksaan) berbanding kaedah ekonomi (iaitu melalui satu proses jual-beli secara sukarela, atau pasaran terbuka).

Erhard tidak dikerah menyertai tentera semasa zaman pemerintahan Nazi kerana kecederaan yang dialaminya semasa Perang Dunia Pertama. Beliau tidak bersetuju dengan dasar Perang Total yang diambil Nazi dan memikirkan kemungkinan terburuk daripada pilihan diambil, iaitu kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Kedua. Beliau telah menulis tentang Pembiayaan Perang dan Penyatuan Hutang pada tahun 1944 sebagai penjelasan lanjut tentang kesan perang dan tindakan untuk pemulihan. Beliau percaya keterbukaan dasar ekonomi-politik Jerman Barat penting untuk usaha pemulihan.

Konrad Hermann Joseph Adenauer dilahirkan pada 5 Januari 1876. Beliau adalah Canselor Pertama Republik Persekutuan Jerman antara 15 September 1949 hingga 16 Oktober 1963 selepas Parti Demokrasi Kristian (CDU) yang dipimpin dan diasaskannya mendapat sokongan majoriti dengan kerjasama sejumlah parti lain. Sebelum pemerintahan Nazi, beliau adalah Datuk Bandar di Cologne.



Semasa Operasi Hummingbird oleh Nazi pada tahun 1934, beliau telah dipenjarakan. Beliau sekali lagi dipenjarakan semasa Operasi Valkyrie, darurat selepas plot untuk membunuh Hitler pada 20 Julai 1944 tidak berhasil. Adenauer diselamatkan Eugen Zender, bekas pekerja di Majlis Perbandaran Cologne yang mengkategorikan beliau sebagai seorang pesakit. Beliau ditangkap sekali lagi tetapi dibebaskan kerana tidak ada bukti pembabitannya.

Beliau dianggap Bapa Jerman Baru dan meninggal dunia pada 19 April 1967, ketika berusia 91 tahun.

Pada Oktober 1945, beliau telah diangkat menjadi Menteri Ekonomi di wilayah Bavaria. Kemudian, beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Khas Ekonomi di wilayah pentadbiran Amerika Syarikat dan British pada 2 Mac 1948. Erhard juga terlibat dalam rancangan persediaan kemerdekaan negara demokrasi Jerman.

Pada 21 April 1948, Erhard mengumumkan Dasar Ekonomi Pasaran Sosial di Parlimen. Pada peringkat awal, dasar yang mahu diambil oleh Erhard itu tidaklah disambut dengan rasa teruja. Bagaimanapun, semua ahli Parlimen sedar bahawa mereka tidak mempunyai pilihan yang pasti untuk diambil dalam situasi Jerman Barat pada waktu itu. Berbeza dengan negara Eropah yang lain, ekonomi Jerman Barat pada masa itu jauh daripada pencapaian sebelum Perang Dunia Kedua. Simpanan modal pada tahun 1949 hanya 35.7% daripada jumlah yang ada pada tahun 1939.

Jawatankuasa Khas Ekonomi yang ditubuhkan itu, dengan penglibatan sejumlah pakar jemputan, adalah untuk merealisasikan reformasi kewangan melalui pengenalan mata wang baru, Deutsche Mark di wilayah pendudukan Barat. Pengenalan mata wang baru ini bertujuan untuk membentuk semula asas ekonomi yang sihat melalui kawalan inflasi dan pembayaran hutang di zaman pentadbiran terdahulu. Mata wang baru ini akhirnya telah diperkenalkan pada 20 Jun 1948.

Selain itu, Erhard juga menjelaskan bahawa pasaran terbuka ekonomi tidak lengkap tanpa liberalisasi harga dan sumber pengeluaran produktiviti. Dasar yang digubal pada 24 Jun 1948 itu tidak menghapuskan dasar ekonomi perancangan berpusat (*Zwangswirtschaft*) secara drastik tetapi menjadi pre-teks kepada langkah reformasi dasar yang diambil. Liberalisasi harga diambil kecuali untuk produk yang tidak memberi ancaman secara langsung kepada penawaran dalam ekonomi, mengancam realisasi sejumlah program ekonomi berpusat atau kelangkaan keperluan yang boleh mendorong kepada monopoli. Langkah meliberalisasi harga dan pengeluaran produktiviti tersebut telah berjaya mengatasi kelangkaan penawaran dan pasaran gelap. Ia telah menjadi detik mula pemulihan ekonomi di wilayah Bizone. Antara Jun hingga Disember tahun yang sama, produktiviti di negara itu telah meningkat sebanyak 50%. Perkembangan tersebut telah memaksa wilayah pendudukan Perancis untuk mengikut dasar yang sama. Ini telah menjadi pencetus pembentukan Republik Persekutuan Jerman.

Adenauer telah membuka ruang kepada Erhard menjelaskan dasar yang diambil itu kepada semua ahli Parti Demokrasi Kristian (CDU) yang dipimpin oleh beliau. Idea menyeimbangkan pasaran terbuka dengan keseimbangan sosial juga turut diterima oleh Parti Kesatuan Sosial Kristian (CSU), sekaligus telah membuka ruang kerjasama dengan CDU. Pilihan Raya yang menjadi permulaan demokrasi baru di Jerman Barat itu telah menyaksikan persaingan sengit antara Dasar Ekonomi Terancang yang dipelopori oleh Parti Demokrasi Sosial Jerman (SDP) dengan CDU/CSU yang telah melaraskan kempen mereka dengan Dasar Ekonomi Pasaran Sosial.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, CDU/CSU menang dengan majoriti kecil dan Erhard yang bertanding di kawasan Baden-Württemberg telah menang dan diangkat menjadi Menteri Kewangan, kekal dengan jawatan itu sepanjang kepimpinan Adenauer. Pada tahun tersebut, Program Pemulihan Eropah, dikenali sebagai Plan Marshall telah diperkenalkan dengan bantuan sebanyak 13 billion dolar Amerika bagi tempoh empat tahun, sehingga tahun 1953.

Erhard menyertai Mont Pelerin Society, perkumpulan intelektual untuk membincangkan dasar dan tindakan pemulihan ekonomi pasca Perang Dunia Kedua pada tahun 1950. Melalui perkumpulan ini, Erhard mengukuhkan lagi keyakinan beliau terhadap kepentingan sistem ekonomi terbuka sebagai dasar terbaik untuk pemulihan Jerman.

Sebahagian maklumat berkaitan Mont Pelerin Society

1. Diasaskan oleh Friedrich von Hayek pada tahun 1947.
2. Pertemuan pertama melibatkan 36 intelektual yang terdiri daripada ahli ekonomi, sejarawan dan filsuf.
3. Nama perkumpulan ini diambil sempena Mont Pelerin, tempat di mana pertemuan pertama berlangsung.
4. Idea utama perbincangan berkisar tentang masyarakat bebas.

Perang Korea yang tercetus pada tahun yang sama juga turut memberi dorongan kepada ekonomi Jerman Barat. Kelangkaan produktiviti dan juga peningkatan permintaan telah menjadikan produk negara itu laris di pasaran. Ini

berpunca daripada kebanjiran pekerja di Jerman Barat pada ketika itu. Dianggarkan 12 juta orang imigran dari Jerman Timur, Czechoslovakia dan Austria memenuhi negara itu. Kebanjiran imigran ini telah menjadikan kos buruh murah dan kerana kemahiran tinggi yang mereka ada, permintaan produk Jerman Barat meningkat.

Berdasarkan Perjanjian Hutang di London pada tahun 1953, Adenauer bersetuju untuk membayar hutang Jerman Barat yang terhenti semasa Hitler memerintah. Jumlah hutang ini dianggarkan sebanyak 16 billion Mark. Selain itu, 16 billion Mark lagi adalah hutang pinjaman daripada Amerika selepas Perang Dunia Kedua. Persetujuan ini diputuskan sebagai satu jalan membaiki reputasi Jerman. Ia juga memberi Jerman Barat peluang untuk menjalankan kerjasama antarabangsa dan diterima oleh institusi kewangan seperti Bank Dunia.

Seterusnya, Perjanjian ECSC ditandatangani. Kemudian, *Gastarbeiter* atau dasar 'pekerja tetamu' diperkenalkan di mana visa diberikan kepada pekerja luar untuk bekerja di negara Jerman Barat. Kemudian, pada 25 Mac 1957, Perjanjian Rome untuk penubuhan Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) pula ditandatangani. Pada tahun yang sama Bank Pusat (*Bundesbank*) Jerman Barat ditubuhkan dan diberikan lebih banyak autoriti. Bagi mengelakkan kartel dan monopoli berlaku, Pejabat Kartel Persekutuan (*Bundeskartellamt*) dibina.

Akhirnya, ditambah dengan kesanggupan bekerja lebih masa yang cekap telah membolehkan pertumbuhan ekonomi Jerman Barat mencecah hampir 8% sepanjang 1950-an. Pertumbuhan ini berbeza jika dibandingkan dengan pengalaman pasca Perang Dunia Pertama. Ia juga lebih besar berbanding pertumbuhan negara Eropah yang lain. Taraf hidup rakyat Jerman Barat telah meningkat secara mendadak dan sekaligus mengukuhkan kedudukan negara itu. Dalam tempoh yang sama, bilangan pekerjaan bertambah daripada 13.8 juta kepada 19.8 juta, sekaligus menurunkan kadar pengangguran daripada 10.3% kepada 1.2%. Produktiviti dan gaji pekerja juga meningkat sekitar 80%.

Pertukaran Canselor

Bagaimanapun, pertumbuhan mula perlahan dan tidak konsisten pada dekad 1960-an. Sebahagian daripada puncanya ialah kerana Jerman Timur telah menutup laluan ke Jerman Barat. Beberapa perkembangan politik telah membolehkan Erhard dipilih menjadi Canselor, dengan reputasinya sebagai Bapa Keajaiban Ekonomi Jerman Barat.

Pada tahun 1963, Erhard menubuhkan Majlis Pakar Ekonomi untuk memberikan penilaian objektif sebagai asas untuk dasar ekonomi Jerman Barat. Majlis ini dianggotai oleh lima orang ahli ekonomi yang dipilih dan perlu membentangkan pandangan pembangunan makro-ekonomi Jerman Barat pada atau sebelum 15 November setiap tahun dan kerajaan Jerman perlu memberi pandangan balas dalam tempoh 8 minggu selepas itu.

Ketika negara-negara Eropah berdepan dengan inflasi pada zaman itu, Erhard telah berjaya mengawalinya melalui dasar *masshalten* – bersederhana. Sebenarnya, dasar *masshalten* ini ditegaskan Erhard sejak menjadi Menteri Kewangan. Menurutny, kesejahteraan ekonomi hanya boleh berlaku sekiranya semua pihak bekerjasama dengan cara bersederhana dalam tuntutan masing-masing. Beliau turut menjelaskan bahawa kadar pertumbuhan negara mesti menghadkan kenaikan gaji kakitangan awam dan perbelanjaan kerajaan. Para peniaga pula hanya boleh menaikkan harga apabila ia tidak memberi kesan inflasi yang ketara.

Tahun	Inflasi
1960	1.54%
1961	2.29%
1962	2.97%
1963	3.24%
1964	2.34%
1965	3.24%

Inflasi di Jerman Barat antara tahun 1960 hingga 1966

Semasa menjadi Menteri Kewangan, beliau pernah mengambil pendirian tegas mengurangkan tarif import kenderaan meskipun industri permotoran di Jerman Barat mendesak untuk kenaikannya.

Ketika pekerja kilang besi mendesak kenaikan gaji sebanyak 8% dan mengugut untuk mengerah 400,000 anggotanya mengadakan tunjuk perasaan, Erhard menjelaskan bahawa pertumbuhan ekonomi Jerman Barat pada ketika itu hanya sekitar 5%. Akhirnya, para pekerja kilang besi menerima rundingan untuk kenaikan gaji pada kadar 5% sahaja. Umumnya, Kesatuan Sekerja di Jerman Barat pada ketika itu menerima penghujahan Erhard yang turut mengemukakan indeks harga pengguna sebagai tambahan hujah untuk tidak menaikkan gaji secara melebihi batas kemampuan ekonomi.

Dalam pembentangan Belanjawan Jerman Barat pada tahun 1964, Erhard mengemukakan peruntukan sebanyak 15 billion Deutsche Mark, iaitu pertambahan sebanyak 6% berbanding tahun sebelumnya. Ini dibuat mengikut 'peraturan umum' berdasarkan jangkaan pertumbuhan Jerman Barat bagi tahun tersebut.

Sepanjang tempoh kepimpinannya, Erhard cuba mencari jalan untuk penyatuan Jerman melalui kaedah ekonomi. Beliau percaya pasaran terbuka adalah jalan penyelesaian kepada pemisahan Jerman. Tawaran dibuat kepada Nikita Khrushchev untuk Jerman Barat memberi pinjaman sebanyak 25 billion dolar Amerika dengan syarat kebebasan politik di Jerman Timur. Meskipun pandangan ini ditolak oleh Amerika kerana dianggap tidak realistik, ia telah diterima oleh Khrushchev. Namun, kejatuhan Khrushchev pada tahun 1964 telah menggagalkan rancangan Erhard. Kesatuan Soviet Rusia menerima pinjaman wang antarabangsa selepas itu dan tidak memerlukan pinjaman Jerman Barat.

Pendekatan Erhard ini tidak begitu diterima oleh Perancis. Pembukaan pasaran mendorong hubungan lebih baik antara Jerman Barat dan Amerika Syarikat. Sebaliknya, hubungan dengan Perancis yang telah dibina Adenauer kian merosot.

Dasar luar Amerika Syarikat di Indo-China, terutama berkaitan Perang Vietnam, sangat tidak popular ketika itu. Maka, hubungan luar antara Jerman Barat dan Amerika Syarikat ketika itu sedikit sebanyak menjejaskan imej Erhard. Namun, beliau terus diangkat sebagai Canselor selepas Pilihan Raya yang dijalankan pada 19 September 1965.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1965			
Jumlah pengundi berdaftar	38,510,395		
Jumlah pengundi yang membuang undi	33,416,207	(86.8%)	
Jumlah undi rosak	795,765	(2.4%)	
Jumlah undi yang diterima	32,620,424	(96.0%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	12,387,562	(38.0)	78 + 196
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,136,506	(9.6)	13 + 49
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	12,998,474	(39.3)	108 + 202
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	3,096,739	(9.5)	49 + 49
Parti Semua Jerman (GDP)	664,193	(2.0)	0 + 0
Lain-Lain	522,256	(1.6)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Lebih setahun selepas itu, pentadbiran Erhard mulai goyang apabila belanjawan defisit yang diusulkannya ditolak oleh FDP, parti gabungan dalam pembentukan kerajaan. Peletakan jawatan Menteri oleh para perwakilan FDP kemudiannya telah menjadikan kerajaan pimpinan Erhard tidak stabil dan akhirnya beliau memilih untuk meletakkan jawatan pada 1 Disember 1966.

Kekosongan jawatan Canselor yang ditinggalkan Erhard telah diisi oleh Kurt Georg Kiesinger, seorang lagi pemimpin CDU. Ketika itu, kata sepakat telah diambil

untuk membentuk Gabungan Besar dengan SPD, dengan dasar politik yang lebih kendur terhadap negara-negara komunis. Pada tahun 1968, Parti Komunis Jerman (KPD) dibenarkan bergerak semula.

Ludwig Wilhelm Erhard telah dilahirkan pada 4 Februari 1897. Beliau digelar Bapa Keajaiban Ekonomi Jerman berikutan pertumbuhan mendadak ekonomi negara itu pasca Perang Dunia Kedua ketika beliau menjadi Menteri Kewangan.



Meskipun tidak pernah menyertai mana-mana parti politik, beliau dianggap sebagai ahli Parti Demokrasi Kristian (CDU) kerana kerjasama yang telah diambil oleh beliau kepada Konrad Adenauer, pemimpin parti itu sebelum kemudiannya beliau sendiri menjadi pemimpin de facto parti itu selepas Adenauer berundur daripada jawatan Canselor.

Beliau telah menggantikan Adenauer sebagai Canselor untuk tempoh terhad sebelum berundur kerana penolakan terhadap dasar-dasar yang diambil oleh beliau pada ketika itu. Bagaimanapun, beliau kekal sebagai ahli Parlimen sebelum meninggal dunia pada 5 Mei 1977.

Menteri Kewangan yang baru, Karl Schiller membentang Dasar untuk Mempromosi Kestabilan dan Pertumbuhan. Empat objektif utama, juga dikenali sebagai 'poligon magis' digariskan, iaitu i) kestabilan harga, ii) kadar pekerjaan yang tinggi, iii) keseimbangan perdagangan asing dan iv) pertumbuhan ekonomi.

Dasar ini umumnya bagi menguatkan kawalan kerajaan dalam ekonomi. Selaras dengan faham ekonomi Keynesian, Schiller meyakini tanggungjawab serta kemampuan kerajaan dalam mencorakkan ekonomi dan melancarkan kitaran perniagaan. Panduan global (*Globalwettbewerb*) yang menjelaskan bahawa kerajaan tidak perlu campur tangan dalam perincian ekonomi tetapi perlu membangunkan satu garis panduan umum bagi mendorong pertumbuhan tanpa inflasi diambil sebagai formula ekonomi.

Namun, Jerman Barat berdepan dengan cabaran politik. Perkembangan Perang Vietnam menjadikan sosialisme popular dan mengambil alih wacana ekonomi pasaran sosial. Ini mungkin berlaku kerana kedudukan ekonomi Jerman Barat yang tidak menentu ketika itu selain kerana hubungan baik Jerman Barat dengan Amerika Syarikat pasca Perang Dunia Kedua, termasuk sokongan terhadap Perang Vietnam.

Antara pendekatan yang diambil Kiesinger untuk merancakkan semula ekonomi Jerman ialah dengan menghadkan bilangan pelajar dan tempoh bagi menamatkan kursus di universiti. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan belanja kerajaan dan memperbanyakkan pekerja mahir di pasaran. Namun, ia menerima bantahan pelajar di seluruh Jerman Barat.

Dengan kesedaran politik yang bertambah, mahasiswa melihat kekuatan majoriti dua pertiga Gabungan Besar sebagai satu ancaman kepada demokrasi memandangkan pembangkang di Parlimen sangat lemah. Ini terbukti apabila hak kebebasan untuk bergerak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan mahu dibataskan sekiranya Jerman Barat berada dalam keadaan darurat.

Percubaan ini ditentang oleh perwakilan FDP, kesatuan sekerja, aktivis pelajar dan sejumlah organisasi dan individu. Pada peringkat awal, bantahan yang dipandu oleh idea demokrasi dan sosialisme ini diperlekeh melalui media. Perkembangan protes ini cuba dikawal di universiti melalui larangan kepada pelajar daripada terlibat dengan politik. Media turut berkempen agar para pelajar kembali memberi perhatian kepada pelajaran.

Selepas melihat larangan dan kempen tersebut tidak berkesan, protes yang dilakukan mula ditangani dengan lebih keras. Sejumlah aktivis diburu dan ada yang mati ditembak. Ini telah mendorong para pelajar melakukan rampasan kuasa pentadbiran di universiti untuk beberapa waktu. Ada juga pemimpin pelajar yang dikategorikan sebagai musuh awam.

Tekanan kuat tersebut telah menjadikan Kiesinger tidak popular. Rekod beliau yang pernah terlibat dalam

Kementerian Propaganda Nazi diungkit dan menambah persepsi negatif kepada pemerintahannya. Para pelajar juga turut mendesak agar sesiapa yang pernah membantu Nazi, termasuk di kalangan profesor, ditamatkan pekerjaan dan dihukum. Pertikaian terhadap kepimpinan Kiesinger ini mula mendapat sokongan ramai.

Meskipun mendapat bantahan ramai pindaan Perlembagaan berkaitan kebebasan bergerak tetap diluluskan. Sebenarnya, usaha membuat pindaan ini telah dicuba sejak 1958 untuk melindungi semua tentera Kuasa Bersekutu di wilayah pendudukan Barat. Bagaimanapun, disebabkan kerajaan memerintah tidak mempunyai majoriti di Parlimen, ia tidak pernah cuba diusulkan. Tujuan pindaan ini mahu digubal ialah untuk mengelakkan salah guna kuasa yang dilakukan Hitler ketika mengumumkan darurat.

Beberapa hari sebelum pindaan ini dibuat, Kuasa Bersekutu di wilayah pendudukan Barat mengumumkan bahawa kuasa mengawal yang ada pada mereka akan dilepaskan sekiranya pindaan ini diluluskan. Pada 30 Mei 1949, semua perwakilan FDP dan 54 perwakilan Gabungan Besar telah mengundi untuk menolak pindaan tersebut. Jumlah kecil ini membolehkan pindaan itu diluluskan dan kuasa tentera Kuasa Bersekutu gugur kemudiannya.

Perdebatan yang berlaku di sekitar isu ini telah memisahkan gerakan pelajar yang pada mulanya bersatu membantah. Ada yang kemudiannya telah menarik semula bantahan kerana menukar fikiran selepas melihat pindaan tersebut memberi makna merdeka selepas kuasa campur tangan tentera Kuasa Bersekutu digugurkan.

Inflasi di Jerman Barat yang tidak melebihi 2.00 antara 1967 hingga 1969 telah membantu mereka terus dipilih. Namun, dengan penarikan diri FDP dan kemerosotan undi, CDU-CSU tidak lagi membentuk majoriti. Peluang ini diambil oleh SPD untuk menjalinkan kerjasama dengan FDP.

Parti Demokrasi Sosial menjadi kerajaan

Ini membolehkan Willy Brandt, mantan Datuk Bandar Berlin dan Timbalan Canselor kepada Kiesinger yang memimpin SPD ketika itu diangkat menjadi Canselor baru dengan majoriti mudah. Ini menjadikan beliau orang pertama dilantik menjadi Canselor di luar parti CDU. Kiesinger menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen sebelum diganti oleh Rainer Barzel yang diangkat menjadi Presiden CDU pada tahun 1971. Schiller kemudiannya menyertai kabinet Brandt.

Brandt yang telah menempa nama sejak menjadi Datuk Bandar Berlin Barat tidak sukar mendapat sokongan ramai. Di peringkat awal, beliau cuba menyantuni tuntutan pelajar yang mahu Jerman Barat lebih terbuka terhadap negara-negara komunis di Eropah Timur. Tuntutan ini dianggap penting pada waktu itu, kesan perkembangan politik global terutama Perang Vietnam.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1969			
Jumlah pengundi berdaftar	38,677,235		
Jumlah pengundi yang membuang undi	33,523,064	(86.7%)	
Jumlah undi rosak	557,040	(1.7%)	
Jumlah undi yang diterima	32,966,024	(98.3%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	12,079,535	(36.6)	106 + 193
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,115,652	(9.5)	15 + 49
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	14,065,716	(42.7)	97 + 224
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	1,903,422	(5.8)	30 + 30
Parti Demokrasi Kebangsaan Jerman	1,422,010	(4.3)	0 + 0
Lain-Lain	335,792	(1.2)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Desakan di luar Parlimen merupakan persekitaran yang ada pada waktu itu. Ia tidak sepenuhnya dilihat sebagai bangkangan oleh Brandt kerana apa yang dituntut itu tidak banyak berbeza dengan keyakinan beliau. Ketika beliau menjadi Datuk Bandar di Berlin Barat, Brandt menolak pemisahan Jerman sebagai dua entiti. Beliau juga tidak percaya Doktrin Hellstein (memutuskan hubungan dengan negara komunis) yang diambil Jerman Barat adalah pilihan terbaik untuk menyatukan Jerman sebagai sebuah negara. Beliau meyakini bahawa hubungan dagang yang terbuka akan menjadikan Jerman Timur tidak relevan dalam jangka masa panjang. Bagaimanapun, kemunculan Cabang Tentera Merah yang menggunakan pendekatan gerila telah memaksa kerajaan meluluskan Undang-Undang Anti-Radikal pada tahun 1972.

Brandt memulakan *Ostpolitik*, dasar terhadap Timur sebagai langkah pembaharuan pendekatan terhadap semua negara komunis di Timur Eropah, khususnya Jerman Timur. Perjanjian Moskow ditandatangani pada 12 Ogos 1970, mengiktiraf kewujudan negara-negara yang terbahagi pasca Perang Dunia Kedua dan juga menjamin keamanan antarabangsa melalui hubungan terbuka. Kemudian, Perjanjian Warsaw pula ditandatangani dengan Poland yang kandungannya juga berkaitan pengiktirafan sempadan negara dan jaminan keamanan dalam hubungan antarabangsa. Kemudian, Persetujuan Kuasa Berempat dicapai pada tahun 1971 untuk mengiktiraf hak dan juga tanggungjawab semua negara yang menduduki Jerman untuk terlibat dalam menentukan masa depan Berlin dan Jerman. Beberapa perjanjian lain turut ditandatangani kemudian.

Dasar luar yang diambil ini membolehkan Brandt dipilih menerima Anugerah Nobel Keamanan 1971. Ia menjadi landasan hubungan Barat dan Timur pada masa hadapan. Namun, dasar luar tersebut tidak disokong para imigran. Ia juga mendapat tentangan pembangkang di Parlimen Jerman sehingga sebahagian perwakilan kerajaannya menyertai pembangkang kerana tidak bersetuju dengan beberapa dasar luar yang dilihat sebagai satu pencabulan terhadap pendirian sebenar Jerman Barat berkaitan

komunisme. Situasi ini hampir menyebabkan Brandt kehilangan majoriti di Parlimen. Bagaimanapun, selepas undi tidak percaya (*Misstrauensvotum*) diambil, Brandt mendapat kelebihan dua undi berbanding Rainer Barzel.

Pada perkiraan awal, Barzel dijangka mendapat majoriti 250 undi berbanding 246 kepada Brandt. Namun, semasa pengundian dibuat, hanya 260 undi dibuang dengan 247 undi menyokong usul tidak percaya, 10 pula menentang dan baki 3 undi lagi tidak dibuang. Ini membolehkan Brandt kekal dengan undi majoriti 249.

Dalam satu pendedahan kepada majalah *Der Spiegel* kemudiannya, Julius Steiner yang merupakan seorang perwakilan CDU ketika peristiwa undi tidak percaya ini berlaku mendedahkan bahawa beliau telah dibayar oleh seorang pemimpin SPD. Selain itu, sogokan wang juga diterima oleh perwakilan lain daripada Stasi Jerman Timur untuk mengekalkan Brandt kerana dasar luarnya yang dilihat positif.

Meskipun kekal sebagai Canselor dengan majoriti tipis, Brandt memilih pembubaran Parlimen dan memanggil Pilihan Raya baru untuk pengesahan mandat pemerintahan.

Pilihan Raya Jerman Barat pada tahun 1972 sangat dinantikan ramai. Pembangkang merasakan ia adalah peluang untuk kembali menerajui kerajaan kerana kedudukan Brandt dilihat tidak stabil berdasarkan petunjuk undi tidak percaya di Parlimen. Namun, selepas keputusan Pilihan Raya diumumkan, jangkaan tersebut meleset apabila SPD-FDP telah berjaya meningkatkan undi dan jumlah kerusi mereka. SDP-FDP mendapat sokongan ramai intelektual, artis, penulis, pelakon dan ahli sukan yang popular di Jerman Barat waktu itu, selain kumpulan aktivis pelajar yang menyambut baik dasar luar Brandt.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1972

Jumlah pengundi berdaftar	41,446,302	
Jumlah pengundi yang membuang undi	37,761,589	(91.1%)
Jumlah undi rosak	301,839	(0.8%)
Jumlah undi yang diterima	37,459,750	(99.2%)

Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi			
Kristian (CDU)	13,190,837	(35.2)	112 + 177
Kesatuan Sosial			
Kristian (CSU)	3,620,625	(9.7)	17 + 48
Parti Demokrasi Sosial			
Jerman (SPD)	17,175,169	(45.8)	78 + 230
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	3,129,982	(8.4)	41 + 41
Lain-Lain	348,579	(0.9)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Mandat yang diterima itu membolehkan Perjanjian Asas dengan Jerman Timur ditandatangani pada 21 Disember 1972. Ini telah mendorong kepada penerimaan kedua-dua buah negara ke dalam Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada 18 September 1973.

Sebelum Pilihan Raya 1972, Brandt berdepan dengan masalah ekonomi apabila dasar keselamatan sosial yang meningkatkan perbelanjaan kerajaan ditentang oleh Schiller. Kesan anti-kitaran mula menghantui Jerman Barat. Perbezaan pandangan tersebut mendorong Schiller meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan dan keluar daripada SPD kemudiannya. Semasa Pilihan Raya 1972, Schiller berkempen bersama Erhard sebagai 'pelindung ekonomi pasaran terbuka'.

Meskipun kadar inflasi meningkat dalam tempoh antara tahun 1970-1972, Brandt 'diselamatkan' oleh kadar pengangguran yang relatifnya rendah pada waktu itu, iaitu di bawah 3%.

Tahun	Inflasi
1970	3.45%
1971	5.24%
1972	5.48%
1973	7.03%
1974	6.99%

Inflasi di Jerman Barat antara tahun 1970 hingga tahun 1974

Meskipun perkembangan kerjasama antara Jerman Barat dan Jerman Timur itu dianggap satu pencapaian besar, Brandt tetap perlu berhadapan dengan sejumlah masalah lain yang timbul pada waktu itu. Krisis minyak yang berlaku di seluruh dunia pada tahun 1973 memberi tambahan tekanan kepada ekonomi Jerman.

Pada tahun yang sama, Günter Guillaume, pembantu peribadi Brandt telah dikesan berkhidmat sebagai perisik Jerman Timur. Brandt dinasihatkan untuk bekerja seperti biasa dengan beliau sebelum akhirnya tangkapan dibuat pada 24 April 1974. Peristiwa ini telah memberikan imej yang sangat buruk kepada Brandt kerana beliau dituduh 'bekerjasama dengan Jerman Timur' pada tahap yang tidak boleh diterima lagi.

Akhirnya, Brandt memilih untuk meletakkan jawatan pada 6 Mei 1974. Bagaimanapun, beliau kekal sebagai Ahli Parlimen dan menjadi Presiden Parti Demokrasi Sosial sehingga tahun 1987, selain menjadi wakil Parlimen Eropah antara tahun 1979 hingga 1983. Jawatan Canselor diambil alih oleh Helmut Schmidt, seorang lagi pemimpin SPD.

Schmidt mengambil alih kedudukan Canselor dalam realiti mencabar – kadar pertumbuhan negatif sehingga tahun 1975 dan ketidaktentuan politik.

Semasa pemberontakan pelajar mengambil tempat, segolongan mereka membangkitkan isu kegagalan menyah-Nazi-kan Jerman Barat secara tuntas. Isu penyah-Nazi-an ini pernah dibangkitkan semasa Konrad Adenauer menjadi Canselor kerana Hans Globke yang pernah bertugas di Pejabat Hal Ehwal Yahudi semasa penghapusan etnik (*holocaust*) Yahudi dan juga anti-komunis diambil bertugas sebagai Pengarah bagi Pejabat Canselor. Kemudian, Canselor Kiesinger yang pernah bertugas dengan Nazi juga dipersoalkan.

Sebagaimana dikisahkan sebelum ini, Parti Komunis telah ditekan hebat di bawah kepimpinan Nazi. Semasa kepimpinan Adenauer pula, Parti Komunis telah diharamkan di Jerman Barat. Namun, pada waktu itu ia tidak dibincang secara meluas kerana komunisme dilihat

sebagai kepentingan Kesatuan Soviet Rusia di Jerman Timur. Perbincangan mengenai komunisme di Jerman Barat hanya rancak berlaku pada era 1960-an. Kebangkitan gerakan komunis di seluruh dunia selepas teretusnya isu di Indo-China serta perkembangan idea berkaitan sosialis-komunis (termasuk kemunculan Sekolah Frankfurt di Jerman) telah menyuntik kesungguhan baru di kalangan kumpulan pelajar pro-komunisme untuk menubuhkan Cabang Tentera Merah (*Red Army Faction*) di Jerman Barat. Selain daripada Cabang ini, Pergerakan 2 Jun yang berpusat di luar Berlin Barat juga diasaskan.

Kedua-dua kumpulan ini percaya kepada pendekatan gerila sebagai cara menyatakan sikap politik. Seruan kepada keganasan sering kedengaran dalam tunjuk perasaan dan mesej sebaran mereka. Untuk menangani perkembangan ini, Undang-Undang Anti-Radikal telah digubal pada tahun 1972.

Namun, itu tidak menghalang pendekatan gerila terus diambil, misalnya pembakaran kedai, kereta dan juga merosakkan kemudahan awam. Selain itu, Pergerakan 2 Jun turut menggunakan kaedah pengeboman, penculikan dan rompakan bank. Seluruh pendekatan ini diinspirasikan oleh penentangan ala komunis di seluruh dunia.

Semasa Sukan Olimpik di Munich pada September 1972, sebelas atlet dan pegawai Israel serta seorang anggota polis Jerman telah mati dibunuh oleh kumpulan yang menamakan diri mereka *Black September* (September yang hitam). Tujuan tebusan (sebelum ditembak mati) dibuat ialah untuk menuntut pembebasan rakyat Mesir dan Palestin yang ditahan di Israel. Oleh kerana mereka disokong oleh Cabang Tentera Merah, tuntutan pembebasan anggota Cabang itu juga dibuat. Kecuali tiga orang yang ditangkap kemudian, anggota lain kumpulan tersebut telah mati ditembak semasa operasi menyelamatkan tebusan dilakukan. Operasi itu gagal dan menjadi asas pembentukan skuad anti-penganas di banyak negara Eropah, termasuk skuad GSC 9 di Jerman Barat.

Ini adalah latar ketika transisi kuasa berlaku. Malah, pada tahun 1975, Peter Lorenz calon Datuk Bandar Berlin

Barat dari parti CDU telah diculik. Bagaimanapun, beliau bernasib baik kerana dibebaskan melalui rundingan pertukaran dengan gerila yang ditahan sebelumnya.

Schmidt tidak dipersalahkan sepenuhnya memandangkan masyarakat dunia berdepan krisis minyak pada waktu itu. Tambahan pula situasi Jerman Barat adalah lebih baik berbanding sejumlah negara industri yang lain. Beliau cuba membina semula hubungan baik dengan Perancis dan menjadi pengasas bersama Persidangan Ekonomi Dunia di negara itu pada tahun 1975 yang melibatkan enam negara kuasa ekonomi dunia (kini dikenali sebagai G8 kerana pertambahan dua buah negara kemudiannya).

Schmidt kekal sebagai Canselor selepas gabungan SPD-FDP memenangi Pilihan Raya Jerman Barat 1976. Beliau mengurangkan cukai pendapatan dan berjaya meningkatkan peluang pekerjaan. Selain itu, program kebajikan jangka pendek turut dikenalkan semasa tempoh kegawatan ekonomi. Sehingga tahun 1978, ekonomi Jerman Barat tumbuh secara relatifnya pada kadar 4%. Belanja kerajaan pula adalah pada kadar 48% KDNK.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1976

Jumlah pengundi berdaftar	42,058,015		
Jumlah pengundi yang membuang undi	38,165,753	(90.7%)	
Jumlah undi rosak	343,253	(0.9%)	
Jumlah undi yang diterima	37,822,500	(99.1%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	14,367,302	(38.0)	96 + 190
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	4,027,499	(10.6)	13 + 53
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	16,099,019	(42.6)	100 + 214
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	2,995,085	(7.9)	39 + 39
Lain-Lain	333,595	(0.9)	0 + 0

Selepas Pilihan Raya, Schmidt terpaksa memberi perhatian kepada isu keganasan yang terus berlaku. Penculikan dan pembunuhan Hanns-Martin Schleyer, Pengerusi Persekutuan Industri Jerman dan Pertubuhan Majikan Jerman yang pernah terlibat dengan Nazi adalah antara yang paling diingati. Konvoi beliau telah diserang dan semua pengiringnya ditembak mati. Beliau dijadikan tebusan untuk rundingan pertukaran dengan sebelas gerila yang ditahan.

Melihat corak tuntutan yang dikemukakan, Schmidt cuba menggunakan taktik penangguhan (*delay tactic*) bagi membolehkan pasukan keselamatan cuba mengesan lokasi tebusan. Namun, sebelum kes tersebut diselesaikan, pesawat Lufthansa 181 milik Jerman Barat telah dirampas oleh kumpulan yang mendakwa diri mereka sebagai pejuang pembebasan Palestin. Jürgen Schumann, kapten pesawat tersebut telah ditembak mati dalam peristiwa ini. Kedua-dua peristiwa ini dikenali sebagai Musim Luruh Jerman (*German Autumn*). Ia turut dikaitkan dengan kumpulan pengganas di Jerman Barat, berdasarkan pengalaman peristiwa tebusan semasa Sukan Olimpik 1972. GSC 9 telah berjaya menangani kes rampasan pesawat tersebut. Hanya beberapa jam selepas itu, tiga orang gerila yang ditangkap lebih awal mati dalam tahanan. Ini telah mendorong para pengganas mengambil keputusan untuk membunuh Hanns-Martin Schleyer. Mayat beliau hanya dijumpai empat hari kemudian. Ini bukanlah kematian tunggal sepanjang tempoh keganasan yang berlaku di Jerman Barat. Selepas peristiwa tersebut, kumpulan pengganas terus diburu.

Prestasi politik-ekonomi yang relatifnya baik dalam realiti kegawatan ekonomi membolehkan SPD-FDP memenangi Pilihan Raya Jerman Barat 1980.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1980

Jumlah pengundi berdaftar	43,231,741	
Jumlah pengundi yang membuang undi	38,292,176	(88.6)
Jumlah undi rosak	353,115	(0.9%)
Jumlah undi yang diterima	37,938,981	(99.1%)

Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	12,989,200	(34.2)	93 + 174
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,908,459	(10.3)	12 + 52
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	16,260,677	(42.9)	91 + 218
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	4,030,999	(10.6)	53 + 53
Parti Hijau	569,589	(1.5)	0 + 0
Lain-Lain	333,595	(0.9)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Ketika tempoh yang sama, pengaruh ekonomi klasik mula diberikan tempat. Margaret Thatcher yang dipilih menjadi Perdana Menteri bagi United Kingdom pada tahun 1979 serta Ronald Reagan yang memenangi Pilihan Raya Presiden di Amerika Syarikat pada tahun 1981 lebih cenderung kepada dasar yang dikemukakan teori ekonomi klasik.

Usaha Schmidt untuk merangsang ekonomi seterusnya tidak memberi kesan yang diharapkan. Pertumbuhan merosot daripada 0.8% kepada -1.0 dari tahun 1980 hingga 1982. Pengangguran juga bertambah daripada sekitar 3% kepada 6% dalam tempoh yang sama. Antara tahun 1975 hingga tahun 1982, perbelanjaan kerajaan sentiasa dalam lingkungan 48% hingga 50% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Situasi tersebut cuba ditangani Schmidt melalui pengurangan program sosial yang secara signifikan telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan kerajaan. Ini telah menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan perwakilan SPD yang menolak pengurangan program sosial dan FDP yang percaya akan keperluan kerajaan mengawal jumlah wang yang beredar di pasaran (dasar kewangan atau *monetary policy* yang diusulkan oleh Milton Friedman).

Akibatnya, undi tidak percaya diusulkan untuk menukar Schmidt pada Februari 1982. Namun percubaan tersebut gagal. Bagaimanapun, pengekaln perbelanjaan sosial yang tinggi mendorong FDP memutuskan kerjasama politik yang dijalankan dengan SPD. Empat orang menteri yang mewakili FDP telah meletakkan jawatan dan memulakan rundingan pembentukan kerajaan baru dengan CDU-CSU. Ia berjaya mencapai kata putus dan undi tidak percaya telah dijalankan pada 1 Oktober 1982, sekaligus menjadikan Helmut Kohl yang merupakan perwakilan CDU ketika itu diangkat menjadi Canselor baru.

Bagi mendapat legitimasi, Kohl mahu membubarkan Parlimen. Namun, ia tidak dapat dilakukan kerana Undang-Undang Asas menghalang ia dibuat, kecuali dengan satu sebab iaitu Kohl tidak mendapat sokongan majoriti di Parlimen. Maka, keputusan drastik dibuat oleh Kohl dengan memanggil persidangan untuk mendapatkan sokongan. Persidangan ini tidak dihadiri oleh perwakilan CDU-CSU sepenuhnya bagi membolehkan Parlimen dibubarkan dan satu Pilihan Raya baru diadakan pada 6 Mac 1983. Melalui Pilihan Raya ini, Kohl berjaya mendapatkan mandatnya dan kekal menjadi Canselor selepas CDU-CSU memenangi 48.8% undi dan disokong FDP yang mengutip 7% undi.

Di awal tempoh kepimpinannya, Kohl berdepan masalah pengangguran yang tinggi dan isu penggunaan senjata nuklear di wilayahnya yang ditentang pergerakan keamanan. Beliau berjaya menangani semua isu berbangkit ini melalui pendekatan yang dinamakan *Aussitzen*, membiarkan masalah tersebut berlalu sendiri apabila ia sudah tidak diperkatakan lagi. Pada masa yang sama, hubungan baik dengan Perancis dibentuk.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1983

Jumlah pengundi berdaftar	44,088,935	
Jumlah pengundi yang membuang undi	39,279,529	(89.1)
Jumlah undi rosak	338,841	(0.9%)
Jumlah undi yang diterima	38,940,687	(99.1%)

Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	14,857,680	(38.2)	55 + 191
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	4,140,865	(10.6)	9 + 53
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	14,865,807	(38.2)	125 + 193
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	2,706,942	(7.0)	34 + 34
Parti Hijau	2,167,431	(5.6)	27 + 27
Lain-Lain	201,962	(0.5)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Tahun	Pengangguran
1983	8.0
1984	8.5
1985	8.6
1986	8.3

Kadar pengangguran di Jerman Barat 1983-1986

Meskipun kadar pengangguran yang berlaku cukup tinggi, Kohl kekal menjadi Canselor apabila kerjasama CDU-CSU-FDP memenangi Pilihan Raya seterusnya pada 7 Januari 1987. Pencapaian tersebut didorong oleh inflasi yang menurun daripada 3.3% pada tahun 1983 kepada 0.2% pada tahun 1986.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1987

Jumlah pengundi berdaftar	45,327,982	
Jumlah pengundi yang membuang undi	38,225,294	(84.3)
Jumlah undi rosak	357,975	(0.9%)
Jumlah undi yang diterima	37,867,319	(99.1%)

Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi			
Kristian (CDU)	13,045,745	(34.5)	50 + 174
Kesatuan Sosial			
Kristian (CSU)	3,715,827	(9.8)	4 + 49
Parti Demokrasi			
Sosial Jerman (SPD)	14,025,763	(37.0)	107 + 186
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	3,440,911	(9.1)	46 + 46
Parti Hijau	3,126,256	(8.3)	42 + 42
Lain-Lain	512,817	(1.4)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Menuju penyatuan

Pada 12 Jun 1987, Ronald Reagan yang merupakan Presiden Amerika Syarikat waktu itu mengunjungi Jerman Barat sempena sambutan 750 tahun Berlin. Dalam ucapan di Pagar Brandenburg, beliau mencabar Mikhail Gorbachev: *"Kami menyambut (baik) perubahan dan keterbukaan (anda); kerana kami percaya bahawa kebebasan dan keselamatan bergerak seiring, dan kemajuan kebebasan manusia boleh menguatkan agenda untuk keamanan dunia. Ada satu petunjuk yang pasti tidak akan salah boleh diambil oleh Soviet, dan akan memajukan agenda kebebasan serta keamanan secara dramatik. Gorbachev, jika anda mencari keamanan, jika anda mencari kemakmuran untuk Kesatuan Soviet dan Timur Eropah, jika anda mencari kebebasan, datanglah ke pagar ini. Gorbachev, bukalah pagar ini. Gorbachev, runtuhkan tembok ini!"*

Ucapan yang terkenal ini sebenarnya adalah 'tekanan halus' kepada dasar reformasi yang diambil oleh Mikhail Gorbachev, pemimpin Kesatuan Rusia ketika itu melalui dasar *perestroika* (penstrukturan semula), *demokratizatsiya* (pendemokrasian) dan *glasnost* (keterbukaan).

Beberapa bulan kemudian, hubungan kedua-dua

wilayah Jerman itu semakin baik apabila Honecker mengunjungi Jerman Barat buat kali pertama. Meskipun kunjungan itu lebih diperlukan Honecker untuk dasar *Ostpolitik*-nya, ia dilihat lebih banyak menguntungkan Kohl. Pada Februari 1990, Kohl mengunjungi Gorbachev untuk memastikan proses penyatuan semula Jerman tidak dihalang. Kohl kekal sebagai Canselor Jerman Barat dalam Pilihan Raya pada tahun 1990.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1990

Jumlah pengundi berdaftar	60,436,560		
Jumlah pengundi yang membuang undi	46,995,915	(77.8%)	
Jumlah undi rosak	540,143	(1.1%)	
Jumlah undi yang diterima	46,455,772	(98.9%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	17,055,116	(36.7)	76 + 268
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,302,980	(7.1)	8 + 51
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	15,545,366	(33.5)	148 + 239
Pakatan 90/Hijau	559,207	(1.2)	8 + 8
Hijau	1,788,200	(3.8)	0 + 0
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	5,123,233	(11.0)	78 + 79
Parti Demokrasi Sosialisme (PDS)	1,129,578	(2.4)	16 + 17
Republikan	987,269	(2.1)	0 + 0
Lain-Lain	964,823	(2.1)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Jerman Bersatu

Penyatuan ekonomi Jerman Barat dan Timur berlaku lebih awal berbanding penyatuan politik. Ia bermula apabila Suruhanjaya Ekonomi Jerman-Jerman diwujudkan pada bulan Januari tahun yang sama. Suruhanjaya ini adalah bertujuan untuk menangani pelbagai isu ekonomi dan kewangan berkaitan kedua-dua negara.

Kemudian, sebuah jawatankuasa kabinet untuk penyatuan Jerman pula dibentuk untuk melihat cabaran dan juga masalah ekonomi yang mungkin timbul daripada proses itu. Akhirnya Perjanjian Jerman-Jerman berkaitan Ekonomi, Kewangan dan Kesatuan Sosial ditandatangani di Bonn pada 18 Mei. Parlimen di kedua-dua buah negara mengesahkannya di Parlimen pada 21 Jun dan ia mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1990.

Pertumbuhan ekonomi di wilayah Barat antara tahun 1988 hingga tahun 1991 adalah yang terbaik sejak tahun 1980, iaitu antara 3.6% hingga 5.1%. Pencapaian antara tahun 1988 hingga tahun 1991 itu dianggap sangat baik kerana dunia sedang mengalami kegawatan bermula 19 Oktober 1987 yang dikenali sebagai Isnin Gelap berikutan kejatuhan pasaran saham dunia.


Sudah tentu ia disambut dengan gembira di kalangan warga kedua-dua wilayah yang terpisah sebelumnya. Perkembangan ini adalah langkah awal untuk penyatuan penuh kedua-dua buah negara. Bahkan, masyarakat dunia melihat peristiwa tersebut sebagai perkembangan positif untuk masa depan hubungan antarabangsa pelbagai negara. Ia dianggap sangat bersejarah kerana dicapai buat kali pertama sejak bermula Perang Dingin. Namun, itu tidak bermaksud ianya mudah dan tidak bermasalah.

Perbezaan pentadbiran ekonomi di kedua-dua wilayah menjadi isu asas yang perlu ditangani di peringkat awal. Sebelum penyatuan, wilayah Barat memakai dasar ekonomi terbuka dengan campur tangan minima oleh kerajaan. Sementara itu wilayah Timur pula ditadbir secara kolektivisme dengan kawalan meluas kerajaan dalam urusan ekonomi.

Langkah awal yang cuba diambil ialah pelarasan semula mata wang bagi kedua-dua buah wilayah. Kerana kedudukan yang lebih kukuh, Deutsche Mark digunakan sebagai mata wang yang sah dan Bundesbank di Frankfurt menjadi Bank Pusat tunggal bagi kedua-dua wilayah. Sebenarnya, idea bagi menyelaraskan mata wang ini didorong oleh pengalaman Jerman Barat pasca Perang Dunia Kedua.

Pertukaran mata wang dibuat pada kadar yang berbeza. Untuk aset dan liabiliti kewangan, kadar pertukarannya ialah setiap dua Ost Mark (mata wang Jerman Timur) nisbah satu Deutsche Mark mata wang Jerman Barat. Kadar bagi orang perseorangan pula ialah satu nisbah satu sehingga dua ribu Deutsche Mark bagi mereka yang berusia 14 tahun ke bawah, empat ribu Deutsche Mark bagi mereka yang berusia di antara 14 tahun sehingga 58 tahun dan enam ribu Deutsche Mark bagi sesiapa yang melebihi usia 58 tahun.

Figure 2: **Economic Growth in Germany**
Percentage change of real GDP from previous period, 1980 to 1990 West Germany, from 1992 Germany; Source: Federal Statistical Office



Pada tahun 1990 pula Perang Teluk berlaku dan memberi kesan kepada harga minyak di pasaran dunia. Namun, sehingga tahun 1991, Jerman masih kekal dengan pertumbuhan baik. Malah, pengangguran berkurangan daripada sekitar 2 juta orang kepada 1.7 juta orang.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di wilayah Barat ini ialah penghijrahan penduduk memandangkan lebih banyak pekerjaan boleh didapati di sana berbanding di wilayah Timur yang serba kekurangan. Hampir sejuta rakyat di wilayah Timur bergerak ke wilayah Barat untuk bekerja setiap hari.

Selain itu, dengan kadar pertukaran wang yang secara relatifnya setara, produk daripada wilayah Barat mendapat permintaan yang tinggi oleh mereka yang tinggal di wilayah Timur. Ini telah mendorong peningkatan

mendadak permintaan terhadap barangan yang akhirnya menyebabkan harga barang meningkat (inflasi).

Tahun	Inflasi
1991	5.77%
1992	3.33%
1993	4.22%
1994	2.50%
1995	1.51%

Kadar inflasi di Jerman antara tahun 1991 hingga 1995

Permintaan yang bertambah ini juga telah mengalihkan eksport wilayah Barat ke Timur daripada pasaran dunia yang berjumlah 70 billion Euro pada tahun 1989 kepada hanya 16 billion Euro pada tahun 1991.

Tujuan pengalihan ini dibuat sebenarnya adalah sebahagian daripada usaha wilayah Barat membantu menghidupkan semula ekonomi di wilayah Timur. Ini kerana pelaburan masuk ke wilayah Timur sangat perlahan pada waktu itu, antaranya disebabkan oleh kekeliruan tentang pemilikan harta (*property rights*) khususnya berkaitan tanah dan bangunan, modal saham yang rendah, kos pengeluaran yang tinggi berbanding pengeluaran, peningkatan mendadak gaji serta kemudahan infrastruktur dan tenaga yang tidak mencukupi dan perlu diselenggara.

Semua masalah ini diwarisi daripada jurang pembangunan yang sangat perlahan sejak pemerintahan Nazi pada tahun 1933 dan kemudian ketika di bawah pentadbiran Kesatuan Soviet dan Jerman Timur hingga tahun 1989. Semua masalah ini menjadi sebahagian hambatan utama kepada pelabur untuk mengurus-niaga.

Bagi menangani banyak permasalahan yang timbul akibat kelemahan struktur di wilayah Timur, pentadbiran di wilayah Barat memulakan dasar meliberalisasikan ekonomi di wilayah Timur agar ia dapat berdaya saing. Dasar ini dimulakan melalui pembentukan sebuah badan amanah, dikenali sebagai *Treuhandanstalt* yang

mengambil alih syarikat milik kerajaan di wilayah Timur yang kemudiannya diswastakan sepenuhnya.

Sepanjang proses ini dilakukan, *Treuhand* dilihat memainkan peranan sebagai kerajaan tidak rasmi di Jerman Timur. Badan ini berperanan menentukan firma mana yang dikekalkan atau ditutup. Sehingga 1994, tahun terakhir *Treuhand* beroperasi, lebih 14,000 firma di wilayah Timur melalui proses penswastaan.

Peralihan ke arah sistem ekonomi yang lebih terbuka ini ternyata tidak mudah kerana ia mempunyai kesan politik dan ekonomi tersendiri. Antara kumpulan yang paling terkesan ialah kelompok pekerja. Ini kerana banyak syarikat ditutup dan mereka hanya mempunyai tiga pilihan iaitu bersara awal, latihan semula untuk pekerjaan atau berhijrah yang menjadi pilihan utama pada waktu itu. Bagaimanapun, kumpulan yang berhijrah ini terdiri daripada kalangan muda berbakat dan paling diperlukan dalam usaha pemulihan ekonomi di wilayah Timur. Usaha untuk mengekalkan mereka di wilayah Timur menjadi satu cabaran yang sukar. Faktor pendorong utama penghijrahan ini ialah kerana tawaran gaji lebih tinggi.

Kerajaan juga terbeban kerana perlu menanggung mereka yang memilih bersara awal sementara latihan semula mempunyai masalah tersendiri dalam memastikan kemahiran yang diberi bersesuaian dengan tawaran pekerjaan. Semasa beberapa tahun awal, ekonomi di wilayah Timur meleset lebih teruk. Hanya sekitar 5% sahaja pelabur asing kekal di sana dengan nilai pelaburan hanya pada kadar 1% jumlah KDNK. Pengeluaran di wilayah Timur juga merosot sehingga tidak sampai 10% jumlah pengeluaran di wilayah Barat. Pengangguran pula mencecah lebih tiga juta orang.

Sehingga separuh pertama dekad 1990-an sahaja, wilayah Barat telah memberi bantuan kewangan sehingga hampir 1 trillion Deutsche Mark kepada wilayah Timur. Selain untuk penyediaan infrastruktur pembangunan, ia juga bertujuan mengekalkan pekerjaan serta membiayai program kebajikan yang telah sedia dijalankan di wilayah Barat. Kesannya wilayah Barat menghadapi

defisit. Sehingga tahun 1994, hutang negara Jerman telah meningkat daripada 43.2% semasa tahun pertama penyatuan kepada 53.2% KDNK.

Wilayah Barat berdepan dengan kesukaran. Pengangguran meningkat sehingga 2.27 juta orang pada tahun 1993. Untuk menangani permasalahan ini, tambahan cukai mula diambil sebagai langkah untuk menampungnya. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana jumlah cukai yang perlu dibayar mencecah sehingga 47% kadar purata pendapatan pekerja. Cukai solidariti untuk membantu rakyat wilayah Timur hidup setara dengan rakyat di wilayah Barat dalam tempoh singkat dilihat tidak adil memandangkan pekerja di wilayah Barat mengambil masa sehingga 40 tahun untuk berada pada tahap ketika itu. Kenaikan cukai dan defisit berterusan juga mengekang kemasukan pelabur, sekaligus turut merencatkan pertumbuhan.

Masalah yang timbul di wilayah Timur sebenarnya adalah pengalaman biasa bagi negara yang mengambil sistem ekonomi terbuka sebagai langkah untuk keluar daripada masalah sistem ekonomi kawalan. Penyesuaian sistem baru memerlukan tempoh tertentu, bergantung kepada kerumitan masalah yang ada, sebelum ia dapat berfungsi dengan baik. Selain itu, wilayah Timur kehilangan rakan negara dagangnya, Kesatuan Soviet di samping sistem kebajikan meluas yang diterima di sana. Liberalisasi harga turut menyumbang kepada penjejasan pengeluaran pada peringkat awal kerana berlaku gangguan dalam rangkaian pembekalan dan keperluan mengenal pasti persekitaran perniagaan yang luas untuk pelaburan. Bekalan pekerja, isu gaji, pengeluaran dan kadar tukaran wang juga mendorong hal yang demikian berlaku.

Menyedari bahawa proses pemulihan wilayah Timur mengambil masa dan pentingnya kestabilan politik dikekalkan, di samping manfaat yang banyak diperolehi oleh penduduk di wilayah Timur dan penurunan inflasi, majoriti mengekalkan Kohl dalam Pilihan Raya Jerman pada tahun 1994. Ini sekaligus menjadikan Kohl sebagai

pemimpin paling lama berkhidmat sebagai Canselor untuk negara moden Jerman.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN BARAT, 1994

Jumlah pengundi berdaftar	60,452,009		
Jumlah pengundi yang membuang undi	47,737,999	(79.0%)	
Jumlah undi rosak	632,825	(1.3%)	
Jumlah undi yang diterima	47,105,174	(98.7%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	16,089,960	(34.2)	67 + 244
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,427,196	(7.3)	6 + 50
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	17,140,354	(36.4)	149 + 252
Pakatan 90/Hijau	3,424,315	(7.3)	49 + 49
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	3,258,407	(6.9)	47 + 47
Parti Demokrasi Sosialisme (PDS)	2,066,176	(4.4)	26 + 30
Republikan	875,239	(1.9)	0 + 0
Lain-Lain	823,527	(1.7)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Sehingga tahun 1998, inflasi turun pada kadar di bawah 1% sementara pengangguran mencecah 4.8 juta orang sehingga akhir Januari 1998. Jumlah ini menunjukkan peningkatan lebih 100% iaitu daripada 4.2% pada tahun 1990 kepada 9.4% pada tahun 1998. Bagi menangani defisit, peruntukan kebajikan turut dikurangkan. Akhirnya, Pilihan Raya Jerman pada September 1998 menyaksikan Parti Demokrasi Sosial Jerman dengan kerjasama Pakatan 90/Hijau menang dan Gerhard Schröder dilantik sebagai Canselor baru Jerman Bersatu.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN, 1998

Jumlah pengundi berdaftar	60,762,751		
Jumlah pengundi yang membuang undi	49,947,087	(82.2%)	
Jumlah undi rosak	638,575	(1.3%)	
Jumlah undi yang diterima	49,308,512	(98.7%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	14,004,908	(28.4)	124 + 198
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	3,324,480	(6.7)	9 + 47
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	20,181,269	(40.9)	86 + 298
Pakatan 90/Hijau	3,301,624	(6.7)	47 + 47
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	3,080,955	(6.2)	43 + 43
Parti Demokrasi Sosialisme (PDS)	2,515,454	(5.1)	32 + 36
Republikan	906,383	(1.8)	0 + 0
Kesatuan Rakyat Jerman	601,192	(1.2)	0 + 0
Lain-Lain	823,527	(1.7)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Menuju millenium baru

Schröder sedar bahawa beliau mengambil alih jawatan Canselor dalam realiti yang sukar. Jerman bernasib baik kerana tidak terkena kesan besar daripada kegawatan ekonomi dunia ketika itu.

Cabaran awal yang nyata ialah kadar pengangguran yang tinggi. Dalam kenyataan awal sebagaimana dikutip di dalam majalah Der Spiegel pada 23 Ogos 1998, Schröder menegaskan: *“Jika kami gagal menurunkan kadar pengangguran secara signifikan, maka kami tidak layak untuk dipilih semula, malah kami tidak mungkin akan dipilih semula.”*

Schröder juga berusaha meningkatkan hubungan kerjasama Eropah melalui pengambilan mata wang Euro bagi menggantikan mata wang Deutsche Mark. Ia bermula pada tahun 1999 dan sepenuhnya diambil pada

tahun 2002. Sementara itu, pemulihan ekonomi di wilayah Timur diteruskan.

Mengambil kira kerjasama dengan Parti Hijau, kerajaan Jerman yang dipimpin Schröder turut menyokong agenda menghadkan penggunaan kuasa nuklear bagi pengeluaran tenaga serta pengurangan gas rumah hijau.

Reformasi cukai turut dilakukan dengan menurunkan cukai korporat daripada 40% kepada 25% dan juga cukai pendapatan daripada 51% kepada 42%. Lebih menggembirakan kelompok perniagaan ialah penghapusan cukai jualan aset yang sebelumnya ditetapkan pada kadar 53%. Meskipun reformasi cukai ini telah memberikan lebih kelegaan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, namun ia lebih banyak dinikmati oleh kelompok perniagaan. Ia telah mendorong penstrukturan semula perniagaan yang menyebabkan banyak pekerjaan dimansuhkan. Bagaimanapun, reformasi cukai ini dilihat memberi kesan positif apabila sejumlah perwakilan CDU-CSU dan FDP turut menyatakan sokongan. Komuniti perniagaan juga melahirkan rasa gembira mereka secara terbuka melalui muka surat editorial di media-media massa.

Namun, ia mengejutkan partinya sendiri yang melihat dasar tersebut sebagai bercanggah dengan prinsip mereka. Antara yang mengkritik beliau ialah Oscar Lafontaine, Pengerusi SPD sendiri yang kemudiannya meletak jawatan dan digantikan oleh Schröder.

Bagaimanapun, Schröder bertegas bahawa pasaran lebih terbuka adalah syarat untuk kemakmuran ekonomi dan itu adalah apa yang diperlukan untuk menjamin keselamatan sosial. Malah, Schröder turut menawarkan peletakan jawatan Canselor untuk mempertahankan dasar yang diambil beliau. Ini turut mengejutkan partinya dan parti Hijau yang pasti akan kehilangan kuasa kerana tidak mempunyai calon pengganti. Kerana tidak mempunyai pilihan, Schröder diberi sokongan oleh majoriti mereka.

Dalam tempoh yang sama, CDU yang menjadi pembangkang mengalami pergolakan dalaman yang mendorong peletakan jawatan Pengerusi oleh Kohl

selepas didesak oleh partinya sendiri. Ini kerana beliau gagal mengisytiharkan sumber dana pilihan raya yang diterimanya semasa memegang jawatan awam dan pengerusi parti. Dengan pengunduran Kohl, Angela Merkel diangkat menjadi pengerusi CDU yang baru.

Sebenarnya, dasar yang diambil Schröder sangat penting bagi Jerman dalam usaha untuk mengurangkan defisit dan menjana semula pertumbuhan. Ini terbukti apabila berdasarkan Perjanjian Maastricht, Jerman hampir diberi amaran oleh Kesatuan Eropah pada tahun 2002 kerana defisit belanjawannya. Pertumbuhan ekonomi sangat perlahan. Janji untuk memastikan perubahan bermakna kepada situasi pengangguran juga tidak berhasil.

Bagaimanapun, Schröder kekal sebagai Canselor meskipun kerjasama SPD-Hijau menang dengan margin yang lebih rendah dalam Pilihan Raya yang diadakan pada tahun 2002.

Kemenangan tersebut digunakan oleh Schröder untuk melancarkan Agenda 2010, rancangan reformasi seterusnya melalui empat bidang utama iaitu i) pasaran buruh, antaranya dengan cara melonggarkan undang-undang perlindungan kepada pekerja daripada dipecat; ii) memodenkan kebajikan sosial kerana situasi ekonomi Jerman yang statik, iii) mengurangkan birokrasi untuk perniagaan kecil serta membenarkan pengusaha kraf membuka perniagaan baru dan iv) menyediakan pinjaman baru dengan kadar bunga yang rendah kepada kerajaan tempatan.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN, 2002

Jumlah pengundi berdaftar	61,432,868		
Jumlah pengundi yang membuang undi	48,582,761	(79.1%)	
Jumlah undi rosak	586,281	(1.2%)	
Jumlah undi yang diterima	47,996,480	(98.8%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	14,167,561	(29.5)	108 + 190

Kesatuan Sosial			
Kristian (CSU)	4,315,080	(9.0)	15 + 58
Parti Demokrasi			
Sosial Jerman (SPD)	18,488,668	(38.5)	80 + 251
Pakatan 90/Hijau	4,110,355	(8.6)	54 + 55
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	3,538,815	(7.4)	47 + 47
Parti Demokrasi			
Sosialisme (PDS)	1,916,702	(4.0)	0 + 2
Republikan	280,671	(0.6)	0 + 0
Parti Schill	400,476	(0.8)	0 + 0
Lain-Lain	778,152	(1.6)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Kali ini beliau mendapat tentangan terbuka daripada Kesatuan Sekerja. Tunjuk perasaan di jalanan mula mengambil tempat.

Tahun	Kadar Pengangguran
2001	7.6%
2002	8.4%
2003	9.3%
2004	9.8%
2005	11.2%

Kadar pengangguran di Jerman 2001-2005

Pada 1 Julai 2005, Schröder memanggil persidangan Parlimen untuk membolehkan undi tidak percaya dijalankan terhadapnya. Beliau sendiri telah menggesa perwakilan untuk tidak menyokongnya bagi membolehkan Pilihan Raya Jerman yang seterusnya diadakan.

Akhirnya, Pilihan Raya Jerman diadakan pada 18 September 2005 yang menyaksikan tidak ada mana-mana kerjasama parti mendapat majoriti jelas. Ini menyukarkan pelantikan Canselor yang baru. Selepas rundingan dicapai, Merkel dilantik menjadi Canselor dengan majoriti kabinet diisi oleh perwakilan SPD. Ini bermaksud Gabungan Besar Kedua terbentuk dalam sejarah politik Jerman. Merkel

hanya sah menjadi Canselor pada 22 November, lebih dua bulan selepas pilihan raya diadakan. Bagaimanapun, Schröder tidak menyertai kabinet baru tersebut. Malah, beliau telah meletakkan jawatan dalam parti dan bersara sebagai ahli politik.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN, 2005

Jumlah pengundi berdaftar	61,870,711		
Jumlah pengundi yang			
membuang undi	48,044,134	(77.7%)	
Jumlah undi rosak	756,146	(1.6%)	
Jumlah undi yang diterima	47,287,988	(98.4%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi			
Kristian (CDU)	13,136,740	(27.8)	74 + 180
Kesatuan Sosial			
Kristian (CSU)	3,494,665	(7.4)	2 + 46
Parti Demokrasi			
Sosial Jerman (SPD)	16,194,665	(34.2)	77 + 222
Pakatan 90/Hijau	3,838,326	(8.1)	50 + 51
Parti Demokrasi			
Bebas (FDP)	4,648,144	(9.8)	61 + 61
Parti Kiri	4,118,194	(8.7)	51 + 54
Republikan	266,101	(0.6)	0 + 0
Parti Demokrasi			
Nasional Jerman (NPD)	748,568	(1.6)	0 + 0
Lain-Lain	842,941	(1.8)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut


KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Kenaikan Angela Merkel ternyata unik kerana beliau adalah wanita, paling muda serta warga Jerman Timur pertama memegang jawatan itu selepas penyatuan Jerman.

Merkel mewarisi situasi yang tidak dapat ditangani sepenuhnya oleh Schröder. Populasi besar warga emas, sekitar 20% menuntut perbelanjaan besar untuk keselamatan sosial. Krisis ekonomi dunia pada tahun 2008 telah membolehkan Merkel melakukan rangsangan ekonomi yang menjadikan defisit sebanyak 3.3% KDNK.



Namun, jumlah pengangguran menyusut daripada 11.5% kepada 8.4% sehingga akhir penggal pertama kepimpinan Merkel.



Pengangguran di Jerman antara tahun 2005 hingga 2009

Tahun	Inflasi
2005	1.56%
2006	1.58%
2007	2.29%
2008	2.63%
2009	0.32%

Kadar inflasi di Jerman antara tahun 2005-2009

Dalam realiti krisis ekonomi dunia, pencapaian menurunkan kadar pengangguran dan mengawal kadar inflasi yang cukup rendah adalah besar dan membolehkan

Merkel kekal dipilih sebagai Canselor untuk penggal kedua, sekaligus menyaksikan kemerosotan SPD sebagai parti dalam Gabungan Besar. Undi di bawah paras 25% adalah pencapaian terburuk SPD.

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA JERMAN, 2009

Jumlah pengundi berdaftar	62,168,489		
Jumlah pengundi yang membuang undi	44,005,575	(70.8%)	
Jumlah undi rosak	634,385	(1.4%)	
Jumlah undi yang diterima	43,371,190	(98.6%)	
Parti	Undi	(%)	Kerusi (KK + KW)
Kesatuan Demokrasi Kristian (CDU)	11,828,277	(27.3)	21 + 194
Kesatuan Sosial Kristian (CSU)	2,830,238	(6.5)	0 + 45
Parti Demokrasi Sosial Jerman (SPD)	9,990,488	(23.0)	82 + 146
Pakatan 90/Hijau	4,643,272	(10.7)	67 + 68
Parti Demokrasi Bebas (FDP)	6,316,080	(14.6)	93 + 93
Parti Kiri	5,155,933	(11.9)	60 + 76
Parti Lanun Jerman	847,870	(2.0)	0 + 0
Republikan	193,396	(0.4)	0 + 0
Parti Demokrasi Nasional Jerman (NPD)	635,525	(1.5)	0 + 0
Lain-Lain	930,111	(2.1)	0 + 0

KK: undian langsung bagi calon di kawasan tersebut

KW: undian bagi senarai parti untuk wilayah

Kegawatan ekonomi yang melanda Eropah pada tahun 2009. Namun, tahun pertama selepas Pilihan Raya menyaksikan prestasi ekonomi Jerman berada di kedudukan yang cukup baik dengan pertumbuhan sebanyak 9% dan tertinggi di Eropah di samping penurunan kadar pengangguran kepada 7.2%. Selain itu, kadar pengangguran pula berada di paras rendah, 1.14%.

Lebih menarik, Kesatuan Eropah memaktubkan Ekonomi Pasaran Sosial melalui Perjanjian Lisbon yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2009.

**Ekonomi Pasaran Sosial:
Alternatif untuk Malaysia?**
- bab tiga -

Model ekonomi

Tahun 2009 sebenarnya adalah tahun ke-60 sejak kali pertama Sistem Ekonomi Pasaran Sosial dilaksanakan di Jerman. Dalam penerbitan sempena sambutan ke-60 ini, dinyatakan bahawa meskipun ia dimaktubkan melalui Perjanjian Lisbon, sejumlah kekeliruan tetap ada dalam definisi, implementasi, pembentukan dan potensi model ekonomi dan sosial Jerman yang khas itu.

Dalam dua bab sebelum ini, perhatian diberikan kepada perkembangan sejarah negara Jerman, bermula daripada detik awal terbentuknya Republik Weimar sehingga keruntuhan Tembok Berlin, yang kemudian menyaksikan penyatuan Jerman sehinggalah kepada kepimpinan semasa.

Umumnya, Jerman adalah sebuah negara yang hebat pengalaman transisi politiknya. Daripada pemerintahan monarki kepada pemerintahan demokrasi, seterusnya kediktatoran dan juga terpecahnya negara itu kepada dua wilayah di bawah zon pendudukan asing, berdirinya Tembok Berlin sebagai simbol Perang Dingin paling diingati dalam sejarah, Jerman kini merupakan sebuah negara yang dihormati di seluruh dunia.

Sepanjang tempoh itu, pengalaman kegawatan ekonomi sejak dua dekad lalu tidak mengabaikan simpang penting dalam sejarah politik-ekonomi-sosial Jerman khususnya kepada Keajaiban Ekonomi Jerman (*Wirtschaftswunder*) pada dekad 1950-an. Pertumbuhan yang dinisbahkan kepada sistem Ekonomi Pasaran Sosial (*Soziale Marktwirtschaft*) itu penting kerana ciri keanjalannya dalam model ekonomi-politik-sosial yang berprinsip di samping mengambil kira pelbagai faktor tidak tetap.

Ketika negara lain seperti China diberi perhatian dalam hal kebangkitan ekonomi, Kesatuan Eropah terus kekal sebagai kumpulan ekonomi yang sangat penting kepada dunia. Pemaktuban Ekonomi Pasaran Sosial, serta sejumlah usaha oleh pelbagai negara lain untuk mengambilnya sebagai model ekonomi menyerlahkan kepentingannya.

Wacana ekonomi

Biarlah secara sederhana, kita memperakui bahawa masalah ekonomi bukan isu baru dalam perbincangan umum. Perbahasan tentangnya telah berlaku sejak zaman berzaman. Generasi terkemudian mungkin terbatas dengan apa yang dicatatkan oleh generasi terdahulu. Sekiranya catatan ini tidak ditemui, atau catatan itu sendiri mempunyai keterbatasannya tersendiri, ia adalah satu kekurangan yang membolehkan banyak penemuan baru (atau mungkin juga penemuan semula) istilah, isu, jamak pandangan dan penyelesaian terbaik berkaitannya. Perkara asas ini perlulah difahami terlebih dahulu sebelum kita menyingkap lebih lanjut tentang apa yang boleh dipelajari daripada sejarah dan pelaksanaan sistem Ekonomi Pasaran Sosial di Jerman ini.

Tidaklah menghairankan apabila perbincangan tentang ekonomi rancak berlaku selepas Kemelesetan Agung berikutan kejatuhan bursa saham Wall Street pada tahun 1929. Hampir sedekad selepasnya, Walter Lippmann, ahli falsafah dan pengulas politik di Amerika Syarikat telah menulis buku *“An Inquiry into the Principles of the Good Society”* (Sebuah Pertanyaan tentang Prinsip Masyarakat yang Baik). Di dalamnya, beliau mengkritik kecenderungan sosialisme dan neo-klasik dengan dakwaan sebagai punca krisis yang berlaku.

Kritikan tersebut telah membawa kepada Kolokium Walter Lippmann, satu inisiatif yang diambil oleh Louis Rougier, ahli falsafah Perancis. Seramai 26 orang terdiri daripada pegawai tinggi kerajaan, cendekiawan, ahli akademik, ahli ekonomi dan usahawan dari pelbagai negara menyertai pertemuan lima hari itu, antara 26 Ogos

hingga 30 Ogos 1938 bertempat di Institut Kerjasama Intelktual Antarabangsa di Paris. Antara pemikir ekonomi terkenal yang hadir ialah Ludwig von Mises, Friedrich von Hayek, Alexander Rustow dan Wilhelm Ropke. Pertemuan tersebut telah mendorong pembentukan sebuah institusi pemikir, Centre international d'études pour la rénovation du libéralisme (CIRL) di Perancis. CIRL bagaimanapun terbubar dengan sendirinya apabila Perancis menyertai Perang Dunia Kedua. Bagaimanapun, ia menjadi model asas kepada pembentukan Mont Pelerin Society kemudiannya.

Perbincangan Kolokium Walter Lippmann itu berkisar tentang isu krisis liberalisme dan jalan yang boleh diambil untuk mewujudkan liberalisme baru (neo-liberalisme).


Sekolah Freiburg

Antara aliran pemikiran yang muncul di Jerman pasca Perang Dunia Pertama ialah Sekolah pemikiran ekonomi Freiburg (*Freiburg School*). Ia diasaskan pada tahun 1938 sebagai reaksi kepada Malam Kristal (*Kristallnacht*) atau Malam Tingkap Dipecahkan (*Night of Broken Glass*).

Pada tahun 1927, Walter Eucken dilantik menjadi Profesor Ekonomi di Fakultät für Rechts- und Staatswissenschaften (Fakulti Undang-Undang dan Sains Politik), Universiti Freiburg. Bidang undang-undang dan ekonomi yang diajarkan di fakulti tersebut menyediakan kerangka kondusif untuk perspektif ekonomi dijalinakan bersama perundangan. Ini menjadi ciri utama Sekolah Freiburg kemudiannya.

Selain Eucken, Böhm dan Hans Großmann-Doerth, dua profesor undang-undang di universiti yang sama serta Leonhard Miksch, anak murid terbaik Eucken dinisbahkan sebagai pengasas Sekolah Freiburg. Miksch kemudiannya menjadi pensyarah dan Profesor di Universiti Freiburg sehingga beliau meninggal dunia enam bulan selepas kematian Eucken pada tahun 1950.

Sekolah Freiburg adalah berbeza dengan Lingkaran Freiburg meskipun kedua-duanya anti-Nazi. Hanya Eucken dan Böhm sahaja yang terlibat dalam Lingkaran Freiburg.



Lingkaran Freiburg, Gereja Bonhoeffer dan Pekerja Erwin von Beckerath

Umumnya, pengasas Sekolah Freiburg memiliki keperihatinan bersama tentang asas perlembagaan yang diperlukan untuk kebebasan masyarakat dan ekonomi. Mereka juga menolak pendekatan Sekolah Sejarah (*Historical School*) yang menawarkan penyelesaian kepada realiti Jerman pada waktu itu. Penolakan ini dijelaskan dalam *Ordnung der Wirtschaft* (Keteraturan Ekonomi) terbitan bersiri, selain program kendalian mereka.

Idea-idea yang dikemukakan oleh Sekolah Freiburg ini juga merupakan kritikan kepada dasar dan amalan ekonomi di bawah pemerintahan Nazi. Ini menyebabkan pertemuan mereka tidak dapat diadakan secara terbuka. Maka, pertemuan diadakan di rumah Karl Diehl, pelakon filem terkenal di Jerman pada waktu itu yang turut menganggotai Lingkaran Freiburg. Pertemuan sulit itu dinamakan Seminar Diehl.

Böhm terlibat dalam pakatan membunuh Hitler melalui penglibatannya dengan Gereja Pengakuan yang diasaskan oleh Dietrich Bonhoeffer, pekerja keluarga Erwin von Beckerath dan sejumlah tentera Jerman sendiri. Meskipun plot 20 Julai 1944 itu gagal dan Nazi telah menghukum mati sebilangan yang terlibat, beliau terlepas kerana

kekeliruan nama. Eucken juga turut disiasat oleh Gestapo tetapi tidak dipenjarakan sebagaimana Constantin von Dietze, Adolf Lempe dan Gerhard Ritter.


Usai Perang Dunia Kedua tamat, Böhm dilantik semula menjadi Profesor di Universiti Freiburg. Tidak sampai dua tahun kemudian, pada tahun 1948, beliau dan Eucken mula menerbitkan jurnal ORDO secara berkala dengan fokus kepada institusi politik dan ekonomi bagi mentadbir masyarakat moden. ORDO yang menjadi nama jurnal ini merujuk kepada keteraturan dan kemudiannya menjadi nama jolokan lain kepada Sekolah Freiburg iaitu Ordoliberal. Jurnal ORDO ini menjadi wadah pemikiran ekonomi institusi Sekolah Freiburg.

Meskipun Eucken bukan intelektual tunggal dalam Sekolah Freiburg, pandangan beliau mendominasi pemikiran aliran ini. Pada tahun pertama pembentukan Sekolah Freiburg, Eucken menulis *National Economics – For What Purpose?* (Ekonomi Nasional – Untuk Tujuan Apa?). Setahun kemudian, *The Foundation of Political Economy* (Asas Ekonomi- Politik) yang merupakan *magnum-opus*-nya siap dan diterbitkan pada tahun 1940.

Ekonomi Pasaran Sosial – idea pendorong dan prinsip panduan

Sebelum membincangkan lebih lanjut prinsip panduan dan idea pendorong yang menjadi landasan ordoliberal, eloklah dijelaskan bahawa perbincangan tentang ordoliberal itu tidak terhad hanya kepada Sekolah Freiburg sahaja kerana kemudiannya terdapat beberapa individu di luar Sekolah tersebut yang mendokong ordoliberal, antaranya ialah Alexander Rüstow dan Wilhelm Röpke yang memilih untuk hidup dalam buangan (*exile*) di Turki.

Juga penting untuk diketahui, bahawa ordoliberal juga dikaitkan rapat dengan Keajaiban Ekonomi Jerman di mana istilah sistem Ekonomi Pasaran Sosial yang digunakan Erhard sebenarnya mula dilontarkan oleh Alfred Müller-Armack yang bukan ordoliberal. Ini menjelaskan lagi bagaimana definisi dan pelaksanaan yang berbeza berlaku.



Pecahan kelompok neoliberal di Jerman

Dalam menentukan jalan pemulihan ekonomi Jerman selepas Perang Dunia Kedua, beberapa pertimbangan sejarah diberi perhatian. Keruntuhan Republik Weimar – yang membolehkan penguasaan Nazi – dan kewujudan kartel yang menjejaskan persaingan ekonomi mendapat perhatian khusus agar pengalaman tersebut tidak diulangi.

Inflasi tidak terkawal ketika pemerintahan Republik Weimar mendorong keperluan sebuah Bank Pusat yang bebas dan pengenalan mata wang baru. Sekolah Freiburg mendokong sistem persaingan pasaran secara sah, di mana tidak ada diskriminasi dan keistimewaan diberikan kepada mana-mana pihak. Mereka menerima ini sebagai satu aturan beretika. Namun, yang membezakan ordoliberal dengan pendekatan biasa ekonomi liberal ialah peranan kerajaan dalam dasar untuk kewangan dan penggalakkan persaingan.

Peranan kerajaan dalam ekonomi

Ordoliberal meyakini keperluan kerangka berkesan untuk menstrukturkan hubungan antara kerajaan, ekonomi dan juga masyarakat. Meskipun aliran neo-liberal yang lain turut mengemukakan peranan kerajaan dalam ekonomi berasaskan pasaran, misalnya dalam hal pemberian

baucer persekolahan, peranan kerajaan lebih jelas melalui konsep yang diketengahkan oleh ordoliberal.

Keteraturan pasaran, menurut pemikiran Sekolah Freiburg, merupakan keteraturan berasaskan perlembagaan (*constitutional order*). Ini bermaksud, proses pasaran bergantung kepada persekitaran undang-undang dan institusi di mana pasaran berlangsung. Maka, pilihan tentang undang-undang serta institusi mana yang baik untuk digunakan adalah isu perlembagaan.

Menurut Eucken, kerangka institusi rasmi yang sah wujud dalam mana-mana sistem ekonomi – sama ada berbentuk kawalan atau kebebasan. Beliau mengatakan semua tindakan ekonomi mempunyai perancangan tersendiri. Dalam sistem ekonomi kawalan perancangannya dibuat secara berpusat dan sebaliknya ekonomi bebas dirancang oleh setiap individu terbabit.

Pendirian ini dinyatakan dengan tegas ketika menyertai pertemuan di Mont Pelerin pada tahun 1947. Dalam catatan ringkas yang ada, pertemuan tersebut menyaksikan perbezaan pendapat yang ketara antara Eucken dan Ludwig von Mises, seorang lagi tokoh ekonomi pasaran terbuka. Von Mises mewakili pandangan konsep pasaran terbuka tanpa sebarang gangguan (*un-hampered market*) sementara Eucken mewakili pandangan bahawa kerajaan berperanan membentuk persekitaran perundangan yang cukup bagi ekonomi dan mengekalkan corak persaingan sihat dengan pematuhan kepada pasaran (*constitutional design*). Kedua-dua pandangan mereka mewakili aliran berbeza yang muncul dalam sokongan terhadap pasaran terbuka.

Pengiktirafan peranan kerajaan dalam ekonomi terbuka adalah teras dalam pemikiran ordoliberal. Ekonomi, menurut pandangan ordoliberal, boleh ditingkatkan dengan memperbaiki kerangka perlembagaan di mana aktiviti ekonomi berlangsung.

Soalan yang memandu pemikiran Sekolah Freiburg – dan masih relevan dipertanyakan hingga kini, termasuk dalam aliran pemikiran lain – ialah: “Bagaimanakah

ekonomi perindustrian moden dan masyarakat boleh disusun dengan cara manusiawi serta berkesan?”

Dalam cubaan menjawab persoalan ini, Eucken dan Böhm menjelaskan, dengan mengambil pengalaman sejarah, bahawa sistem ekonomi tidak wajar dibiarkan bergerak spontan. Perincian masalah ekonomi memerlukan sistem yang dibentuk secara sedar oleh manusia. Dengan pemahaman ini, ordoliberal melihat peranan kerajaan melangkaui tugas terhad melindungi kerosakan akibat kuasa monopoli atau membuat pembetulan bagi mempromosi dan menstabilkan persaingan. Kerajaan sebaliknya boleh mencetuskan keteraturan persaingan.

Eucken menegaskan keperluan ‘peraturan permainan’ (*rules of the game*) yang dibentuk oleh kerajaan bagi melindungi kebebasan masyarakat dan juga ekonomi. Erhard menjelaskan maksud ini dalam bukunya, *Prosperity through Competition* (Kesejahteraan melalui Persaingan) yang telah diterbitkan pada 1957 dengan mengambil analogi permainan bola sepak. Menurut beliau: *“Dalam satu permainan bola sepak yang bagus, kita perlu sedar bahawa ia mengikut peraturan yang jelas dan telah ditentukan lebih awal. Sasaran saya dengan dasar ekonomi berasaskan pasaran ialah untuk meletakkan keteraturan dan peraturan permainan. Penonton perlawanan bola sepak akan menolak penentuan awal jumlah gol yang boleh dijangka oleh mana-mana pemain atau pasukan, dan kemudian pemain dan pasukan ini tidak menunjukkan permainan yang adil dan menarik sebagaimana dijangka dan dibayar melalui tiket masuk penonton. Dengan maksud yang sama, saya mengambilnya sebagai asas kepada mana-mana ekonomi berasaskan pasaran untuk memastikan kebebasan persaingan. Ini hanya boleh wujud di mana tiada apa atau sesiapa pun dibenarkan menekan kebebasan tetapi kebebasan ini dijamin oleh undang-undang dan merupakan satu hadiah paling berharga dalam masyarakat.”*

Kepentingan persaingan

Böhm mengemukakan kritikan berkaitan budaya mendapatkan kekayaan tanpa usaha, dan sebaliknya

diberi perlindungan dan keistimewaan (merujuk kepada aktiviti *rent-seeking*). Beliau menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa berdepan dengan pelbagai desakan untuk dipenuhi. Para pendesak ini sentiasa mahukan perlindungan bagi membolehkan mereka memonopoli geran, tarif, lesen terhad dan tanggungan (bailout). Ini hanya akan mengurangkan pendapatan sebenar untuk semua pihak. Justeru, perlembagaan diperlukan bagi menghalang perlindungan atau keistimewaan kepada sesiapa sahaja.

Eucken menjelaskan masalah kartel yang berkecenderungan memaksa pembetulan berterusan: *“Hak pemilikan harta persendirian, kebebasan kontrak dan persaingan ialah prinsip urustadbir yang perlu diterapkan dalam sistem ekonomi...Ahli ekonomi klasik...meyakini dan berharap sistem alamiah yang mudah (merujuk kepada Theory of Invisible Hand atau Teori Tangan Ghaib), sebagaimana yang dinyatakan oleh (Adam) Smith, akan mengatur ekonomi persaingan...Sistem ekonomi sebenar yang sepatutnya diasaskan daripada perlembagaan ekonomi ini hakikatnya menyimpang jauh dan semakin jauh daripada prinsip-prinsip tersebut. Sebagai contoh, kebebasan kontrak telah digunakan untuk menghapuskan persaingan melalui persefahaman kartel. Sistem alamiah yang mudah ini, berbanding jangkaan awal, telah digunakan untuk menafikan keteraturan persaingan.”*

Tambahnya lagi: *“Masalah ini tidak akan dapat selesai melalui dasar membiarkan sistem ekonomi bergerak sendiri. Sejarah lampau sudah cukup sebagai pengajaran. Sistem ekonomi mesti dibentuk secara sedar. Perincian masalah dasar ekonomi, dasar perdagangan, kredit, monopoli atau percukaian, undang-undang syarikat atau kebangkrapan, adalah sebahagian masalah besar tentang bagaimana keseluruhan ekonomi, nasional atau antarabangsa, dan peraturan berkaitannya perlu dibentuk.”*

Dalam pengertian lain, jika sistem liberal melihat ancaman kebebasan individu datang daripada sektor awam, ordoliberal pula mengemukakan kes ancaman kebebasan individu daripada sektor swasta.

Miksch, dalam usahanya menjelaskan pandangan ini, menyebut bahawa kerangka institusi adalah koordinasi luaran dan ia bergerak seiring dengan koordinasi dalaman yang merujuk kepada kesanggupan peserta pasaran dan penilaian mereka terhadap keuntungan bersama (*mutual benefit*). Beliau juga telah membentuk model misal persaingan (*competition as-if*) bagi mengelakkan kuasa monopoli digunakan oleh sektor swasta. Baginya, dasar persaingan yang dibuat mesti mensasarkan pengeluaran melalui petunjuk institusi yang sesuai – hasil pasaran yang secocok dengan jangkaan di bawah persaingan.

Miksch juga turut menegaskan bahawa tidak ada halangan serta pemilik-negaraan monopoli secara mutlak. Namun beliau bersetuju dengan orientasi insentif melalui peraturan kerajaan misalnya autoriti peratusan bagi khidmat pos dan telekomunikasi.

Selain itu, beliau berpendapat bahawa kerajaan boleh menganjurkan persaingan. ‘Campur tangan liberal’ memerlukan kerajaan bertindak aktif membangunkan sistem persaingan yang utuh dan mengelak kemunculan semula kartel. Bagaimanapun, kuasa arbitrari kerajaan boleh dikawal dengan keputusan majoriti secara demokratik. Beliau percaya bahawa demokrasi dan ekonomi berasaskan pasaran secara alamiahnya saling bergantung antara satu sama lain. Bagi beliau, sistem ekonomi liberal penting untuk kestabilan sebuah sistem demokrasi dan ia dapat menghalang kediktatoran birokrasi, sekaligus menegaskan keperluan demokrasi.

Keselamatan sosial

Ciri khas yang ‘membezakan’ ekonomi pasaran sosial dengan sistem ekonomi terbuka ialah penekanan aspek keselamatan sosial. Müller-Armack misalnya menjelaskan bahawa ekonomi pasaran sosial cuba mencapai sintesis baru antara kebebasan pasaran dan peranan kerajaan dalam ekonomi di mana penelitian sosial ditekankan. Ini bertitik tolak daripada ketidaksempurnaan pasaran, tuntutan keadilan dan kestabilan sosial dan keperluan manusiawi yang melangkaui soal untung rugi jual beli.

Eucken jugapercaya bahawaketeraturanekonomihanya boleh dicapai jika isu sosial dihitungkan dalam pertimbangan dasar. Sebagai contoh, Eucken menegaskan bahawa kesedaran sosial tidak boleh menerima pengangguran yang berleluasa. Bagaimanapun, beliau bersikap kritikal dengan skim insuran kerajaan yang dipaksa sebagai dasar sosial. Menurutny, dasar sosial hanya boleh berjaya bila terinstitusinya dasar keteraturan.

Prinsip persaingan mesti turut dilaksanakan dalam pasaran pekerja. Kesatuan dan pertubuhan pekerja tidak sepatutnya bertindak seperti monopoli dan merundingkan perjanjian gaji secara tetap. Eucken menegaskan kadar gaji mestilah ditentukan secara bebas oleh pasaran. Keteraturan pasaran mestilah tidak bersifat diskriminasi dan persaingannya bebas daripada perlindungan keistimewaan. Keteraturan etika, menurut pemikiran ini, akan diperolehi, malah sedia terdapat dalam proses tersebut.

Dalam aspek jaringan keselamatan sosial, ordoliberal mengambil kira keyakinan meluas tentang keberkesanan negara kebajikan (*welfare state*). Sekolah Freiburg meyakini keperluan jaminan pendapatan minima untuk mereka yang sementara atau seumur hidup tidak berupaya memperoleh pendapatan melalui perkhidmatan yang sanggup diambil dan dibayar dalam pasaran. Namun, jaminan pendapatan minima ini juga menolak diskriminasi dan bebas daripada sebarang perlindungan atau keistimewaan. Maka, subsidi dan kecenderungan kepada mana-mana industri dielakkan. Eucken sendiri lebih percaya bahawa inisiatif bebas harus memainkan peranan dalam hal perlindungan sosial, jika majoriti masyarakat benar-benar percaya keperluan ini.

Secara mudahnya, Ekonomi Pasaran Sosial ialah sebuah sistem yang menegaskan kepentingan persaingan yang hanya boleh wujud dengan adanya undang-undang. Undang-undang ini mengesahkan kebebasan individu dan mendorong persaingan berasaskan keupayaan serta kelayakan dengan prinsip keadilan.

Prinsip utama ordoliberal Sekolah Freiburg ialah untuk mewujudkan persaingan penuh melalui mekanisme harga yang berfungsi. Persaingan, pada mereka, ialah cara untuk menjamin secara saksama, aturan ekonomi dan sosial. Malah, ordoliberal menegaskan bahawa jaminan aturan ekonomi dan sosial yang saksama tidak tercapai tanpa persaingan. Namun, ia juga menjelaskan bahawa persaingan hanyalah alat dan bukan tujuan yang ingin dicapai.

Bersama prinsip utama ini digariskan enam prinsip sokongan iaitu kestabilan kewangan dan mata wang, pasaran terbuka, jaminan pemilikan harta, kebebasan kontrak, liabiliti dan konsistensi dasar ekonomi. Selain itu, empat prinsip kawal pula ialah kawalan monopoli, agihan pendapatan pasaran, pembetulan kesan luaran (*external effect*) dan pembetulan tingkah laku penawaran luar biasa. Enam prinsip sokongan ini dijelaskan seperti berikut;

1) Keutamaan kestabilan kewangan dan mata wang.

Meskipun mereka yang mendokong sistem pasaran terbuka lebih cenderung menggalakkan penggunaan piawaian emas, Eucken sedar bahawa ia hampir mustahil diharapkan pada waktu itu. Maka, beliau mengambil piawaian berkas komoditi (*commodity-bundle standard*) dan 100% keperluan simpanan di bank.

2) Pasaran terbuka

Bermaksud tiada halangan tarif dan bayaran perdagangan, serta apa juga petunjuk anti-persaingan untuk melindungi pasaran tempatan.

3) Jaminan pemilikan harta persendirian

Eucken menjelaskan bahawa ini bermaksud kuasa pengagihan yang hanya boleh dilakukan melalui persaingan.

4) Kebebasan kontrak

Kebebasan kontrak ini mestilah berlaku dalam situasi persaingan penuh dan tidak menjurus kepada kartel atau sebarang amalan lain yang merosakkan tujuan sebenarnya.

5) Liabiliti

Eucken menegaskan bahawa majoriti pemegang stok mengambil liabiliti penuh.

6) Konsistensi dasar ekonomi

Ini bermaksud penolakan campur tangan berlebihan di mana dasar ekonomi boleh diharapkan dan dijangka oleh pasaran.

Sementara itu, empat prinsip kawal-selia pula ialah;

1) Kawalan monopoli

Eucken menegaskan bahawa dasar persaingan perlu dilakukan oleh agensi awam bagi menghapuskan monopoli atau paling tidak dapat mengawal tingkah laku mereka dalam pasaran.

2) Agihan pendapatan pasaran

Untuk dasar pendapatan, Eucken jelas mengaitkannya dengan cukai pendapatan progresif di mana beliau cenderung kepada penghujahan keberkesanan dan juga agihan. Dalam aspek keberkesanan, beliau menghujahkan kelembapan pengeluaran barangan mewah serta ia membuka ruang kepada lebih banyak pelaburan.


3) Pembetulan kesan luaran (*external effects*)

Eucken merujuk isu alam sekitar sebagai aspek yang perlu dijaga ketika membincangkan kesan luaran ini.

4) Pembetulan tingkah laku penawaran luar biasa

Merujuk isu lebihan penawaran pekerjaan yang memaksa penurunan gaji. Eucken mencadangkan pengenalan gaji minima berdasarkan rundingan kolektif di kalangan pekerja dan majikan dan had waktu kerja selain beberapa petunjuk perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang bekerja.

Semua prinsip ini menjadi landasan sistem Ekonomi Pasaran Sosial yang dikemukakan kelompok ordoliberal Sekolah Freiburg.



Prinsip Ekonomi Ordoliberalisme

Realiti implementasi

Sudah tentu, ordoliberal yang dinisbahkan sebagai landasan kepada sistem Ekonomi Pasaran Sosial itu difikirkan untuk pelaksanaan. Meskipun ia tidak cocok dengan dasar permulaan yang diambil oleh Kuasa Bersekutu, zeitgeist (semangat zaman) yang cenderung kepada sosialisme-komunisme memberi ruang untuk ia dipertimbangkan. Lagipun, ia tetap perlu melalui pergelutan politik untuk dilaksanakan.

Selepas 'titik kosong' (situasi politik-ekonomi-sosial yang tidak jelas) pasca Perang Dunia Kedua, parti-parti politik mula muncul. Semua pergerakan Kristian yang ditekan semasa pemerintahan Hitler mula bersatu dengan satu pendirian bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial untuk memberi perisai nilai dan moral yang khusus dalam realiti mencabar pada waktu itu. Umumnya, mereka bersetuju dengan keperluan sebuah sistem demokrasi dan ekonomi yang manusiawi. Umumnya, keperihatinan gereja, sebagaimana lazim dalam pergerakan agama, ialah dalam isu sosial.

Pendapat yang pelbagai memang timbul dalam situasi rencam waktu itu. Masing-masing cuba mengemukakan kepentingan pandangan mereka. Maka, bagi membolehkan persetujuan dicapai dalam kata putus manifesto yang

bakal diambil dalam Pilihan Raya pertama Jerman Barat pada tahun 1949, Adenauer mengusulkan sikap tolak ansur keseimbangan kuasa sektor awam dan swasta akan diberikan pendekatan *Gemischtwirtschaft* (*Mixed Economy* atau Ekonomi Campuran).

Ini bagaimanapun ditolak oleh Erhard yang melihatnya sebagai istilah yang boleh mengelirukan. Ekonomi campuran, pada pandangan beliau, hanya memberi mesej kombinasi antara pendekatan berpusat dan terbuka. Namun, beliau boleh menerima istilah 'pasaran sosial' sebagai cabang sistem ekonomi berasaskan pasaran. Berbeza dengan Müller-Armack yang menekankan aspek sosial, Erhard menumpukan kepada aspek pasaran. Beliau menjelaskan bahawa "*semakin bebas ekonomi itu, semakin sosiallah ia*".

Sudah tentu menarik untuk kita mengetahui bagaimana idea ini cuba dipanjangkan bagi memenangi pendapat umum (baca: para pengundi) dan diterima di kalangan elit politik berpengaruh pada waktu itu. Meskipun Erhard tidak pernah menyertai mana-mana parti politik, kelebihan yang ada pada waktu itu ialah kedudukannya untuk melaksanakan reformasi ekonomi dan sokongan intelektual yang memahami kepentingan ekonomi pasaran terbuka, selain pendirian tetap untuk menolak pengaruh sosialisme-komunisme (baca: ekonomi perancangan berpusat). Umumnya, kejayaan ini didorong oleh beberapa faktor antaranya:

1. Ia didokong oleh pelbagai pemimpin kelompok anti-Nazi.
2. Ia menolak monopoli.
3. Situasi semasa yang tidak memberi banyak pilihan lain.

Meskipun secara relatifnya ordoliberal dinisbahkan sebagai landasan kepada sistem Ekonomi Pasaran Sosial, di mana sekumpulan mereka yang aktif membincangkannya mendapat tempat yang tinggi dalam kerajaan, proses demokrasi yang dilalui menyebabkan hanya sebahagian daripada prinsipnya dapat dilaksanakan dengan

berkesan. Namun, nasib Erhard boleh dikatakan baik kerana beberapa dasar ekonomi telah ditentukan sebelum pilihan raya.



Walter Eucken dilahirkan pada 17 Januari 1891. Beliau merupakan pengasas faham ordoliberal yang dikemukakan daripada pemerhatiannya terhadap pengalaman Jerman sebelum dan selepas Perang Dunia Pertama. Menurutnya, pasaran bebas yang tidak dipandu akhirnya boleh disalahguna. Ini ditunjukkan melalui pembentukan kartel.

Bagaimanapun, ekonomi pasca Perang dunia Pertama pula menyaksikan ekonomi Jerman dikawal dan berpusat, sehingga akhirnya telah memungkinkan Nazi berkuasa.

Eucken aktif dalam kumpulan perbincangan anti-Nazi selepas usahanya melindungi kebebasan akademik tidak berjaya. Beliau menentang Martin Heidegger, ahli falsafah yang diangkat menjadi Rektor di Universiti Freiburg kerana telah memecat semua Yahudi – baik pensyarah mahu pun pelajar – bagi melaksanakan dasar Nazi. Lingkaran Freiburg yang anti-Nazi muncul daripada dasar ini. Beliau pernah disoal Gestapo selepas percubaan untuk membunuh Hitler gagal, tetapi tidak dipenjarakan seperti sejumlah rakan-rakannya yang lain. Umumnya,

Lingkaran Freiburg adalah penentangan intelektual terhadap Nazi. Melaluiinya, jaringan intelektual yang pelbagai, termasuk Sekolah Freiburg menawarkan 'jalur ketiga' dalam ekonomi untuk membolehkan pasaran bebas yang dipersetujuinya bergerak dengan lebih teratur. 'Jalur ketiga' ini dianggap sebagai asas kepada apa yang disebut kemudian sebagai ordoliberal.

Friedrich von Hayek telah menjemputnya untuk menyampaikan siri kuliah di London School of Economics (LSE) pada tahun 1950, di mana beliau telah meninggal dunia secara mengejut pada 20 Mac tahun itu sebelum sempat menghabiskan kuliah terakhirnya. Sebelum meninggal dunia, beliau sempat menyiapkan buku terakhirnya, *Competition as a fundamental principle of the economic institution* (Persaingan sebagai prinsip dasar institusi ekonomi).

**Pengalaman Jerman –
pelajaran untuk Malaysia**
- bab empat -


Malaysia – sekilas sejarah perkembangan ekonomi

Umumnya, perkembangan Malaysia pasca-merdeka adalah baik. Petunjuk sosio ekonomi yang ada membolehkan negara kita berada di kalangan negara membangun terbaik.

Sejak sebelum merdeka lagi kita tahu bahawa negara kita menjadi pusat mendapatkan timah dan getah. Eksport kedua-dua barangan ini membentuk 40% daripada KDNK negara semasa tahun awal kemerdekaan. Dalam maksud lain, ia menunjukkan bagaimana negara kita telah terlibat dalam hubungan dagang di peringkat antarabangsa sejak mula.

Perkembangan ekonomi melalui tiga fasa awal Rancangan Lima Tahun daripada 1956 hingga 1960, 1961 hingga 1965 dan 1966 hingga 1970. Pada peringkat awal inilah FELDA dan FAMA ditubuhkan, minyak kelapa sawit mula dilihat sebagai komoditi penting serta peningkatan pengeluaran dan hasil padi. Malaysia pada waktu ini adalah setara dengan Singapura, Taiwan dan Korea Selatan. Ketiga-tiga negara itu bersama Taiwan, mendapat jolokan sebagai Harimau Asia kemudiannya berikutan pencapaian ekonomi yang sangat baik.

Meskipun pencapaian tersebut cukup baik, 13 Mei 1969 mencatatkan tragedi rusuhan kaum kerana faktor politik yang disandarkan kepada jurang ekonomi antara kaum. Ia kemudiannya mempengaruhi persoalan dasar hingga kini. Sebagai catatan tambahan, Malaysia terbentuk selepas persetujuan telah dicapai antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Singapura bagaimanapun keluar daripada pembentukan ini kemudiannya.



Perbandingan KDNK per kapita (dolar Amerika)

Etnik	1970a	1987
Bumiputera	64.8	26.6
Cina	26.0	7.1
India	39.2	9.6
Lain-lain	44.8	20.3

Kadar kemiskinan antara kaum di Malaysia

Antara tahun 1971 hingga 1990, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenal untuk mencapai perpaduan nasional dengan cara menghapuskan kemiskinan dan menghilangkan pengenalan ekonomi berasaskan kaum. Di sini bermula campur tangan besar kerajaan dalam aktiviti ekonomi.

Tahun	1957	1970	1980	1990
Kadar kemiskinan	51.0%	49.3%	37.4%	16.5%

Kadar kemiskinan di Malaysia antara tahun 1957-1990

Selepas berdepan dengan krisis ekonomi pada lewat 1970-an dan awal 1980-an, di mana kemudiannya berlaku perubahan kepimpinan kerajaan dan muncul

perkembangan baru yang ditandai oleh Revolusi Iran dan kenaikan semula ekonomi pasaran bebas yang ditandai oleh kemenangan Margaret Thatcher di United Kingdom dan Ronald Reagan, Malaysia mula memberikan perhatian kepada industri berat dan penswastaan.

Malaysia mengalami pertumbuhan pesat antara tahun 1989 hingga tahun 1997 dengan kadar purata pertumbuhan 8.1%. Pertumbuhan sebanyak ini bukanlah pengalaman pertama Malaysia. Prestasi pertumbuhan yang tinggi sehingga mencecah 10% itu pernah dicapai pada tahun 1973, 1977 dan 1989. Bezanya, antara tahun 1989 hingga tahun 1997 itu, pertumbuhan berterusan tidak pernah kurang daripada 8%.

Dalam penilaian oleh Suruhanjaya Pertumbuhan Bank Dunia yang telah diterbitkan pada tahun 2008, dinyatakan bahawa terdapat 13 buah negara berjaya mencapai kelestarian pertumbuhan besar pasca Perang Dunia Kedua, dan Malaysia adalah di antaranya. Namun, daripada jumlah tersebut, hanya 6 buah negara yang berjaya melonjak kepada pendapatan tinggi. Sayangnya, Malaysia tidak termasuk dalam kelompok ini. Kini, Malaysia dikategorikan sebagai termasuk dalam apa yang diistilahkan sebagai perangkap pendapatan pertengahan (*middle-income trap*).

Perangkap pendapatan pertengahan (*middle-income trap*)

1. Terma ini semakin mendapat tempat dalam kajian ekonomi dan perniagaan.
2. Fokus perbincangan berkisar tentang ekonomi jangka panjang dan pembangunan sosial negara membangun.
3. Dalam pengertian ringkasnya, ia menjelaskan bahawa banyak negara membangun menghadapi masalah untuk melonjakkan ekonomi kepada pendapatan tinggi dan tersekat di pendapatan sederhana – yang menjadikan pertumbuhan ekonomi statik atau dalam kes tertentu merosot – dalam satu tempoh yang sederhana atau panjang.

Negara	Purata Pertumbuhan
China	11.5
Malaysia	9.1
Singapura	8.6
Vietnam	8.4
Korea Selatan	7.2
Taiwan	7.0
Indonesia	6.1
Thailand	5.5
India	5.4
Filipina	3.2
Jepun	1.6

Purata pertumbuhan beberapa negara antara 1990-1997

Pencarian alternatif

Situasi ini memberi gambaran bahawa kini Malaysia berada di persimpangan kritikal. Selepas krisis ekonomi pada tahun 1997-1998, pertumbuhan negara mulai perlahan dan lembab. Berdasarkan beberapa petunjuk, belum ada tanda jelas ia telah berjaya ditangani dengan baik.

Sebagai langkah bagi menangani fenomena ini, pencarian alternatif sangat mendesak. Beberapa pelajaran daripada pengalaman negara lain adalah penting untuk dilihat. Sudah tentu ini tidak bermaksud ia mesti diambil tanpa pertimbangan realiti setempat yang dinamik.

Kini, kerajaan persekutuan Malaysia melancarkan apa yang dikenali sebagai Model Ekonomi Baru (MEB). Ringkasnya, MEB meletakkan misi umum untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan sasaran pendapatan tinggi antara 15 ribu hingga 20 ribu dolar Amerika – berdasarkan kategori negara mengikut pendapatan per kapita yang menjadi petunjuk Bank Dunia, merangkumkan seluruh kelompok masyarakat bagi menikmati kekayaan negara dan kemapanan agar ia dapat memenuhi keperluan masa kini dan akan datang.

Pendapatan Per Kapita	Kategori Negara
1,005 dolar Amerika dan ke bawah	Berpendapatan rendah
1,006 hingga 3,975 dolar Amerika	Berpendapatan pertengahan bawah
3,975 hingga 12,275 dolar Amerika	Berpendapatan pertengahan atas
12,276 dolar Amerika dan ke atas	Berpendapatan tinggi

Kategori negara berasaskan pendapatan per kapita

Pencapaian antara tahun 1990 hingga tahun 1997 belum cukup untuk meletakkan ekonomi Malaysia di kedudukan lebih baik secara perbandingan. Kekurangan ini ditambah dengan purata pertumbuhan yang merosot selepas tahun 1997. Purata pertumbuhan Malaysia sejak tahun 2000 hingga tahun 2008 berada pada kadar 5.5% setahun.

Negara	Purata Pertumbuhan
China	10.0
Vietnam	7.5
India	7.0
Malaysia	5.5
Singapura	5.4
Indonesia	5.2
Filipina	5.0
Korea Selatan	4.9
Thailand	4.8
Taiwan	3.8
Jepun	1.5

Purata pertumbuhan beberapa negara antara 2000-2008

Daripada hampir semua negara di dunia yang dinilai oleh Bank Dunia, hanya 70 buah negara dikategorikan

sebagai berpendapatan tinggi. Malaysia dikategorikan bersama 54 buah negara lain sebagai negara membangun dengan Pendapatan Kasar Negara per kapita 8,617 dolar Amerika.

Negara	Pendapatan Per Kapita
Singapura	50,714 dolar Amerika
Brunei	36,521 dolar Amerika
Malaysia	8,617 dolar Amerika
Thailand	5,281 dolar Amerika
Indonesia	3,649 dolar Amerika
Filipina	2,255 dolar Amerika
Vietnam	1,362 dolar Amerika
Laos	1,204 dolar Amerika
Kemboja	912 dolar Amerika
Myanmar	804 dolar Amerika

Pendapatan per kapita beberapa buah negara

Data suku ketiga tahun 2011 menunjukkan Malaysia tertinggal jauh di belakang Brunei dan Singapura. Namun, di kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di tangga ketiga. Dalam persoalan kemajuan, perbandingan yang munasabah tentulah perlu dibuat dengan negara yang lebih baik petunjuknya.

Meskipun data umum menunjukkan pendapatan per kapita Malaysia berada pada tahap yang agak baik – pendapatan pertengahan atas, penelitian tidak harus terhenti setakat itu. Angka 8,617 dolar Amerika per kapita itu menunjukkan setiap seorang rakyat Malaysia berpendapatan sehingga hampir RM23,300 setahun, realitinya tidak bermaksud begitu. Indeks Gini pada tahun 2009 menunjukkan nisbah perbezaan di Malaysia ialah sebanyak 46.2.

Untuk melihat dengan lebih terperinci lagi, kita boleh mengambil garis kemiskinan di Malaysia.

Kawasan	Kemiskinan Relatif (RM)	Kemiskinan Tegar (RM)
Semenanjung Malaysia	720	430
Sabah	960	540
Sarawak	830	520

Garis kemiskinan di Malaysia pada tahun 2010

Berdasarkan petunjuk ini, Laporan Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) menunjukkan Malaysia telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan daripada 17% pada tahun 1990 kepada 8% pada tahun 2000 dan seterusnya 4% pada tahun 2009. Sementara itu, hanya 0.2% sahaja yang dikategorikan termiskin.

Meskipun ia boleh dianggap satu pencapaian baik, ia tidak bermaksud kita harus menerimanya tanpa pandangan kritikal. Misalnya, saiz isi rumah – 4.31 berdasarkan bancian 2010 – perlu dipertimbangkan.


Ini bermaksud, jika angka kemiskinan relatif diambil, peruntukan untuk setiap individu dalam setiap rumah di Semenanjung Malaysia ialah pada kadar RM167 sebulan atau RM5.60 sehari. Bagi Sabah pula, peruntukan untuk setiap individu dalam setiap rumah ialah pada kadar RM228 sebulan atau RM7.42 sen sehari. Di Sarawak pula, setiap individu dalam setiap rumah mempunyai peruntukan sebanyak RM192.60 sebulan atau RM6.42 sen sehari.

Dalam konteks realiti semasa Malaysia, 12% rakyat atau sekitar 3 juta orang kini berpendapatan di bawah RM1,200. Ini bermaksud, sekiranya kita menganggap semuanya berpendapatan sama iaitu RM1,200 tadi, peruntukan bagi setiap individu dalam setiap rumah ialah antara RM240 hingga RM300 sebulan atau RM8 hingga RM10 seorang sehari.

Sementara itu, mereka yang bergaji antara RM1,200 hingga RM2,500 sebulan pula hanya menikmati sekitar RM40 hingga RM85 sehari. Dibahagi dengan isi rumah 4.31, jumlah peruntukan untuk setiap seorang dalam

setiap rumah ialah pada kadar antara RM8 hingga RM17 seorang. Rakyat Malaysia yang menikmati julat gaji ini berjumlah sekitar 28%.

Dalam pengertian lain, 40% rakyat Malaysia berada dalam kedudukan genting berdasarkan ukuran gaji. 40% isi rumah termiskin di Malaysia hanya mewakili satu per tujuh daripada 20% isi rumah terkaya. Daripada jumlah 40% rakyat Malaysia yang berpendapatan di bawah RM2,500, hampir tiga per empat terdiri daripada kaum Melayu.



Nisbah Gini di Malaysia 1980-2008

Etnik	1997	2007
Bumiputera	9.0	5.1
Cina	1.1	0.6
India	1.3	2.5
Lain-lain	13.0	9.8

Kadar kemiskinan antara kaum di Malaysia di antara 1997 - 2007

Saya percaya, jika masalah kemiskinan ini dilihat dengan lebih baik, kita tidak akan lekas berpuas hati. Sambil mengakui kewujudannya, dasar yang mahu diambil itu perlu diteliti lanjut. Isu jurang kekayaan mempunyai ruang tersendiri dalam perbahasan ekonomi.

Mengambil kira ekosistem dalam bidang ekonomi itu sendiri, ia tidaklah semudah menaikkan gaji sesiapa pun secara wewenang.

Namun, bagi sesetengah pihak, jurang miskin-kaya adalah satu simbol ketidakadilan. Tambahan pula jika kekayaan ini bukanlah daripada usaha dan juga penambahan nilai melalui penemuan baru atau persaingan terbuka.

Dalam konteks kestabilan sosio-politik, ia boleh mencetuskan suasana kebencian dan permusuhan dan seterusnya huru-hara sekiranya persoalan ini tidak ditangani dengan baik. Dalam sejarah Malaysia, ia ditunjukkan dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Bahkan, dalam wacana yang berkembang selepas itu, perspektif jurang ekonomi antara kaum ini kuat membelenggu dasar dan amalannya. Bahkan, MEB sendiri dilihat sebagai membelakangkan agenda merapatkan jurang ekonomi antara kaum.

Sekiranya diunjur ke belakang, Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai satu tindak balas dasar untuk menyelesaikan isu di sebalik tragedi kaum itu telah membentuk paradigma baru dalam pentadbiran, bahawa perancangan pusat perlu dan baik.

Sebenarnya, ini tidaklah menghairankan. Tun Razak ketika belajar di UK aktif dalam Parti Buruh di sana yang cenderung kepada sosialisme. Malah, pendekatan Rancangan Malaysia untuk setiap lima tahun adalah sistem yang dipakai oleh negara-negara bertunjangkan ideologi sosialisme-komunisme. Antara contoh penyertaan aktif kerajaan dalam ekonomi boleh dilihat melalui pembentukan FELDA, FAMA, PERNAS, UDA dan PNB.

Namun ia dilihat membawa kesan positif apabila kadar kemiskinan berkurangan secara bertahap, mengikut garis kemiskinan yang berkembang sehingga yang terkini seperti dinyatakan sebelum ini. Sebagai contoh, garis kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1987 ialah 350 ringgit, dan pada tahun 1999 ialah 510 ringgit. Saiz isi rumah juga perlu diperhatikan. Sebagai contoh saiz isi rumah di Semenanjung Malaysia pada tahun 1987

ialah 5.10 dan pada tahun 1999 ialah 4.60. Ini belum mengambil kira lokasi tempat tinggal sama ada di bandar atau bukan kerana majoriti besar kemiskinan itu merujuk kepada kumpulan masyarakat yang tinggal di luar bandar. Rentetan daripada kemiskinan dan penyertaan aktif kerajaan inilah, maka dasar untuk perlindungan sosial terus dijangkakan – sama ada berasaskan kaum atau mengikut keperluan.

Tahun	1990	2000	2009
Kadar kemiskinan	16.5%	8.0%	4.0%

Kadar kemiskinan di Malaysia pasca Merdeka

Hubungan antara pertumbuhan dengan jurang ekonomi sering dapat dilihat. Ia tidak semestinya sesuatu yang buruk, dan tidak bererti baik. Secara logiknya, mereka yang membuat lebih banyak pelaburan akan dapat menuai hasil yang lebih tinggi. Katakan seseorang membuat pelaburan sebanyak RM1,000 dan mendapat keuntungan sebanyak 50%. Sementara itu seorang lagi membuat pelaburan sebanyak RM100 dan mendapat keuntungan 100%. Meskipun pelaburan pertama hanya mendapat separuh keuntungan, nilainya adalah lebih banyak daripada 100% keuntungan pelaburan kedua.

Memang, sekiranya pertumbuhan dapat dijana berterusan, kemiskinan mutlak akan dapat dihapuskan. Namun, bentuk baru kemiskinan relatif akan timbul. Garis kemiskinan di Amerika Syarikat atau Eropah misalnya setara dengan pendapatan mewah di negara Malaysia. Jurang ekonomi ini akan terus menjadi subjek perbincangan dalam ekonomi pada masa akan datang. Antara perkara yang boleh difikirkan lanjut ialah apakah nisbah jurang yang ideal untuk memastikan setiap individu dalam masyarakat dapat menikmati kualiti asas kehidupan – makanan, tempat tinggal dan pakaian – serta pendidikan awal yang baik untuk membantu mereka berdaya saing dan sekaligus keluar daripada perlindungan dan dapat bersaing dalam pasaran kerja.

Isu keperihatinan yang lain

Meskipun penyertaan aktif kerajaan selepas Merdeka dilihat sebagai berjaya berdasarkan petunjuk yang digunakan, ia turut membawa bersama sejumlah permasalahan baru sebagai isu keperihatinan lain yang menuntut pemikiran dan tindakan penyelesaian.

Antara masalah yang dimaksudkan ini ialah:

- i) Budaya mendapatkan perlindungan dan merentir (*rent-seeker*). Kelompok ini banyak bergantung kepada jaringan politik serta birokrat. Bahkan, dalam beberapa kes kerajaan menanggung sebahagian kerugian mereka. Kesan yang muncul daripada budaya mendapatkan perlindungan dan merentir antaranya ialah:
 - a) ketidakcekapan yang memberi kesan kepada kos kerana tiada nilai tambah kepakaran pengurusan dan juga pengalaman.
 - b) rasuah dan salah guna kuasa yang secara tidak langsung membentuk jurang ekonomi intra-kaum (misalnya antara Melayu kaya dan Melayu miskin) dan ketirisan.
 - c) pelaburan swasta dan asing terhad atau tidak masuk, malah keluar untuk menikmati persekitaran perniagaan yang lebih baik bagi mereka.
 - d) Penghijrahan tenaga kerja mahir untuk menikmati peluang realisasi diri dan gaji yang lebih baik.
- ii) Selain itu, mentaliti bergantung kepada kerajaan terbentuk. Ini mendorong kewujudan sebuah jentera kerajaan yang besar dan sistem kebajikan meluas yang boleh mengekang daya saing jangka panjang.

Ia memberi kesan kepada pertambahan perbelanjaan (tentunya akan didapatkan melalui cukai) serta kelemahan produktiviti.

Semasa krisis ekonomi pada tahun 1997-1998, Bank Dunia memberi perhatian khusus kepada isu perbelanjaan kerajaan yang besar. Di dalamnya ia memberi penegasan keperluan sebuah jentera kerajaan yang berkesan dan tidak semestinya terhad.

Belanjawan Kerajaan

1. Dokumen rasmi yang diluluskan melalui Persidangan Parlimen.
2. Ia mengemukakan jenis dan jumlah pendapatan serta belanja yang akan digunakan oleh kerajaan.
3. Pendapatan kerajaan lazimnya didapatkan melalui cukai sementara belanja pula dalam perkhidmatan dan bekalan. Pelaburan kerajaan adalah dalam bentuk infrastruktur atau penyelidikan. Pindahan bayaran dibuat dalam bentuk tanggungan sosial seperti pencen.

Indeks Daya Saing Global

1. Analisa daya saing yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia, bermula tahun 1979.
2. Merangkumi asas makro-ekonomi dan mikro-ekonomi negara-negara yang dianalisa.
3. Daya saing didefinisikan sebagai set institusi, dasar dan faktor yang menentukan tahap produktiviti sesuatu negara.
4. Indikator yang diukur ialah:

A. Keperluan asas – pendorong faktor ekonomi

- i. **Institusi** – perlindungan terhadap hak pemilikan dan juga isu rasuah serta pengaruh dan campur tangan kerajaan.
- ii. **Pertanggungjawaban** – kecekapan dan ketelusan
- iii. **Infrastruktur** – khususnya perhubungan.
- iv. **Makro-ekonomi** – belanjawan, simpanan, inflasi dan hutang.

B. Meningkatkan kecekapan ekonomi

- v. **Kesihatan dan pendidikan awal** – penyakit dan hayat hidup, pendidikan awal, tinggi serta kualiti pendidikan dan latihan pekerjaan.
- vi. **Keberkesanan pasaran** – saiz, persaingan dan halangan, juga termasuk kecekapan pekerja, kebebasan penentuan gaji serta pengambilan dan pembuangan pekerja, dan pasaran kewangan yang terbuka dan sofistikated.

C. Pendorong inovasi dan sofistikasi

- vii. **Kesediaan teknologi**
- viii. **Inovasi**

Antara ciri yang jelas kelihatan dalam corak belanjawan Malaysia ialah dominasi kerajaan persekutuan. Ini boleh dilihat dalam nisbah belanjawan persekutuan yang lazimnya antara 80% hingga 90% daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan – persekutuan dan negeri. Ia bermaksud pengurusan ekonomi Malaysia lebih berpusat.

Sejak tahun 1999, jumlah belanjawan meningkat daripada RM65 billion kepada RM177 billion pada tahun 2008 dan RM233 billion pada tahun 2012. Belanjawan Malaysia juga mencatatkan defisit berterusan sepanjang tempoh tersebut.

Tahun	Belanjawan	Tahun	Belanjawan
1999	-3.2	2006	-3.3
2000	-5.5	2007	-3.2
2001	-5.2	2008	-4.8
2002	-5.3	2009	-7.0
2003	-5.0	2010	-5.6
2004	-4.1	2011	-5.4
2005	-3.6	2012	-4.7

Belanjawan Malaysia dari tahun 1999 hingga 2012

Sementara itu, hutang negara terus meningkat melebihi 50% KDNK. Jika hutang ini dibahagikan kepada seluruh populasi Malaysia, jumlah hutang bagi setiap seorang melebihi RM16,000.


Harus dinyatakan di sini bahawa defisit dan hutang ini berlaku dalam realiti keputusan kerajaan untuk menarik balik sejumlah subsidi.

Selain itu, menurut laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2009, hutang isi rumah di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia, meningkat kepada 76.6% KDNK pada tahun tersebut berbanding 63.9% KDNK pada tahun 2008. Menurut Penyelidikan CIMB pula, pinjaman isi rumah dalam tempoh sembilan bulan dari 2009 ke Ogos 2010, meningkat sebanyak 8.4 peratus iaitu dari RM 516.6 billion ke RM 560.1 billion.

Tahun	Jumlah hutang (RM juta)	Hutang berbanding KDNK
1991	99,073	73.3%
1995	91,369	41.1%
1997	89,920	31.9%
1999	112,119	37.3%
2004	216,624	45.7%
2009	362,387	53.3%
2011	455,745	53.8%

Jumlah hutang negara dan hutang berbanding KDNK


Belanjawan 2011 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri Malaysia pula menunjukkan perbelanjaan operasi yang tinggi dengan peruntukan bagi pembangunan hanya pada kadar 24% peratus sahaja. Dalam konteks negara membangun, ia memberi gambaran yang tidak sihat. Negara membangun memerlukan lebih banyak belanja pembangunan untuk menuju ke tahap negara maju.



Dalam perbahasan ekonomi, antara hujah yang sering digunakan untuk menolak defisit ialah kerana ia boleh memberi kesan inflasi. Sekiranya tidak mampu membiayai perbelanjaan yang dirancangnya, kerajaan mungkin akan

mencetak wang tambahan. Dengan itu, dalam keadaan pembolehubah lain kekal, harga akan meningkat. Kesan seterusnya ialah daya saing akan terjejas melalui penurunan eksport dan KDNK. Lebih buruk lagi apabila pengangguran bertambah, berlaku rusuhan dan kudeta.

Data yang ada menunjukkan ia tidak berlaku. Pengangguran di Malaysia secara relatifnya adalah rendah. Begitu juga dengan inflasi. Pengangguran di Malaysia pernah mencapai jumlah tinggi antara 5% hingga 8% pada separuh kedua dekad 1970-an dan antara tahun 1983 hingga tahun 1990. Fenomena ini dikatakan berpunca daripada masalah struktur, berbanding naik turun ekonomi.



Kadar pengangguran di Malaysia antara tahun 2000 dan 2010

Tahun	Belanjawan	Tahun	Belanjawan
2001	1.50	2006	3.80
2002	1.89	2007	4.20
2002	1.89	2008	5.40
2003	1.10	2009	0.60
2004	1.29	2010	1.70

Inflasi di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2010

Berbeza dengan stagflasi – inflasi tinggi dan pengangguran tinggi pada masa yang sama –, fenomena inflasi dan pengangguran yang rendah ini tidak menurut

Lengkung Philip dalam menjelaskan fenomena hubungan dua faktor ini. Penjelasan bagi fenomena ini ialah ianya cocok dengan jenis pembentukan kerja yang ada – sektor awam dengan gaji yang tidak tinggi dan subsidi. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, ia tidak lestari berdasarkan hutang negara dan isi rumah. Jumlah pembayar cukai tertinggi yang kecil ini juga turut menjelaskan bahawa peluang pekerjaan dengan gaji yang tinggi masih terhad di negara Malaysia.

Dari satu sisi lain, perbelanjaan tinggi kerajaan juga boleh disandarkan kepada pemikiran ekonomi Keynesian yang mengemukakan keperluan tindak balas kitaran oleh kerajaan, khususnya semasa kegawatan ekonomi. Ini ditunjukkan dalam pengumuman pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2008 dan 2009 yang berjumlah RM67 billion, sekaligus menjadikan defisit belanjawan 7%.

Beberapa teori lain boleh dikaitkan dengan perbelanjaan kerajaan yang tinggi ini. Teori birokrasi yang dikemukakan Niskanen misalnya menyatakan kenaikan perbelanjaan kerajaan didorong oleh kepentingan sendiri birokrat yang mahu memaksimumkan utiliti mereka sama ada dalam bentuk gaji, kuasa, prestij, faedah dan sebagainya.

Mengikut Teori Wagner, pertumbuhan perbelanjaan awam pertumbuhan perbelanjaan awam adalah lebih cepat berbanding pertumbuhan ekonomi. Ini kerana tuntutan pelbagai sering bertambah, terutama dalam hal sosial. Beliau mengatakan, pendidikan sebagai contoh, adalah lebih baik disediakan kerajaan berbanding swasta. Dalam hal monopoli alamiah seperti binaan jalan yang memerlukan pembiayaan besar, kerajaan mempunyai peranan memulakannya. Beliau turut merumuskan peningkatan perbelanjaan kerajaan juga berlaku apabila pertumbuhan dan pembangunan ekonomi rancak sekaligus memberi hasil lebih banyak kepada kerajaan.

Selain itu, peningkatan perbelanjaan juga adalah maklum balas kepada faktor yang bergerak seperti pertambahan populasi. Ini mendorong keperluan pertambahan kemudahan dan sebagainya. Kes ini juga

boleh dikaitkan dengan perkembangan teknologi. Faktor lain yang turut mempengaruhi peningkatan perbelanjaan awam ialah perkembangan peristiwa dalam tempoh singkat atau sederhana seperti bencana alam dan inflasi.

Selain daripada justifikasi di atas, faktor negatif yang wujud antaranya ialah ketidakcekapan sektor awam, rasuah, memenuhi janji pemberian politik serta memperbanyakkan program yang tidak perlu untuk mendapatkan undi.

Daripada rekod sejarah, perbelanjaan awam daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada dekad 1960-an ialah pada kadar 24%. Ia meningkat kepada 29.5% pada dekad 1970-an. Sepanjang separuh dekad pertama 1980-an, ia meningkat sehingga 40%, dengan tahun 1981 dan 1982 menunjukkan jumlah sehingga 48% dan 46% KNK. Ini didorong oleh kegawatan ekonomi pada akhir tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an. Pengangguran pada tahun 1984 dan 1986 misalnya adalah cukup tinggi, pada kadar 5.8% dan 8.4%.

Antara tahun 1987 hingga 1997, perbelanjaan awam terus berkurangan daripada 33% KNK kepada hanya 23% KNK. Ia kembali meningkat kepada 31% pada tahun 2003.

Sebahagian daripada perbelanjaan tinggi untuk operasi ini dinisbahkan kepada bilangan penjawat awam yang ramai. Jumlah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), jumlah penjawat awam di Malaysia ialah sekitar 1.2 juta orang pada tahun 2011. Sementara itu, bancian populasi rakyat Malaysia pada tahun 2010 pula ialah sekitar 28 juta orang. Ini bermaksud nisbah seorang penjawat awam dengan rakyat Malaysia adalah cukup tinggi iaitu pada kadar seorang penjawat awam bersamaan dengan antara 23 atau 24 orang rakyat Malaysia. Jika dibandingkan dengan jumlah tenaga kerja di Malaysia sekitar 12 juta orang, sekitar 10% daripada tenaga kerja yang ada dibentuk oleh penjawat awam. Jumlah ini sebenarnya lebih rendah berbanding 11.9% dan 15% antara tahun 1970 hingga 1981.

Daripada jumlah ini, dianggarkan hanya sekitar 1.5 juta orang pekerja sahaja yang memberikan komitmen

pembayaran cukai. Daripada jumlah keseluruhan pembayar cukai pula, hanya sekitar 10 ribu orang adalah pembayar cukai tertinggi. Menurut taksiran 2010, cukai tertinggi ini dikenakan kepada mereka yang berpendapatan lebih RM100,000 setahun, kebanyakan ialah profesional muda. Mereka perlu membayar pada kadar yang setara dengan individu berpendapatan lebih tinggi, misalnya di antara RM500 ribu hingga RM1 juta setahun. Nisbah cukai pendapatan individu ini meliputi kira-kira 15% hasil negara.

Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
0-2,500	2,500 pertama	0	0
2,501-5,000	2,500 berikutnya	1	25
5,001-10,000	5,000 pertama	3	25
	5,000 berikutnya		150
10,001-20,000	10,000 pertama	3	175
	10,000 berikutnya		300
20,001-35,000	20,000 pertama	7	475
	15,000 berikutnya		1,050
35,001-50,000	35,000 pertama	12	1,525
	15,000 berikutnya		1,800
50,001-70,000	50,000 pertama	19	3,325
	20,000 berikutnya		3,800
70,001-100,000	70,000 pertama	24	7,125
	30,000 berikutnya		7,200
Lebih 100,000	100,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	26	14,325

Cukai taksiran pendapatan individu 2010

Berkaitan dengan isu ini, wujud permintaan ditetapkan gaji minima. Ini kerana, peningkatan gaji di Malaysia dikatakan perlahan berbanding kos sara hidup. Dalam Laporan Bank Dunia dinyatakan sejak 10 tahun lalu gaji di negara ini berkembang hanya pada kadar 2.6% setahun.

Jika kita menghubungkan masalah gaji ini dengan saiz isi rumah, ia akan menunjukkan bagaimana sindrom keluarga sandwich. Berasaskan kajian penduduk dan keluarga Malaysia keempat dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada tahun 2010, keluarga sandwich di Kuala Lumpur adalah yang tertinggi berbanding negeri lain iaitu pada kadar 25.5% daripada 436,865 keluarga. Namun, dari segi jumlah, terdapat 1,375,869 atau 20.1% keluarga sandwich di Selangor. Sementara itu, lebih 30% pasangan terpaksa membuat dua pekerjaan untuk menampung kos sara hidup.

Berbalik kepada isu cukai, jika nisbah pada tahun 2006 dirujuk, hasil petroleum menyumbang sehingga 32% perbelanjaan negara. Jumlah ini dipercayai telah meningkat kemudiannya. Namun, ia tidak dapat dibincangkan kerana tidak ada pecahan nisbah cukai dikemukakan oleh kerajaan. Bagaimanapun, tanggapan ini mengambil kira penyusutan pelaburan, peningkatan pendapatan yang perlahan dan hasil petroleum yang meningkat, terutama dalam pelaburan di luar negara.

Pada tahun 2008 misalnya, kerajaan mendapat sumbangan sebanyak RM74 billion daripada PETRONAS dan jumlah ini membentuk kira-kira 42% daripada belanjawan kerajaan ketika itu. Dihitung bersama cukai industri petroleum yang lain, jumlah ini berkemungkinan mencecah sehingga lebih 60%.

Jika diambil unjuran bahawa sumber minyak yang ada semakin kurang dan mungkin habis sebelum tahun 2030, sumber baru perlu segera ditentukan dan pergantungan kepada 'wang petrol' harus diminimalkan. Bagaimanapun, antara tahun 2005 hingga tahun 2009, bayaran PETRONAS kepada kerajaan telah meningkat dua kali ganda.


Sumbangan PETRONAS ini didakwa telah digunakan bagi menampung pelbagai bentuk subsidi di Malaysia. Namun, situasi ekonomi dunia yang tidak menentu telah menambah kos subsidi yang perlu dikeluarkan. Menurut satu kenyataan yang diberikan kerajaan, jumlah subsidi yang mencecah RM73 billion setahun tidak akan dapat bertahan dan perlu dirasionalkan kepada hanya kelompok yang memerlukan kerana selama ini ia lebih banyak

dinikmati oleh kelompok yang kaya dan mampu.

Antara sumber lain yang diperlukan tentulah pelaburan swasta yang berkurangan. Semasa ekonomi Malaysia tumbuh dengan rancak pada tahun 1997, pelaburan swasta pernah mencecah sehingga 31% tetapi ia menyusut pada kadar 12% pada tahun 2008. Selain itu, pelaburan langsung asing (FDI) turut menunjukkan penguncupan. Antara tahun 1992 hingga tahun 1997, nisbahnya sebanyak 7.3% tetapi antara tahun 2002 hingga tahun 2007, ia berada pada kadar 4.2%.

Meskipun pada tahun 2008 menunjukkan ada peningkatan, pelaburan asing yang masuk ke negara sebanyak 7.32 billion dolar Amerika itu masih di belakang Indonesia (7.92 billion dolar Amerika), Vietnam (8.05 billion dolar Amerika), Thailand (9.83 billion dolar Amerika) dan Singapura (22.8 billion dolar Amerika).

Situasi semakin parah apabila Laporan Pelaburan Dunia terbitan Persidangan Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pelaburan (UNCTAD) menunjukkan jumlah kemerosotan FDI sehingga 81% daripada 7.32 billion dolar Amerika kepada hanya 1.38 billion dolar Amerika pada tahun 2009. Meskipun kegawatan ekonomi disandarkan sebagai puncaknya, ia bukanlah sebab tunggal. Ini boleh dilihat berdasarkan perbandingan dengan negara lain di Asia Tenggara.



Peratus kemasukan FDI ke negara ASEAN pada 2007 - 2009

Kebebasan ekonomi dan kemudahan berniaga boleh memberi gambaran untuk menjelaskan fenomena ini. Dalam konteks kebebasan ekonomi, Laporan Tahunan Kebebasan Ekonomi bagi tahun 2011 yang dikemukakan oleh Institut Fraser menunjukkan Malaysia kini berada di tangga ke-78, merosot daripada tangga ke-53 pada tahun 2006. Malaysia pernah berada di tangga ke-12 pada tahun 1980 dan di tangga ke-14 pada tahun 1995. Laporan ini mengambil kira lima faktor utama iaitu:

- i. Saiz kerajaan: perbelanjaan, cukai dan perniagaan;
- ii. Struktur perundangan dan keselamatan hak pemilikan;
- iii. Akses kepada wang yang stabil (*sound money*);
- iv. Kebebasan untuk perdagangan antarabangsa; dan
- v. Peraturan kredit, pekerja dan perniagaan.

Dalam semua faktor yang dinilai, saiz kerajaan mendapat mata paling rendah. Mata kosong yang diberikan bagi sub-kategori syarikat dan pelaburan kerajaan cukup untuk menggambarkan penyertaan aktif kerajaan adalah amat besar dan akan mengurangkan daya saing negara untuk jangka masa panjang. Mengambil kira kepentingan banyak pihak, termasuk masa depan politik parti pemerintah, ini mungkin menjadi perkara paling sukar untuk dilaksanakan.

Menurut penilaian kebebasan ekonomi oleh Yayasan Heritage pula, ciri lain turut diukur, tetapi berkaitan. Ia menjelaskan bahawa birokrasi dan juga tempoh masa yang panjang perlu diambil menjejaskan kebebasan perniagaan.

Dari segi kebebasan kewangan pula, meskipun firma luar dibenarkan masuk, penyertaan ekuiti dihadkan kepada 30% sahaja untuk bank komersil. Bank Negara Malaysia (BNM) hanya membenarkan pemilikan asing sehingga 70% bagi bank Islam, bank pelaburan dan syarikat insuran bermula tahun 2009. Kebebasan pelaburan terhalang dalam pemilikan tanah pertanian

serta peraturan lain yang membebankan, mengambil masa yang lama dan tidak telus. Kertas cadangan oleh pelaburan asing dan domestik untuk pembuatan ditapis oleh kerajaan.

Untuk hak pemilikan persendirian pula, meskipun dilindungi, persepsi tentang pengaruh politik dalam kehakiman tetap ada. Kes-kes korporat pula memakan masa yang lama untuk diselesaikan sehingga ramai pelabur memilih tindakan arbitrari – menggunakan mahkamah luar. Aduan tentang kurangnya penegasan untuk memelihara hak pemilikan intelektual juga wujud kerana ia merugikan pengeluaran.

Ciri terakhir yang mendapat mata rendah ialah kebebasan daripada rasuah. Meskipun ada undang-undang untuk jenayah korupsi, berlaku amalan rasuah secara bebas dan wujud persepsi bahawa tindakan yang diambil tidak tegas, malah memilih. Berkaitan hal ini, Indeks Persepsi Rasuah yang telah dikeluarkan oleh Transparency International, Malaysia mengalami kemerosotan mata dan kedudukannya di kalangan negara-negara di dunia.

Tahun	Kedudukan	Jumlah negara yang dikaji	Mata
2002	33	102	4.9
2003	37	133	5.2
2004	39	146	5.0
2005	39	159	5.1
2006	44	163	5.0
2007	43	179	5.1
2008	47	180	5.1
2009	56	180	4.5
2010	56	178	4.4
2011	60	183	4.3

Kedudukan dan mata Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah 2002-2011

Sementara itu, beberapa langkah transformasi yang diambil sejak tahun 2010 berhasil mendorong perubahan dalam sejumlah petunjuk kemudahan berniaga dan kedudukan Malaysia meningkat lima anak tangga daripada 23 ke 18.

Ciri kemudahan berniaga	2011	2012	Perubahan
Memulakan perniagaan	111	50	↓ 61
Urusan permit pembinaan	111	113	↑ -2
Kemudahan elektrik	60	59	↓ 1
Pendaftaran pemilikan	59	59	Tiada perubahan
Kemudahan pinjaman	1	1	Tiada perubahan
Perlindungan pelabur	4	4	Tiada perubahan
Bayaran cukai	39	41	↑ -2
Dagangan rentas sempadan	28	29	↑ -1
Penguatkuasaan kontrak	60	31	↓ 29
Penyelesaian tunggakan hutang syarikat	57	47	↓ 10

Mata untuk ciri kemudahan berniaga di Malaysia

Secara perbandingan, prosedur yang banyak dan tempoh masa sehingga 260 hari untuk menguruskan permit pembinaan menyebabkan mata untuk kategori tersebut rendah. Di negara maju, prosedur yang perlu dilalui ialah 14 sahaja diselesaikan dalam tempoh 152

hari. Di Malaysia terdapat 22 prosedur dan tempoh penyelesaian mencecah 260 hari.

Semua permasalahan yang dikemukakan ini adalah sebab pendorong kepada keperluan dasar dan amalan alternatif dalam ekonomi Malaysia.

Belajar dari Jerman

Sudah tentu, sebagaimana dinyatakan sebelum ini, dinamika realiti tidak memungkinkan peniruan mudah pengalaman negara lain. Namun, pelajaran yang boleh diambil tidak mensyaratkan pengambilan penuh pengalaman itu. Berdasarkan pemerhatian terhad, saya merumuskan beberapa perkara yang boleh dipelajari dari pengalaman Jerman.

Dalam MEB, dinyatakan dengan jelas beberapa masalah pokok yang boleh dikaitkan dengan pengalaman Jerman Barat iaitu:

- i. Kekurangan eksport,
- ii. Kurang pekerja mahir,
- iii. Produktiviti dan inovasi yang rendah,
- iv. Budaya merentir, kuasa naungan dan proses perolehan kerajaan yang tidak telus,
- v. Sistem harga yang menyimpang; dan
- vi. Perbelanjaan besar kerajaan untuk subsidi.

Berdasarkan pengalaman Jerman Barat, semua isu ini ditangani dengan cara memastikan wujudnya dasar terbuka dalam ekonomi mereka dengan hitungan sosial dalam pendekatan yang diambil.

1. Mata wang yang sah untuk urusan niaga

Erhard memulakan reformasi ekonomi dengan cara memperkenalkan mata wang baru untuk urusan ekonomi yang sah dan stabil. Pada peringkat awal, jumlah mata wang ini dihadkan sebelum ditambah secara berkala. Tujuannya adalah bagi melindungi daripada terjadinya hiper-inflasi dan menghentikan pasaran gelap. Roepke menjelaskan bahawa jumlah mata wang perlu selaras dengan jumlah barangan. Tambahan mata wang

selepas itu akan menentukan jumlah produktiviti yang berkembang.

Hiper-inflasi pernah berlaku apabila trillion Mark diterbitkan di zaman Republik Weimar. Pada tahun 1922, mata wang tertinggi ialah 50 ribu Mark dan pada tahun 1923, ia menjadi 100 trillion Mark! Kadar tukaran pada waktu itu ialah 4.2 trillion bersamaan dengan 1 dolar Amerika. Kemudian mata wang baru diperkenalkan dan menjadikan 1 RentenMark bersamaan dengan 1 dolar Amerika. Oleh kerana kawalan harga dan gaji dibuat, wang yang diterbitkan ini berlebihan pada kadar besar di tangan pengguna. Ini telah mendorong pasaran gelap yang aktif, mengambil lebih separuh daripada transaksi yang berlaku.

Di Malaysia, Bank Negara adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan wang yang sah. Sejak 1967, tiga siri wang kertas dan dua siri wang syiling telah diterbitkan untuk edaran. Meskipun sejumlah ciri untuk keselamatan telah dibangunkan, isu wang palsu sering kedengaran. Fenomena ini mungkin didorong oleh kecanggihan teknologi semasa. Pengenalan wang baru dan penggantian mata wang yang rosak dan lusuh dari semasa ke semasa membantu mengawal inflasi.

2. Harga sebenar di pasaran

Semasa pemerintahan Nazi, Hitler memperkenalkan kawalan harga untuk membolehkan Nazi membeli kelengkapan perang dengan murah. Kemudian, ia dikekalkan oleh Kuasa Berikat. Dengan perubahan mata wang, Erhard dapat melaksanakan perubahan dasar dengan membebaskan penentuan harga. Ini penting bagi memastikan mata wang baru berfungsi dan memberi kesan untuk mengurangkan inflasi.

Tindakan Erhard ini mendapat tentangan pemikir SPD, kesatuan sekerja, autoriti British dan syarikat yang selama ini menikmati banyak kelebihan daripada kawalan harga itu.

Kawalan harga sebenarnya mengekang pembekal daripada menyediakan banyak pilihan keperluan ramai

dan pengguna pula perlu berebut apa sahaja yang ada. Ini menyebabkan kelangkaan. Selain itu, kegagalan membetulkan sistem harga berasaskan pasaran hanya akan memberi gambaran yang salah kepada kelangkaan dan keperluan sebenar di pasaran.

Tidak lama selepas Erhard membuat pengumuman membebaskan harga kepada pasaran, barangan yang disimpan untuk jualan pasaran gelap mula memenuhi pasaran terbuka. Pada tahun 1948, produktiviti meningkat pada kadar 46% dan bertambah kepada 81% kemudiannya. Sepanjang dekad 1950-an, produktiviti Jerman Barat mencapai sehingga 225%.

Pada satu tahap, inflasi meningkat dengan mendadak sehingga desakan kawalan harga mula kedengaran semula. Bahkan, amalan menyembunyikan barangan jualan juga kembali berlaku. Bagaimanapun, Erhard tidak bersetuju untuk campur tangan, kecuali dengan mengetatkan syarat pinjaman.

Di Malaysia, herotan harga sebahagiannya berpunca daripada subsidi dan juga pembentukan pekerjaan 'palsu' oleh kerajaan. Selain itu, naungan kuasa yang lazimnya di sebalik monopoli atau kartel juga mendorong hal yang sama. Herotan harga ini boleh menyebabkan penggunaan berlebihan dan juga pembaziran berlaku. Lebih buruk lagi, subsidi yang dijustifikasi sebagai usaha membantu mereka yang memerlukan akhirnya lebih banyak dimanfaatkan oleh kelompok yang mampu, bahkan mewah.

3. Persaingan

Antara kelemahan pentadbiran Republik Weimar yang ditekankan oleh Sekolah Freiburg ialah budaya merentir, monopoli dan kartel. Fenomena ini adalah antara yang jelas menyumbang kepada herotan harga di pasaran. Oleh kerana itu, peranan kerajaan diperlukan untuk mencegah ia daripada berlaku. Dasar persaingan terbuka adalah cara untuk memastikan herotan harga tidak berlaku.

Erhard menegaskan: *Ekonomi pasaran bukanlah sistem yang menjamin keselesaan kepada para peniaga. Sebaliknya, ekonomi pasaran adalah sistem yang memaksa*

ekonomi kepada usaha yang terbaik, produktiviti tertinggi dan sekaligus memenuhi prinsip fungsi sosial.

Desakan kuat dihadapi Erhard ketika memperkenalkan dasar untuk menghapuskan budaya ini.

Persepsi tentang budaya merentir, monopoli dan kartel dalam ekonomi Malaysia bukanlah sesuatu yang asing. Malah, pada tahap tertentu menjadi satu kemestian dan paksaan kepada mereka yang sebenarnya boleh berjaya dalam persaingan terbuka. Selain daripada ahli politik, birokrat juga dilihat sebagai mereka yang menjadikan budaya ini subur. Iltizam politik melalui dasar dan ketegasan pencegahannya sangat diperlukan.

4. Pekerjaan

Beberapa tahun awal menyaksikan kadar pengangguran yang tinggi. Ini kerana lambakan imigran daripada Jerman Timur masuk, sehingga mencecah 4 juta orang.

Meskipun Adenauer mahu melakukan sesuatu berkenaannya, Erhard bertegas bahawa ianya lebih bersifat struktur berbanding fenomena. Maka, pembesaran kredit jangka singkat tidak akan memberi penyelesaian menyeluruh. Modal jangka panjang diperlukan melalui kestabilan mata wang. Penawaran kerja sebenar adalah jawapan kepada pengangguran. Menurutnya lagi, meskipun ekonomi pasaran menolak campur tangan kerajaan dalam ekonomi, dasar pelaburan kerajaan dalam pembinaan infrastruktur misalnya boleh membantu aliran modal ke kawasan di mana bank swasta dan institusi kewangan boleh mengambil manfaat.

Untuk menuju negara maju, belanjawan Malaysia mesti memberikan lebih fokus kepada pembangunan dan mengurangkan belanja operasi. Dengan menumpukan pembangunan kepada kawasan-kawasan yang tertinggal, ia berpotensi mewujudkan keseimbangan dalam pelbagai petunjuk ekonomi.

5. Gaji

Semasa membebaskan kawalan harga, kesatuan sekerja bersetuju untuk menerima 15% kenaikan gaji meskipun

berlaku kenaikan harga sebanyak 25%. Erhard juga menegaskan bahawa kenaikan gaji tidak boleh dibuat wewenang dan tidak berasaskan produktiviti dan pertumbuhan. Eucken bagaimana percaya bahawa gaji asas yang realistik untuk kehidupan patut dijamin sekiranya berlaku anomali dalam penawaran pekerja berbanding pekerjaan.

Antara prinsip utama yang diperkenalkan ialah pergantungan bersama (*Mitberstimmung* atau *co-determination*) yang terevolusi sejak diperkenalkan pada tahun 1951. Ia sebenarnya ditentang oleh Erhard. Beliau berpandangan bahawa mereka yang mempunyai pemilikan, mengambil risiko untuk membina dan membesarkannya sepatutnya diberi kuasa penuh mengawalinya. Namun, Adenauer mendesak untuk ia dibuat bagi memastikan sokongan pekerja tidak beralih kepada SPD.

Tuntutan gaji minima kini semakin kedengaran di Malaysia. Kerajaan tidak wajar campur tangan dalam menentukan gaji tetapi sebaliknya wajar menjadi pihak ketiga untuk membolehkan rundingan berlaku antara majikan dan pekerja.

6. Cukai

Dalam dasar percukaian, Erhard menolak peningkatan hasil kerajaan tetapi menyokong keperluan memastikan belanjawan berimbang. Antara tahun 1949 hingga 1951, dasar dibentuk bagi membolehkan pembiayaan dalaman syarikat untuk membantu perbelanjaan modal. Selepas ia kukuh, dasar menggalakkan pembiayaan luaran dibentuk iaitu penguncupan pinjaman serta jualan stok dan bon melalui pelbagai cukai keuntungan korporat. Undang-undang turut membenarkan mereka mengurangkan nilai dan menjual aset bagi menambah modal cair untuk pelaburan serta merendahkan cukai pemilikan.

Kadar cukai pendapatan korporat yang mencecah sehingga 65% misalnya diseragamkan kepada 50%. Meskipun kadar cukai tertinggi kekal pada tahap 95%, ia hanya dikenakan kepada mereka yang berpendapatan lebih 250,000 DeutscheMark setahun. Sebelum itu,

cukai yang dikenakan ialah pada kadar 95% kepada yang berpendapatan lebih 60,000 DeutscheMark.

Usaha untuk mengurangkan cukai pendapatan bagaimana diveto oleh Parlimen. Bahkan, kabinet meningkatkan cukai untuk barangan mewah. Ia tidak dibantah oleh Erhard. Pada tahun 1953, selepas pertumbuhan semakin baik, potongan cukai pendapatan sebanyak 15% diambil.

Malaysia boleh melakukan reformasi dalam percukaian individu dengan melakukan perubahan dalam penentuan kumpulan gaji yang dikenakan kadar cukai tertinggi. Di samping itu, cukai pendapatan secara menyeluruh perlu disemak untuk membolehkan lebih pegangan pemilikan. Cukai korporat pula perlu direndahkan untuk meningkatkan produktiviti. Selain itu, kerajaan perlu memotong perbelanjaan yang tidak produktif dan membentuk defisit berterusan.

7. Keselamatan sosial

Kabinet juga meluluskan sejumlah program keselamatan sosial yang tidak dipersetujui oleh Erhard kerana ia lebih banyak didorong oleh perhitungan politik berbanding kiraan ekonomi. Erhard tegas mengatakan bahawa hanya melalui pertumbuhan sahaja situasi sosial akan menjadi lebih baik dan itu hanya boleh dicapai melalui ekonomi pasaran.

Jerman memilih untuk melihat isu keselamatan sosial melangkaui soal kaum, tetapi berasaskan keperluan. Ekonomi pasaran sosial tidak menjamin keselamatan mutlak dan menegaskan kebebasan mendapatkan insentif itu sentiasa datang dengan risikonya tersendiri untuk gagal. Kerugian individu tidak harus ditanggung oleh masyarakat. Ini penting untuk memastikan setiap individu melakukan sesuatu secara bertanggungjawab.

Menolak sepenuhnya keperluan keselamatan sosial mungkin bersifat kontroversi. Bagaimanapun, sekiranya Malaysia mahu terus mengekalkan perbelanjaan dalam, ia mesti disalurkan untuk hal yang produktif seperti pendidikan. Dalam aspek kesihatan yang sering dilihat

sebagai keperluan asas oleh sejumlah pihak, penelitian perlu dibuat kepada jenis bantuan yang patut diberikan dan bukan secara pukal.

8. Perdagangan

Sebagaimana dijangka, Erhard menurunkan halangan perdagangan, malah memberi insentif pengecualian cukai dalam kes eksport ke wilayah Timur. Ini penting kerana Jerman Barat memerlukan bahan mentah dan juga produk luar bagi digunakan untuk produktiviti tempatan yang juga tinggi.

Hakikat bahawa Jerman Barat berada di wilayah pendudukan asing juga memerlukan kerjasama dengan pelbagai negara bagi membolehkan pemulihan dapat berjalan dengan baik. Bantuan luar melalui Pelan Marshall adalah satu bentuk alternatif kepada pelaburan swasta yang terhad, malah mustahil untuk mudah didapatkan pada waktu itu.

Malaysia boleh mengambil dasar kebebasan perdagangan dalam usaha mendapatkan semula pelaburan asing yang menyusut. Di samping itu, urusan bagi memudahkan perniagaan, pemilikan dan perlindungan harta juga perlu ditambah baik selain mengurangkan penyertaan aktif kerajaan dalam urusan ekonomi.

9. Persekitaran demokrasi yang mesra kebebasan pasaran

Jika kita membaca perkembangan Jerman pasca Perang Dunia, kita akan mendapati wujudnya apa yang mereka namakan sebagai waktu kosong (*Stunde Null* atau Zero Hour). Ini berlaku kerana mereka cuba untuk memisahkan pengalaman lampau dengan realiti baru. Bagaimanapun, realiti baru tersebut mahu diwujudkan berdasarkan pelajaran dari pengalaman lampau. Ciri yang paling jelas membezakan Jerman Barat dan Jerman Timur pada waktu itu ialah sistem demokrasi yang mesra pasaran dan sistem komunisme (ekonomi kawalan kerajaan).

Sebenarnya, kecenderungan terhadap pemerintahan berpusat dengan dasar sosial yang luas cukup tinggi pada

waktu itu. Dasar sosial yang meluas ini boleh dilihat di wilayah penguasaan United Kingdom yang hanya menyertai wilayah Bizone kemudian. CDU sendiri menghadapi masalah untuk menyaingi kempen *Zwangswirtschaft* (ekonomi kawalan kerajaan) oleh SPD yang pada waktu itu mendapat sokongan ramai.

Meskipun bukan seorang pemimpin pro-pasaran, Adenauer mengambil Erhard sebagai pemimpin ekonomi yang dipercayai Bizone untuk melakukan reformasi ekonomi. Erhard telah dibawa ke program-program CDU untuk menjelaskan dan meyakinkan para penyokong parti itu.

Di Malaysia, jarang kita mendengar ahli politik membincangkan dasar yang mesra pasaran. Malah, parti-parti politik yang ada lebih banyak dibentuk berdasarkan konteks agama dan kaum – sama ada satu ras atau pelbagai. Jika ada perbincangan yang bersifat mesra pasaran sekalipun, ia hanya digunakan untuk menyokong objektif politik untuk mengkritik lawan atau mengekalkan kuasa dan bukan kerana sifat dasar mesra pasaran itu sendiri penting.

Sudah tentu, kupasan lebih mendalam, termasuk perbincangan berkaitan boleh ditemukan dalam pelbagai penerbitan berkaitan Jerman, khusus semasa era Keajaiban Ekonomi mereka. Apa yang pasti ialah sekiranya Jerman mampu bangkit daripada kemusnahan Perang Dunia Kedua, tidak ada yang mustahil bagi Malaysia mengusahakan pemulihan ekonomi-politiknya.

Penutup

Sebenarnya tidak mudah untuk membandingkan pengalaman dua negara yang tentu berbeza dinamikanya.

Jerman muncul sebagai antara sebuah kuasa ekonomi dunia selepas melalui kemusnahan perang. Sementara Malaysia berada di persimpangan kritikal selepas ekonominya berkembang baik sejak merdeka.

Dalam usaha Malaysia melaksanakan liberalisasi ekonomi, perhatian kepada ciri pasaran bebas adalah penting untuk membolehkannya dasar itu dapat dijalankan dengan baik. Ini kerana pasaran bebas menuntut iltizam politik dan kesedaran tentang kepentingannya dari kaca mata ekonomi.

Namun, dinamika politik akibat kepentingan yang pelbagai sentiasa akan mengujinya. Ini dapat dilihat dalam pengalaman Jerman Barat sendiri, khususnya Ludwig Erhard yang bertanggungjawab dalam menegaskan apa yang beliau yakini.

Pelaksanaan ekonomi pasaran sosial juga berdepan kepentingan yang pelbagai dalam upayanya untuk direalisasikan. Dari semasa ke semasa, ia mengalami perubahan sehingga dianggap tidak lagi mewakili semangat asal.

Rujukan

Buku

1. Rebuilding Germany – the creation of Social Market Economy 1945-1957, oleh James C. Van Hook. Diterbitkan oleh Cambridge University Press pada tahun 2004.
2. The Economics of Success, oleh Ludwig Erhard. Diterbitkan oleh Princeton, NJ pada tahun 1963.
3. Prosperity through Competition, oleh Ludwig Erhard. Diterbitkan oleh Frederick A. Praeger, New York pada tahun 1958.
4. Malaysia Policies & Issues in Economic Development, himpunan tulisan oleh sejumlah penyumbang. Diterbitkan oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) pada tahun 2011.
5. Social Market Economy: History, Principles and Implementation – Economic Policy from A to Z. Diterbitkan oleh Konrad Adenauer Foundation pada tahun 2008.
6. 60 tahun Ekonomi Pasaran Sosial, terjemahan. Diterbitkan oleh Institut Kajian Dasar (IKD) pada tahun 2010.

Dokumen lain

1. Model Ekonomi Baru (MEB) oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC).
2. Teks Bajet 2011 dan 2012 Malaysia yang dibacakan oleh Menteri Kewangan Malaysia.
3. Maklumat Am Mata Wang Malaysia. Diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.
4. Transition towards a Social Market Economy? Limits and Opportunities oleh Joachim Ahrens.
5. The Economics of German Reunification oleh Jennifer Hunt.
6. Principles and Core Values of the Social Market Economy oleh Matthias Schäfer.
7. Reunification, Restructuring, Recessions and Reforms – The German Economy over the Last Two Decades oleh Michael Grömling.

8. West German Growth and Institutions, 1945-1990 oleh Wendy Carlin.
9. The Postwar German "Wonder Economy" and Ordoliberalism oleh Lawrence H. Whit.
10. The Postwar West German Economic Transition: From Ordoliberalism to Keynesianism oleh Johannes R.B. Ritterhausen.
11. Walter Eucken's Principles of Economic Policy Today oleh Ulrich van Suntum, Tobias Böhm, Jens Oelgemöller and Cordelius Ilgman.
12. Markets and Constitutions: Lesson from Weimar Germany oleh Harold James.
13. The Market Economy and The State – Hayekian and Ordoliberal Principles oleh Manfred E. Streit dan Michael Wolgemuth.
14. A Responsible Market Economy – Principles and Foundations oleh Ulrich van Suntum, Tobias Böhm, Jens Oelgemöller and Cordelius Ilgmann.
15. Freedom and Order for more Justice. Terbitan Konrad Adenauer Foundation (KAF).
16. Social market economy: An inquiry into the theoretical bases of german model of capitalism, oleh Umut Devrim Özbideciler.
17. The Freiburg School: Walter Eucken and Ordoliberalism oleh Viktor J. Vanberg.
18. The Formation And Implementation of the Social Market Economy by Alfred Müller-Armack and Ludwig Erhard – Incipency And Actuality oleh Christian L. Glossner David Gregosz. Terbitan Konrad Adenauer Foundation (KAF).
19. The Social Market Economy – birth of an economic style oleh Sylvain Broyer.

Laman web

1. Wikipedia
2. Elections to German Bundestag di <http://electionresources.org/de/>
3. Inflasi di <http://www.inflation.eu/inflation-rates/germany/inflation-germany.aspx>
4. Sejarah Jerman di <http://www.historyplace.com/index.html>